



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA

PUAN HAJAH ROHANA BINTI ABDUL RAHMAN

TOKOH KRAF NEGARA 2020

MENGENAI PENGALAMAN BELIAU DALAM BIDANG SERAMIK

SITI NUR SARAH BINTI JUHAR

(2018867984)

SYAFIQAH NAJIHAH BINTI JAMALI

(2018635252)

SEMESTER OKTOBER 2020-FEBRUARI 2021

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA

PUAN HAJAH ROHANA BINTI ABDUL RAHMAN

TOKOH KRAF NEGARA 2020

MENGENAI PENGALAMAN BELIAU DALAM BIDANG SERAMIK

SITI NUR SARAH BINTI JUHAR

(2018867984)

SYAFIQAH NAJIHAH BINTI JAMALI

(2018635252)

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

SEMESTER OKTOBER 2020-FEBRUARI 2021

## **ISI KANDUNGAN**

<b>ABSTRAK .....</b>	i
<b>PENGHARGAAN .....</b>	ii
<b>SENARAI ABREVIASI .....</b>	iii
<b>SINGKATAN NAMA .....</b>	iv
<b>RUJUKAN KATA .....</b>	v
<b>1.0 BIOGRAFI PENEMUBUAL .....</b>	1
1.1 Biografi Penemubual Pertama.....	1
1.2 Biografi Penemubual Kedua .....	2
<b>2.0 BIOGRAFI TOKOH .....</b>	3
2.1 Pengenalan Kepada Tokoh.....	3
<b>3.0 PENGENALAN SEJARAH LISAN .....</b>	4
<b>4.0 ULASAN LITERATUR .....</b>	6
4.1 Pengenalan Kepada Topik.....	6
<b>5.0 TRANSKRIP TEMUBUAL .....</b>	9
<b>6.0 RINGKASAN .....</b>	175
<b>7.0 LOG TEMUBUAL .....</b>	176
<b>8.0 KESIMPULAN .....</b>	184
<b>9.0 RALAT .....</b>	185
<b>10.0 GLOSARI .....</b>	186
<b>11.0 INDEKS .....</b>	187
<b>12.0 RUJUKAN .....</b>	190
<b>13.0 LAMPIRAN .....</b>	192
13.1 Biografi Tokoh .....	192
13.2 Surat Perjanjian .....	193
13.3 Senarai Soalan .....	194
13.4 Diari Penyelidikan .....	199
13.5 Lampiran Gambar .....	203

## **ABSTRAK**

Malaysia memiliki seni kesenian dan kebudayaan, termasuklah warisan Seni Kraf Seramik di mana ia telahpun wujud sejak kerajaan Melayu lama. Terdapat pelbagai teknik dan bentuk kreativiti dalam penghasilan karya seni seramik. Lazimnya akan dikaitkan dengan konsep keindahan dan fungsi seramik itu sendiri. Seni Kraf Sramik wujud dalam pelbagai bentuk dan fungsi. Penekanan kepada elemen corak yang menarik telah menjadikan kraf seramik sebagai produk yang kreatif dan berkualiti tinggi. Kelestarian nilai-nilai unik menjadi pemangkin kepada pembangunan industri Seni Kraf Seramik itu sendiri untuk terus berada di persada dunia yang lebih baik. Tujuan utama kajian ini adalah untuk memberi pendedahan kepada masyarakat di negara ini mahupun di negara luar tentang kepelbagaian dan keunikian pembuatan Seni Kraf Seramik di Malaysia. Kajian ini menggunakan kaedah sejarah lisan bersama penggiat dan pengusaha seramik yang memiliki pengalaman lebih 30 tahun dalam bidang seramik ini. Kajian ini juga menggunakan kaedah analisa dokumen untuk mendapatkan maklumat tambahan untuk menyokong tujuan utama kajian ini. Hasil penyelidikan ini menggambarkan proses penghasilan seramik dan cabaran-cabarannya.

## PENGHARGAAN

Segala puji ke hadrat Ilahi atas kurniaan rahmat dan nikmat kepada kami. Setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat-Nya atas pengurniaan ilham dan kekuatan kepada kami dalam menjalankan tugas ini. Pelbagai rintangan yang kami hadapi terutamanya semasa pandemik COVID 19 ini, namun dengan izin-Nya dapat kami sempurnakan projek ini dengan jayanya.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada Puan Hajah Rohana binti Abdul Rahman kerana sudi bersama-sama kami untuk ditemubual dan menceritakan perihal berkenaan bidang kepakaran beliau, iaitu bidang seramik. Beliau sangat merendah diri dan lemah lembut, tetapi juga amat tegas dengan pendirian beliau. Kami sangat berbesar hati kerana dapat berhadapan sendiri dengan Tokoh Kraf Negara 2020 ini.

Di kesempatan ini, kami tujukan juga sebesar-besarnya penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Encik Jafalizan Md Jali di atas tunjuk ajar, bimbingan dan perkongsian ilmu oleh beliau dalam kursus IMR 604 (*Oral Documentation*). Segala panduan dan nasihat beliau amat membantu kami dalam menyelesaikan projek Sejarah Lisan ini.

Seterusnya, sekalung penghargaan dan terima kasih juga kepada ibu bapa kami yang tidak jemu menyokong kami sama ada secara mental atau fizikal, bukan sahaja semasa menyelesaikan tugas ini malahan juga sepanjang pengajian kami di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Puncak Perdana.

Akhir kata, penghargaan ini ditujukan juga kepada rakan-rakan seperjuangan. Setiap bantuan dan kata-kata semangat menjadi kekuatan untuk bersama-sama tempuh susah senang semasa pandemik COVID 19.

Sekian, terima kasih.

## SENARAI ABREVIASI

<b>ABREVIASI</b>	<b>MAKSUD</b>
UM	Universiti Malaya
KL	Kuala Lumpur
ITM	Institut Teknologi MARA
UiTM	Universiti Teknologi MARA
UK	United Kingdom
MARA	Majlis Amanah Rakyat
STC	Sweet Touch Ceramic
HAC	Home Access Center
MK Land	MK Land Holdings Berhad
US	United States
COVID-19	Corona Virus Disease 2019
JV	Joint Venture
ST	Sweet Touch
HKK	Hari Kraftangan Kebangsaan
ACCA	Association of Chartered Certified Accountants
BMW	Bavarian Motor Works/Bayerische Motoren Werke
KFC	Kentucky Fried Chicken
USD	U.S. Dollar
RM	Ringgit Malaysia
SIRIM	Standard and Industrial Research Institute of Malaysia
PH	Parti Harapan
MEDAC	Ministry of Entrepreneur Development and Cooperatives
PhD	Doctor of Philosophy
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
USM	Universiti Sains Malaysia
GSN	Global Services Network
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
PTPTN	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional
CIT	Corporate Income Tax

## **SINGKATAN NAMA**


<b>NAMA</b>	<b>SINGKATAN NAMA</b>
RAR	Rohana Abdul Rahman
SNS	Siti Nur Sarah Juhar
SNJ	Syafiqah Najihah Jamali

## **RUJUKAN KATA**

<b>SINGKATAN</b>	<b>MAKSUD</b>
Je	Sahaja
Kat	Di/Pada/Kepada
Nak	Hendak
Ni	Ini
Pastu	Selepas itu
Tapi	Tetapi
Tak	Tidak
Takda	Tiada
Takpa	Tidak mengapa
Tu	Itu

## **1.0 BIOGRAFI PENEMUBUAL**

### **1.1 Biografi Penemubual Pertama**



Nama : Siti Nur Sarah binti Juhar  
No. Matrik : 2018867984  
Alamat : D/A Seksyen 20,  
40300 Shah Alam, Selangor  
Email : jsitinursarah@gmail.com  
Program : Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Rekod  
(IM246)  
Fakulti : Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Kampus Puncak  
Perdana

## 1.2 Biografi Penemubual Kedua



Nama : Syafiqah Najihah binti Jamali  
No. Matrik : 2018635252  
Alamat : D/A Taman Universiti Bangi,  
Sg. Tangkas,  
43000 Kajang, Selangor.  
Email : syafyjamali@gmail.com  
Program : Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Rekod  
(IM246)  
Fakulti : Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Kampus Puncak  
Perdana

## 2.0 BIOGRAFI TOKOH

### 2.1 Pengenalan Kepada Tokoh



Puan Hajah Rohana binti Abdul Rahman ialah pemegang anugerah Tokoh Kraf Negara 2020 merangkap pengusaha seramik Malaysia yang turut memiliki sepuluh anugerah lain, termasuklah Anugerah Adiguru Kraf Seramik pada tahun 2019. Puan Hajah Rohana telahpun berkecimpung dalam bidang seramik ini sejak lebih 30 tahun dahulu. Dengan ilham daripada perusahaan kecil bunga roti pada awalnya, beliau sehingga ke hari ini berjaya mengembangkan seni kraf Malaysia dalam bentuk produk seramik. Kepakaran dan kemahiran yang tinggi dalam pembuatan seramik ini adalah hasil daripada semangat dan minat beliau sendiri menimba ilmu dalam pengajian seramik hingga ke luar negara, serta turut melibatkan diri dalam pelbagai pameran kraf antarabangsa. Pasaran produk seramik beliau di bawah nama *Sweet Touch Ceramic* telah berjaya menembusi pasaran negara Barat, Timur Tengah, serta negara-negara jiran.

### **3.0 PENGENALAN SEJARAH LISAN**

Sejarah lisan merupakan penceritaan peristiwa-peristiwa sejarah pada masa lampau yang berperihalkan memori dan kenangan seseorang yang diceritakan secara lisan. Hadi Susanto (2018) dalam penulisannya menyatakan bahawa hal ini melibatkan emosi, sentimen dan perkara-perkara peribadi yang seharusnya diambil kira sebagai sebahagian dari sejarah umat manusia secara amnya. Ini juga bermaksud peristiwa tersebut memiliki nilai signifikansi terhadap sesuatu sejarah itu.

Hadi juga ada mendefinisikan tradisi lisan sebagai sumber kebudayaan yang dipindahkan dari satu generasi ke generasi lain secara ucapan, tanpa menggunakan penulisan. Ini dapat dilihat dalam pelbagai bentuk seperti pepatah, puisi naratif, lagu, cerita rakyat, salasilah dan puisi pujian. Dengan cara ini, unsur-unsur sejarah, undang-undang dan preskripsi juga dapat tersebar. Bagi merakamkan sejarah tertentu, kajian lisan adalah antara kaedah yang diperlukan oleh pengkaji sejarah. Kajian lisan ialah suatu kaedah merakam, mengumpul, menyimpan dan mentafsir suara dan kenangan seseorang tokoh dan dilakukan secara wawancara. Penceritaan daripada tokoh yang dipilih kebiasaannya adalah dari pengalaman dan penglibatan mereka sendiri.

Kajian lisan bukan sahaja merekod peristiwa-peristiwa sejarah bagi sesuatu insiden penting, bahkan juga termasuk merakam kajian terhadap pembuatan seni kraf di Malaysia. Rakyat Malaysia terutamanya masyarakat Melayu telah menghasilkan barang seni sejak kewujudan Melayu lama lagi, yang sehingga ke hari ini menjadi khazanah seni negara yang bernilai (Fazlina Omar & Tajul Shuaizam Said, 2018).

Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (n.d.) mendefinisikan seni kraftangan sebagai barang artistik hasil dari kemahiran tangan yang menjadi tarikan kebudayaan atau tradisional. Kewujudan seni kraf seramik, atau juga dipanggil sebagai tembikar, juga telah lama bermula sejak beribu tahun dahulu di negara ini. Kesenian ini dihasilkan dengan fungsinya yang tersendiri di samping menjadi terapi dengan penghasilan pelbagai jenis motif dan corak indah hasil kehalusan kerja tangan.

Pepatah Melayu ada berpesan, “Hendaklah seperti tembikar, pecah satu pecah semuanya” di mana ia membawa maksud hendaklah kita hidup dalam muafakat, apabila senang dinikmati bersama dan kesusahan dipikul bersama. Di sini dapat dilihat bahawa kemunculan tembikar telah lama wujud dan amat penting sehingga ianya disebut di

dalam peribahasa Melayu sejak sekian lamanya. Hal ini juga membuktikan bahawa masyarakat Melayu sejak zaman dahulu amat menitikberatkan nilai-nilai murni dalam kehidupan. Justeru, seni kraf seramik ini mempunyai kepentingan dan fungsi tersendiri disebalik penghasilannya.

Menurut Siti Rosni Nik Mohd Zaid (2019), kesenian seramik mempunyai prinsip asas yang dapat dilihat melalui bentuk dan motif pada barang seramik tersebut. Bagi menghasilkan seramik yang menarik, aspek jalinan yang pelbagai menyumbang kepada daya tarikan barang berkenaan. Di samping itu, keseimbangan simetri dan tidak simetri menentukan keunikan dan tarikan pada seramik itu, selain dari aspek rupa, warna dan bentuk. Sesuatu barang seramik boleh menjadi lebih tinggi nilai artistiknya dengan menggunakan prinsip pengulangan unsur garisan bagi menggambarkan irama dan pergerakan.

Siti Rosni turut menggambarkan bahawa seni kraf seramik memiliki teknik-teknik pembentukan atau binaan yang tertentu seperti teknik picit, lingkaran, kepingan, lempar alin (juga dikenali sebagai teknik putaran) dan teknik acuan. Selain teknik acuan, keempat-empat teknik berkenaan menggunakan kemahiran kraftangan untuk membentuk seramik. Manakala, teknik acuan adalah untuk membentuk seramik dengan menggunakan acuan bentuk yang diingini, di mana tanah liat yang dicampur air dituang ke dalam acuan tersebut. Kesemua teknik yang digunakan dalam proses pembentukan seramik amat penting untuk dilakukan secara penuh teliti.

## **4.0 ULASAN LITERATUR**

### **4.1 Pengenalan Kepada Topik**

Istilah "tembikar" digunakan secara meluas pada zaman kuno, yang bermaksud bahawa produk seni kraf tangan sendiri yang mempunyai pelbagai fungsi tercipta dari tanah liat dan jumlahnya yang terbatas (Ham Rabeah, 1997). Pembuatan tembikar juga dapat memenuhi kehendak penciptanya untuk menimbulkan keindahan dan perincian kehalusan hasil seni kraf tangan yang dibentuk. Tembikar merupakan sebahagian bukti utama untuk mengkaji peradaban manusia di mana penciptaan dan penggunaan tembikar menjadi tanda perubahan yang agak besar dalam penggunaan sehari-hari seperti pengambilan dan penyediaan makanan, menampung air, memungkinkan pengeluaran dan penggunaan makanan atau air yang berskala tinggi bagi tujuan penyimpanan pada zaman dahulu.

Menurut Arkib Negara Malaysia (n.d.), seramik telah wujud sejak pedagang-pedagang dari negara luar dan tempatan mula berdagang di Kepulauan Melayu. Hal ini kerana antara kesan sejarah yang wujud di Lembah Bujang akan dipelihara oleh Jabatan Muzium Arkeologi Lembah Bujang. Di mana terdapat pelbagai hasil penemuan dari aktiviti carigali berkaitan artifak yang pelbagai seperti manik kaca serta protosejarah yang lain. Di dalam Malaysia, pengajian dalam bidang seni seramik telahpun wujud lebih 50 tahun yang lalu secara rasminya melalui kursus pengajian yang ditawarkan (Jabatan Arkib Universiti, 2008). Universiti Teknologi MARA (UiTM) ialah antara institusi pengajian tinggi, merangkap perintis yang menawarkan pengajian dalam bidang seramik dan telahpun membentuk ramai pengkarya seramik tempatan hingga sekarang (Mohd Khairi Baharom, 2020).

Menurut Asyaari (2010), sejarah eksport seramik ke Semenanjung Tanah Melayu, terutama pada masa itu, diketahui melalui peninggalan arkeologi dan bukti bertulis. Di antara negara-negara yang mengeksport seramik ke orang Melayu, terdapat negara-negara Timur Tengah. Selain seramik, kebiasannya barang-barang lain seperti sutera, rempah ratus, permata juga menempati seluruh dunia Melayu daripada pengangkutan kapal semasa kewujudan sistem perdagangan. Di samping itu, Nurhadi et al. (2008) juga ada menyatakan bahawa seramik ialah produk ciptaan seseorang hasil daripada tanah liat yang telah diproses pada suhu yang sesuai ketika dibakar.

Dalam kajian Azmi Arifin (2015), penyelidik tersebut menyatakan bahawa kawasan yang biasanya terlibat dalam pembuatan tembikar selalunya terletak di kawasan yang terdapat banyak tanah liat di situ. Secara amnya, tanah liat berkualiti tinggi terdapat di tempat yang berdekatan dengan sungai. Oleh itu, tidak menghairankan bahawa loksai pembuatan tembikar banyak wujud di sepanjang tebing sungai seperti di Sungai Perak. Azmi turut menghuraikan hasil kajiannya di mana pembuat labu sayong tradisional mendapatkan bahan tanah liat dari sawah padi dan lereng bukit berdekatan sungai.

Menurut Hamdzun Haron dan Narimah Abd Mutualib (2013) pula, penyediaan tanah liat bagi membuat kebanyakan barang tembikar tradisional seperti labu tanah, Mambong, dan Terenang adalah menggunakan cara yang hampir sama. Bahan utama yang diperlukan adalah diperoleh dari dasar sungai yang kemudiannya dikeringkan sebelum digiling tanah tersebut. Berdasarkan kajian ini, dapat difahami bahawa sumber untuk mendapatkan tanah liat, iaitu bahan mentah untuk membuat tembikar atau seramik, secara asasnya dapat ditemui di kawasan sungai.

Ham Rabeah (1997) juga ada menyatakan reka bentuk dan corak yang dihasilkan pada setiap tembikar tradisional menyerlahkan lagi keunikan yang kreatif hasil daripada tukang pencipta tersebut kerana terdapat dekorasi serta bentuk geometri yang diterap atau diukir dari ukiran kayu. Selain itu, jenis-jenis bahan seramik terdiri daripada tanah liat, porselin, gerabah, seramik kaca, bata api, karbon, silikon atau silika, silikon karbida, titanium karbida (*cermet*), tungsten karbida, bioseramik, komposit matriks seramik, dan sebagainya (John Spacey, 2019).

Berdasarkan artikel daripada Norhayati dan Humin (2016), sesetengah hasil pembentukan atau produk sesuatu seramik adalah terdiri daripada tanah liat. Halini menjadikan di pengakhiran pembutan tembikar ini menjadikan ia keras dan mudah pecah. Secara amnya, proses pembakaran yang dilakukan bagi menghasilkan seramik yang sempurna adalah berganda iaitu sebanyak dua kali. Lakukan pembakaran pertama sehingga suhu berkedudukan  $800^{\circ}\text{C}$  tercapai. Pada tahap ini tekstur tanah liat yang dibakar berada dalam keadaan berpori, dan pembakaran seterusnya akan dilakukan bersuhukan sebanyak  $1200^{\circ}\text{C}$ . Seterusnya menjadikan tekstur tanah liat tersebut berubah bentuk kepada kaca di samping menjadikan keadaan terkini tidak berpori lagi.

Rusmadiah Anwar et al. (2011) dalam kajian mereka telah mendapati bahawa peningkatan kekuatan badan seramik dalam peralatan kebersihan menjadi situasi penting untuk mencapai pembangunan reka bentuk baru. Pembangunan reka bentuk ini secara langsung berkaitan dengan penyiasatan proses pembuatan sekarang yang melibatkan bentuk, bahan dan teknik. Penggunaan bahan dalam karya ini adalah badan seramik khas iaitu porselin. Porselin terdiri daripada tanah liat China, feldspar dan kuarza. Dalam peralatan kebersihan, cabarannya adalah untuk merancang bentuk dalam batasan badan porselin yang menjadi kekuatan setelah pemutus dan penembakan. Dalam karya ini, mereka mengubahsuai badan porselin yang ada menggunakan sisa marmar yang diperoleh dari kuari guli. Sisa marmar yang diperoleh digiling menjadi habuk dan dicampurkan ke dalam slip badan porselin. Ciri khas pemutus slip ditentukan. Kemudian, ciri pengeringan dan pembakaran juga ditentukan, khususnya kekuatannya. Peningkatan kekuatan diperhatikan serta peningkatan sifat lain. Oleh itu reka bentuk yang rumit dapat dikembangkan.

Menurut Azlan (2015), teknik yang digunakan untuk membentuk seramik antaranya termasuklah teknik picitan, lingkaran, kepingan, acuan dan putaran. Manakala, ragam hias bagi sesuatu seramik pula dengan menggunakan teknik ukir, timbul, tekan, tebuk, guris, catan dan sebagainya mengikut kreativiti hasil seni kraf tangan seseorang tersebut. Cara menghias seramik ini juga merangkumi teknik menghasilkan jalinan, dan juga mewarna dengan menggunakan bahan campuran ‘*slip*’ atau ‘*engobe*’ dengan bahan oksid stain (Jabatan Arkib Universiti, 2008).

## **5.0 TRANSKRIP TEMUBUAL**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Berikut adalah temubual sejarah lisan mengenai proses pembuatan Seni Kraf Seramik oleh seorang tokoh dalam bidang Seni Kraf Seramik. Bersama-sama kami ialah Puan Hajah Rohana bt Abdul Rahman yang merupakan seorang Tokoh Kraf Negara 2020. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 11 Disember 2020 bersamaan dengan hari Jumaat pada pukul 10.28 pagi bertempat di Sweet Touch Ceramic, Taman Keramat, Kuala Lumpur. Temubual ini dikendalikan oleh Siti Nur Sarah binti Juhar dan juga Syafiqah Najihah binti Jamali. Dengan segala hormatnya, temubual dimulakan.

**SNS: Kami akan menemu bual bersama *auntie* [mak cik] untuk bidang seramik ini.**

RAR: Okey. (mengangguk)

**SNS: Jadi, boleh kami mulakan?**

RAR: Boleh, silakan.

**SNS: Baik, terima kasih. Mm-mm, kami nak [hendak] tanya, boleh *auntie* terangkan tentang latar belakang diri *auntie*?**

RAR: Okey. *Auntie* bukan dalam bidang seramik. Masa mula-mula, *auntie* dalam bidang Antropologi Sosiologi Psikologi [Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan (Kepujian) Antropologi dan Sosiologi] di Universiti

Malaya [Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur]. So [jadi] lepas [selepas] *grad* [*graduation*, bermaksud tamat pengajian] susah hendak dapat pekerjaan. Jadi, *auntie* mengajar sekejap di Sekolah Menengah Maxwell [Sekolah Menengah Kebangsaan Maxwell, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur] sementara tak [tidak] dapat pekerjaan. Dan di samping itu, *auntie* buat bunga roti sebagai hobi dan semasa membuat bunga roti itu-- sebab kita mengajar pagi, siap petang sampai malam kita *free* [lapang], kan? Jadi, kita banyak masa dan *auntie* buat lah bunga roti ini, buat gubahan, buat macam *frame* [bingkai] buat macam-macam lah-- sampai masuk Majalah Wanita lah.

**SNJ: Mm-mm.**

RAR: *And then* [dan kemudian] (tergelak kecil) bila buat tu [itu] dapat lebih daripada yang mengajar itu, bukan sebab kita tengok duit sebab-- maksudnya kita kata boleh buat *business* [perniagaan]. Jadi, selepas itu teringat masa zaman dulu kita panggil porselin ini, bunga porselin ini, bunga batu. Jadi, masa itu Satay House dia ada di London [London, England, United Kingdom] dia yang import bunga itu ke Malaysia dan semua *student* [pelajar] ke [atau] apa, orang kalau pergi London dia orang mesti bawa balik kat [dekat] mak [emak] dia bunga batu, buat balik Ferrero Rocher, masa dulu sini takda [tiada] Ferrero Rocher semua, kan?

**SNS: (angguk) Mm-mm.**

RAR: Bawa balik semua itu. Jadi, *auntie* kata “*why not auntie* buat bunga batu? [kenapa tidak saya buat bunga batu?]”. Jadi, masa itu tidak tahu yang kata ia dari *clay* [tanah liat] dari seramik, jadi *auntie* ambil simen, bancuh simen, buat-buat keras. Itu *my mother* [emak saya] kata, “Isk, tidak boleh ini. Kena-” jadi tanya-tanya orang, dia kata, “Ini seramik tanah liat kena pergi ITM [Institut Teknologi MARA kini Universiti Teknologi MARA]”. Pergi lah ITM. Pergi ITM, tengoklah tanah liat itu semua tapi [tetapi] dia orang tidak ada buatlah benda ini [seramik]. Dia orang buat abstrak, buat benda-benda macam abstraklah, kan? Benda-benda itu.

### **SNJ: Mm-mm.**

RAR: Jadi, pegang tanah itu (ketuk meja) cuba (ketuk meja), ha- boleh. Jadi, (ketuk meja) selepas itu kata hendak-- buatlah pahtu [selepas itu] tidak tahu hendak belajar di mana-- apa ini, tiada mm-mm apa-- *Google* tiada, *WhatsApp* tiada, internet semua.

### **SNS: Betul.**

RAR: Jadi, pergi Kedutaan Jepun [*Embassy of Japan*, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur] orang kata, Jepun ada. Kedutaan Jepun dia kata memang ada seramik. Tetapi dia orang moden sikitlah, kan? Selepas itu, kita tidak boleh ber-cakap Jepun, kita tidak boleh itu [bertutur dalam Bahasa Jepun], pergi kedutaan ha apa ini, British, kan? UK [*British High Commission*, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur], dia orang kata, ada. Jadi, [saya] tulis

surat dekat England [Kedutaan British], dia kata, ada. *So since you* [Jadi sebabkan kamu] sudah ada *degree* [ijazah] tak payah [tidak perlu]---- kena [perlu] dapat *certificate* [sijil] sahajalah. *So, for six months* [Jadi, untuk enam bulan] kan. Jadi, *right in* [terus] dia kata boleh datang. Jadi, perlu bayarlah semua yuran, semua. Jadi, masa itu hendak bayar yuran tidak ada duit, kan? (tergelak) Maksudnya, hendak pergi UK [United Kingdom] jadi [saya] minta MARA [Majlis Amanah Rakyat] semua, pergila. Semua tidak mahu, tidak bagi. Jadi, terpaksa beranikan diri pergi jumpak [jumpa] Tan Sri Allahyarham lah Sanusi Junid [sic, Allahyarham Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Haji Sanusi Junid] sebab masa itu dia Menteri Luar Bandar [sic, Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, 1981-1986] rasa *something like that* [sesuatu seperti itu] lah. Jadi, pergi tunjuk pada dia bunga roti semua, cakap pada dia “saya teringin hendak belajar di England [Englad, United Kingdom], tolonglah enam bulan sahaja” cakap dengan dia, selepas itu dia kata “takpe [tidak mengapa], balik dulu”. Selepas dua hari, ada orang datang ke rumah, masa itu tengah buat bunga banyaklah. Rumah itu *showroom* [bilik pameran] macam ini [merujuk kepada kedai Sweet Touch Ceramic, Kuala Lumpur], penuh macam kedai bunga. Bunga bat--bunga roti lah. Selepas itu, dia [wakil Allahyarham Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Haji Sanusi Junid] datang dia tanya, “Cik, cik ini macam mana kenal dengan Tan Sri Sanusi Junid?”. Eh kata dia menteri, semua orang kenal. Selepas itu, dia kata, “Ada kena mengena ke [kah]?” Orang politik, bukan?

**SNS: Mm-mm.**

RAR: Tidak ada. Selepas itu kenapa? Dia-- orang bagi-- hendak bagi-- dia orang dari MARA hendak bagi pergi belajar di UK. Jadi, kelas itu (ketuk meja) dah hendak masuk sudah es-- dalam masa dua hari. Jadi, dia kata dia orang

akan bagi *scholarship* [biasiswa] lah, pergi lah nanti. Jadi, hari itu juga pergi buat visa pergi buat pasport, (bunyi motor) pergi buat semua lah dalam masa dua hari. Selepas itu, malam itu pula kebetulan (ketuk meja) mak bertanding tahfiz al-Quran, pergi teman dia pula. Dia dapat ini nombor satu lah. Tahfiz haa apa ini-- hafal [hafaz] al-Quran, bukan? Johan Selangor dan Wilayah [Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur]. Jadi, dia dapat lima belas ribu [RM 15,000] dia kata, “ambil dulu duit ini”. Alhamdulillah lah. Itu duit Quran [al-Quran] lah, itu berjaya itu. Selepas itu, pergi lah UK. Pergi UK yang kelakar itu kita-- nasib baik lah sebelum ini *auntie* pernah pergi buat *thesis* [tesis] buat kajian pasal [fasal], pelacuran pasal [fasal] setinggan di Indonesia, dah pernah lah naik kapal terbang, kalau tidak, jadi jakun [teruja] lah sikit, bukan? Jadi, bila [di] sana dulu-- macam sekarang sekejap je [sahaja] pergi UK, dulu tujuh jam, bukan? Sebab sekarang boleh cepat, bukan?

### **SNJ: (angguk) Mm-mm.**

RAR: Jadi, macam risau lah masa hendak pergi itu yang kelakar itu. Orang MARA pegawai-pegawai dia datang bawa barang-barang su-ruh bagi kepada saudara dia orang, ikan masin lah ikan bilis lah macam itu lah kan [bukan]. *Auntie* ini tidak bawa apa pun sebab tidak sempat kan [bukan]? Jadi dia ingat lah beli sahaja lah baju sejuk di sana semua kan [bukan]? Bawa *simple* [sederhana] sahaja kan pergi. Jadi, dalam kapal terbang duduk diam sahaja sebab dia orang kata lah, “*you* [awak] pergi naik itu [kapal terbang] macam lah macam-- hendak pergi Chow Kit [kawasan pinggir bandar di tengah Kuala Lumpur, Malaysia] sahaja”, dia orang cakap terus diam. Itu sebab kita boleh cakap *English* [Bahasa Inggeris] jadi kita tengok, tanya, sampai lah di MARA *hostel* [asrama]. Pergi duduk di MARA *hostel* [asrama] selepas itu daftar semua lah. Jadi, pergi masuk ke Brunel University of London [London, England] itu lah. Jadi, sudah *start* [mula] belajar itu, tetapi dia enam bulan dia teori. Itu macam haa selepas itu kita

kena praktikal. Nasib baik lah praktikal hendak kena sambung lagi, jadi dia orang bagi takat [setakat] enam bulan sahaja, tetapi sebab itu *auntie* sampai sahaja, (ketuk meja) *auntie* sambil belajar dia se-kerat hari sampai pukul tiga [jam tiga petang] macam itu, *auntie* kerja *laundrette* [dobi], kerja macam-macam lah, apa yang *part time* [kerja sambilan] lah. Jadi, ingat nanti enam bulan hendak sambung kan [bukan] sebab duit emak yang bagi itu pun simpan lah kan [bukan] (bunyi motor). Jadi, (ketuk meja) sudah kebetulan hendak jadi rezeki, masa dia orang suruh bancuh *glaze* [gerlis] lah yang kilat itu, buat buat *auntie* punya *best* [terbaik] paling bagus. Jadi, dia *auntie* dapat dalam *certificate* [sijil] itu ‘*Best Student in Glazing*’ [Anugerah Pelajar Terbaik dalam Teknik Gerlis]. Jadi, *glaze* [gerlis] itu masa itu kita tidak tahu apa sangat fasal *glazing* [menggerlis] ini, dia orang sudah jual. Tidak tahu sekarang ini yang salah satu *glaze* [gerlis] yang *auntie* buat itu dia orang sudah jual, nama apa tidak tahu kan [bukan] haa itu. Jadi, bila dapat ‘*Best Student in Glazing*’ itu, dia tanya apa lagi hendak buat. Cakap kata hendak buat praktikal, jadi dia hantar ke Essex [University of Essex, England] yang *throwing* pakai itu semua lah buat --. Jadi, *after* [selepas] di Essex, kita [saya] buat *apprentice* [perantis] itu lah alhamdulillah. Makna tiga-tiga [ketiga-tiga] *auntie* dapat.

**SNS: Baik, terima kasih atas sedikit latar belakang yang *auntie* telah ceritakan.**

**Kami hendak *info* [maklumat] tentang *auntie* seperti nama, sejarah biodata *auntie*. Boleh *auntie* ceritakan?**

RAR: Saya Rohana binti Abdul Rahman.

**SNS: Ya.**

RAR: Sekarang umur sudah enam puluh satu tahun. Berasal lahir di Kedah tetapi dari kecil [kecil] memang duduk di KL lah. Itu sahaja lah. Tetapi bersekolah di sini [merujuk di Kuala Lumpur] selepas itu belajar di Sekolah Bukit Bintang [Sekolah Kebangsaan Bukit Bintang] selepas itu UM lah Universiti Malaya.

**SNJ: So [jadi] *auntie* lahir bila ya?**

RAR: Sembilan belas lima puluh sembilan [tahun 1959], jadi, enam puluh satu [61 tahun]. Dah tua dah (gelak).

**SNJ: *Auntie* cakap tadi *auntie* sekolah di sini, kiranya daripada tadika ke [kah]?**

RAR: Tidak-- dari darjah satu.

**SNS: Jadi maksudnya tadika *auntie* dari?**

RAR: Tidak ada tadika.

**SNS: Oh, tiada?**

RAR: Dulu-dulu kita orang tadika-- zaman kita orang--

**SNS: Oh, terus darjah satu?**

RAR: A'ah. Dari dulu mana-- zaman kita orang tiada tadika (gelak).

**SNS: Oh, jadi memang pendidikan awal darjah satu memang di sini juga?**

RAR: Mula darjah satu, satu penggal di Kedah lah sebab masa itu—selepas itu, bapak [bapa] pindah KL kan [bukan], dia *ar-my* [askar] selepas itu, masuk dekat di sekolah Keramat ini je sahaja lah. Tetapi masa itu sekolah melayu kita takda [tiada] sekolah Inggeris *so* [jadi] (ketuk meja) *auntie remove* [pindah semula] kelas lah setahun dekat [di] haa Bukit Bintang selepas itu *form* [tingkatan] haa selepas *form* [tingkatan] *five* [lima], *auntie* pergi *form* [tingkatan] *six* [enam] di Sekolah St. John [Sekolah Menengah Kebangsaan St. John, kini dikenali sebagai St. John Institution di Kuala Lumpur] buat-- HAC [Pusat Akses dari Rumah] lah, *form* [tingkatan] *six* [enam] selepas itu pergi UM [Universiti Malaya, Kuala Lumpur].

**SNJ: Okey. Jadi-- tempat tinggal sekarang?**

RAR: Di Keramat ini lah-----

**SNS: Di Keramat.**

**SNJ: Tadi *auntie* ada menceritakan tentang apa itu-- bapa *auntie* sebagai *army* [askar].**

RAR: Ya.

**SNJ: Jadi, boleh ceritakan tentang ibu bapa-**

RAR: Ha kami hanya dua beradik sahaja. A-dik yang ke-- perempuan dia apa ini - *auntie* nombor satu dia nombor dua. A-yah dia memang askar tetapi emak dia memang pandai masak pandai menjahit dan memang menjahit lah tetapi dia memang-- tahfiz lah hafaz Quran [al-Quran], kan? Sudah tiga puluh juzuk, kan. Jadi, dari kecil [kecil] itu asyik dengar mengaji je [sahaja] dekat rumah itu sampai kadang-kadang naik geram tidak boleh buka radio, kan. Tetapi hikmah dia bagus lah. Bila kita pergi luar negeri pun kita ingat apa semua, bukan? Ha, itu baguslah.

**SNS: Mak *auntie* mengajar-- mengaji atau kerja sahaja?**

RAR: Tidak, dia baca selepas itu bi-la dia sudah menang-- itu, Dato' aaa Tan Sri - Dato' arwahlah, Hassan Azhari [Allahyarham Tan Sri Dato' Haji Hassan Haji Azhari, seorang qari dan pakar tajwid Al-Quran dari Malaysia] suruh dia pergi mengajar macam dekat- bank ke apa semualah, macam itulah. Tetapi, bila orang datang hendak belajar, dia ajar sahajalah, macam itu. Tetapi anak-anak, Alhamdulillah semua mengaji dengan dialah.

**SNJ: Adakah minat hendak buat seramik ini daripada-- maksudnya selepas habis *degree* [ijazah]?**

RAR: Tak ada, *auntie* ini suka buat benda-benda masa-- apa ini-- *form five* [tingkatan lima] apa semua. *Auntie* jenis tidak--

### SNS: Masa-- lapang?

RAR: A'ah (mengangguk). *Auntie* tidak macam jalan macam orang tidak ada apa. *Auntie* macam suka buat bunga lilin, *crochet* [mengait], buat benda-benda itu. Selepas itu, emak pula jahit baju. Dia ambil tempahan orang jahit baju. Selepas itu, *auntie* tolonglah jahit kan sembat ini semua dekat dia, kan. Jadi, dia upah lah masa itu satu baju, dua puluh sen sahaja, dulu. (ketawa) Kan? Dulu, dua puluh sen boleh beli benda, kan? Jadi, dia buat hantaran-- jadi *auntie* tolong dialah, buat hantaran pengantin sebab dia memang-pandailah. Emak itu memang pandai masak dan dia punya kuih-kuih semua hantar dekat hotel. Macam pulut sekaya ke apa ke dia memang pandai masaklah.

### SNS: Buat semua itu dari rumah?

RAR: A'ah (mengangguk). Selepas itu, kadang- sebab- suami-- ayah itu-- apa ini askar. Kadang askar buat suruh emak buat makan. Jadi, *auntie* tolonglah dia. Macam itulah. Sebab itu *auntie* duk [duduk] selalu buat-buat bendarlah sampai auntie tidak keluar langsung. Macam berjalan-jalan, pergi rumah orang. Sampai bapak [bapa] cakap, "Hendak pergi tengok wayang, jom lah." Dia boleh hantarkan ke tempat itu-- sebab *auntie* tidak pernah pergi, *auntie*

suka buat itu. Selepas itu, bila sudah hendak masuk U [universiti], *auntie* buat *cross stitch* [jahitan silang], *auntie* buat cedar buat semua lah sampai selepas itu orang beli. Selepas itu, sampai *auntie* kahwin pun ada pakai cedar yang *auntie* buat sendiri- itu jahit *cross stitch*.

**SNS: Simpan lagi cedar itu?**

RAR: A'ah (mengangguk). *Auntie* minat benda-benda macam itu-- dari dulu. Sekarang, anak-anak pula dia orang pandai masak. *Auntie* sudah dua belas tahun tidak masak. Ini mereka cakaplah apa benda, semua mereka masak. *Auntie* sudah *train* [melatih]-- sudah.

**SNJ: *Auntie* ada tak nama panggilan?**

RAR: Mereka semua panggil Ana dekat sini.

**SNS: Ana.**

RAR: Kalau- mereka-- dekat sini, budak-budak *staff*[pekerja] semua panggil kak lah, kak Ana, kak Ana, kan? Macam itulah.

**SNJ: Jadi, dalam-- keluarga *auntie*, kalau dari segi adik beradik *auntie* sendirilah, ada tidak yang memang pernah terlibat dengan seramik ini?**

RAR: Tiada--.

**SNJ: *Auntie* lah yang *frst* [pertama]?**

RAR: A'ah (mengangguk). Masa mula-mula hendak balik buat ini pun mereka marah, mereka cakap-- mereka tidak tahu seramik ini apa, macam mana, kan? Macam kita tahu yang labu sayong sahaja. Selepas itu, mereka duduk berkata siapa hendak beli. Bapa cakap, "Siapa hendak beli bunga ini?" kan. Itu yang *auntie* cerita semalam, bukan kita hendak jual, orang yang minat, dia belilah. Macam kita, siapa hendak. Kalau kita ada duit, kita beli- kaya belilah BMW ke Mercedes [jenama kereta]. Tidak ada duit, kita belilah Kancil ke apa macam itulah. Jadi, bunga-bunga ini sebab orang-orang yang ada duit, dia belilah, kan? Sebab kenapa bunga ini dekat England orang-- yang pergi luar negara suruh bawa balik. Makna, mereka mampulah, kan? Selepas itu, bunga ini pula dia tidak layu. Ha itu sahajalah. Semua marah mereka suruh kerja. Tambah emak lah suruh jadi cikgu lah, bukan semua. Tetapi *auntie* tidak mahu lah. Buat juga lah.

**SNJ: Okey. Jadi, bila yang mereka *start* [mula] macam sokonglah apa yang *auntie* buat ini.**

**SNS: Keluarga.**

**SNJ: Ha.**

RAR: Ayah, bapa itu. Arwah bapalah, dia memang sokong. Dia memang *all-out* [bersungguh-sungguh] dia memang sukalah *auntie* buat itu dengan arwah tokwan [datuk] lah. Dia memang suka buat perniagaan, kan. Jadi, bila *auntie* bermula bila *auntie* sudah buat dari bengkel kecil semua besar. Selepas itu, bila *auntie* sudah buat rumah dua tingkat, belum kahwin lagi, dia macam *happy* [seronok] lah semua, kan. Macam itulah, memang dia sokong semua mereka seronoklah. Itu sahajalah. Sebab dia tengok *auntie* ini jenis kerja sahaja, jenis tidak peduli orang sampai orang tanya, “Bila hendak kahwin?” Sampai *auntie* kata tidak payahlah. Ada, ada. Kalau tidak ada, tidak ada. Tidak pernah fikir pun bab-bab itu. Jadi, itu sahajalah (tergelak kecil).

**SNS: Kalau *auntie* masih ingat, umur berapa yang *auntie* betul-betul *into* [ke arah] seramik.**

RAR: Tidak, masa lepas—(bunyi mesin diselenggara)

**SNS: (celahan) Masa zaman *study* [belajar]?**

RAR: Tidak, masa belajar tiada lagi.

**SNS: Tiada.**

RAR: Bila sudah duduk buat bunga roti semua itu, kan-- tertimbul hendak buat bunga inilah.

**SNS: Pada bunga?**

RAR: Bunga inilah, kan. Ha masa itulah. Masa lepas tamat pengajian lah. Bukan kita dua puluh lima tamat pengajian, dua puluh enam itu, kan.? Selepas itu, bila pergi sudah England, kita sudah nampak balik. Kita terus hendak-- buatlah. Walaupun- mereka takut cabaran, *auntie* kata, "Cubalah. Kita tidak cuba, kita tidak tahu." Haa.

**SNS: Sebab lagi satu bila dari rumah, *auntie* mula buat itu-- dari mana *auntie* dapat bahan-bahan. Beli di mana?**

RAR: Tidak, masa *auntie* pergi sana, *auntie* kerja *auntie* memang kerja. *Auntie* sudah beli pembakar.

**SNS: Oh.**

RAR: *Auntie* sudah order [tempah] bawa balik sekali pembakar kecil. Selepas itu, *auntie* beli-- tanya *supplier* [pembekal] itu, “Ada dekat mana kalau kedai di Malaysia?” Dia kata dekat *Singapore* [Singapura] masa itu. Jadi, *auntie* beli lah tanah itu tetapi pembakar memang sudah beli sudah bawa balik. Kecil sahajalah.

**SNS: Jadi, memang buat semua buat dekat rumahlah.**

RAR: Selepas itu, apa ini-- telefon balik sini, telefon Cina itu dia cakap dekat Singapura. Selepas itu, *auntie* *drive* [memandu] pergi. *Auntie* memang sudah boleh memandu masa dekat UM pun memang *auntie* sudah pakai kereta, kan. Bapa bagi. Jadi, *auntie* pergi dekat Singapura, pagi. Pergi beli barang semua-- selepas itu Cina itu pun sudah baik semua datang duduk buatlah. Kemudian, mula buat-- dekat rumah, masa itu belum buat perniagaan lah. Cuba, cuba, cantik, jadi. Selepas itu, bila kawan kahwin, bagi. Orang-- bagi. Jadi, bila mereka dapat, masa itu perempuan mula sudah kahwin-- sudah dua puluh lapan, dua puluh sembilan. Selepas itu, *auntie* pun bila dapat sahaja apa itu-- “Eh, *very-- sweet--* [sangat manis]”. Itulah teringat Sweet Touch itu asal nama Sweet Touch [Sweet Touch Ceramic Sdn. Bhd.] itu. Mereka kata bila pegang sahaja, “*very sweet*” [sangat manis] itulah. Sebab itu *auntie* kata buat perniagaan lah, kan. Masa itu mula-mula bukan hendak buat perniagaan. Hendak buat *as hobby* [sebagai hobi] dahulu. Kalau berjaya baru hendak-- jadi sudah tengok, selepas itu apa dia-- Sudirman [Sudirman bin Haji Arshad, salah seorang penyanyi lelaki

Malaysia yang tersohor] semua-semua mula tempah, jadi *auntie* mula bukalah Sweet Touch Ceramic. Mula-- itu sahajalah.

**SNS: Jadi, idea nama asal kedai daripada pelanggan-pelanggan.**

RAR: Pelanggan kata “Eh, *very sweet lah, very sweet*” haa.

**SNJ: Okey. Jadi, sebelum *auntie* terlibat dalam bidang seramik ini, kan. Apa pekerjaan *auntie*?**

RAR: Tidak, masa kita tamat pengajian itu- kita-- *auntie* mengajar dekat sekolah bukit bintang- sekolah-- apa ni-- selepas itu, *auntie* pernah bekerja dekat *airport* [lapangan terbang] sekali-- kerja sahajalah, kerja biasa, bukan. Sementara hendak tunggu dapat kerja macam itulah. Selepas itu, sementara hendak dapat *result* [keputusan] itulah. Masa hendak-- dapat keputusan, apa ini *degree* [ijazah] itu pun *auntie* kerja. *Auntie* memang tidak duduk diamlah, macam itu. Memang kerja.

**SNJ: Jadi, yang dekat lapangan terbang itu kerja sebagai apa, ye?**

RAR: Kerja biasa sahajalah. Macam--

**SNS: *Office* [pejabat]?**

RAR: Mereka bukan buat-- pejabatlah. Kerja pejabat (mengangguk).

**SNJ: Okey. Bagaimana pula dengan latar belakang keluarga *auntie* sendiri?**

**Anak-anak.**

RAR: Anak sekarang? Yang- sekarang?

**SNJ: Mm-mm.**

RAR: Sekarang, Alhamdulillah. Anak semua universiti. Alhamdulillah, tiga orang sudah tamat pengajian-- lagi seorang- sudah kerja-- lagi enam bulan akan jadi seorang akauntan, insya-Allah. Alhamdulillah, anak-anak semua baik (tergelak kecil) dan bersyukurlah tiada masalah. Syukur sangat-sangat.

**SNJ: Jadi--**

**SNS: Berapa orang anak?**

RAR: Lima. Tiga- lelaki, dua perempuan. Sekarang, dua orang anak perempuan-jaga- ambil alih dekat Sweet Touch ini. Dan anak lelaki seorang jaga di Kedah.

**SNJ: Bagaimana dengan suami *auntie*?**

**SNS: Boleh ceritakan sedikit.**

RAR: Suami masa dia datang pun *auntie* sudah ada perniagaan, sudah ada rumah, sudah ada semua. Jadi, dia datang bersih sahaja. Jadi, bila datang dia tengok memang *auntie* dah ada semuanya. Jadi, *auntie* hanya sokong sahajalah dia bahagian insurans, kan. Jadi, *auntie* sokong sahajalah. Tetapi, apa ni-- dia tiada lah *involve* [melibatkan]. Tetapi macam bila hendak hantar barang ke, dia tolonglah, dia temanlah. Selepas itu, yang *auntie* bersyukur sangat, *auntie* ini selalu pergi luar negara. Alhamdulillah, sudah umur enam puluh satu ini, *auntie* sudah pergi enam puluh negara. Sudah macam-- orang pergi Dubai sekali apa semua, *auntie* pergi lapan kali. Jerman, sembilan kali. Jadi, macam itulah *auntie* sudah pergi-- bukan melancong. Pergi sendiri, melancong dua puluh lima *country* [negara] masa dekat UK. Selepas itu, bila kahwin dengan suami dia pula baik *talk* [cakap] dalam bidang insurans, dia dapat pergi lima belas negara. Macam pergi Egypt, tengok-- *auntie* ikut dia, kan. Contoh. Selepas itu, bila dengan Kraftangan [agensi Kraftangan Malaysia] *auntie* pergi dua puluh satu negara lagi dengan kraftangan. Jadi, Alhamdulillah lah, jadi *auntie* tidak pergi-- sudah letih, sudah. Anak-anak lah. Jadi, bila suami dapat pergi- macam tempat yang sama, jadi suami----- ada orang, ke? (orang penyelenggaraan datang ke kedai)

**SNS: Tidak mengapa.**

RAR: Selepas itu, a-pa ini-- *auntie* duduk pergi-- ke luar negara itu, suami- dia bagus lah. Dia-- bila *auntie* pergi ke luar negeri dia lah yang tolong jaga anak-anak. Walaupun, ada *maid* [pembantu rumah], ada emak apa semua. Tetapi, dia ada lah. Macam itu lah. Sebab yang insurans dia macam fleksibel sedikit. Tak adalah hari-hari, kan. Macam itu.

**SNS: Bagaimana puhan boleh kenal dengan suami? Adakah suami pun—**

RAR: Tidak kenal. Memang tidak kenal langsung. Kebetulan keluar surat khabar The Sun- Sunday dua muka surat besarlah Sunday Times. Selepas itu, dia baca, dia datang itu hendak *close* [tutup] insurans lah. Orang insurans selalu macam itulah. Jadi, dia datang, *auntie* memang siapa pun *auntie* tidak layan. Sebelum itu pun lah, kan. Sebab duduk sibuk masa itu tengah buat-- masa itu tidak boleh tidak tahu *printing* [cetakan] lagi tahu. Macam itu-- apa semua, kan. Dulu kita tiada *machine* [mesin]. Jadi, *auntie* lukis tangan masa itu buat-- apa ini lukis gambar-- siapa itu-- Allah-- sudah tidak ingat sudah nama dia. Menteri- yang Arab tu-- buat gambar dia bukan, *auntie* lukis memang boleh lukis lah, kan. Selepas itu, dia datang dia kata dia hendak tempah bungalah apa. Habis itu-- *auntie* cakaplah, “Tak apalah, pergilah jumpa-- *staff*[pekerja].” Selepas itu, dia duduk kacau *auntie*. Masa itu tiada *handphone* [telefon bimbit], satgi [sekejap lagi] dia duduk telefon-- selepas itu *auntie* katalah, “Apa benda dia ini?” kan (gelak). Selepas itu, (bunyi mikrofon dipegang) sekali dia cakap dia hendak ajak keluar. Ada orang hendak jumpa *auntie*-- dekat inilah, dekat Ampang Point [Ampang Point ialah sebuah kompleks membeli belah yang terletak di Mamanda, dalam daerah Ampang, Selangor, Malaysia.] macam itu. Jadi, *auntie* tiada masa. Selepas itu, budak-budak ini-- rupanya pekerja-pekerja ini mereka suka, “Pergilah kak [kakak], pergilah kakak.” Mereka cakap macam itu. Selepas

itu, *auntie* pun pergilah sekali. Pergi pergi pergi, ada cakap ada orang suka *auntie*. *Auntie* tahu lah, *auntie* buat Psikologi, kan? *Auntie* tahu lah. Selepas itu, dia duduk sibuk tanya-- selepas itu, dia tempah bunga. Sudah tempah bunga, bunga itu sudah siap. Selepas itu, dia datang-- tidak ambil-ambil. Selepas itu, *auntie* tidak telefon, suruh pekerja yang telefon pakai telefon biasa.

**SNS: Mm-mm.**

RAR: Selepas itu, pekerja kata, “Bunga sudah siap.” Selepas itu, dia datang. Bila dia datang, bila hendak buat bayaran, dia cakap, “Mahal”. *Auntie* malas kata mahal, datang ambil sahajalah *auntie* malas hendak layan dia, kan. *Auntie* kata, “Ambil sahajalah”. Dia pun cakap, “Oh, baik dia ini” (gelak). Jadi, selepas itu, dia ajak pergi keluar sekali sahaja lah, *last* [akhir] makan. Pergi-- selepas itu, bila ini-- dia cakap dia hendak ambil jadi isteri. *Auntie* kata, “Dia ini gila ke apa, kan?” (gelak). Selepas itu, *auntie* kata, “Kalau berani, pergi jumpa emak”. Itu sahajalah. Sekali dia datang betul, *auntie* tengah duduk buat kerja dengan budak-budak, dia duduk datang dekat emak, dia cakap dia hendak meminang tujuh haribulan-- dua puluh sembilan bertunang, tujuh haribulan tujuh, kahwin. Emak ingat kami sudah inilah -- apa semua. Selepas itu, selepas dia balik emak cakaplah, “Tadi orang itu kata bulan depan -- masa itu bulan Januari, bulan tiga dia orang hantar tunang, bulan tujuh, kahwin.”

**SNS: Tahun bila itu? Kalau *auntie* masih ingat.**

RAR: Sembilan belas sembilan puluh satu. [tahun 1991]

**SNS: Oh.**

RAR: Masa-- sembilan belas sembilan puluh satu [tahun 1991] lah. Selepas itu, dia cakap, “Allah, tidak kenal kan semua? Pening”. Selepas itu, bapa esoknya itu-- pergi *check* [siasat] lah anak siapa-- dekat kampung kan. Sudah tahu lah, sudah tanyalah, “Anak siapa?” Selepas itu, bapa balik, bapa cakap, “Dia anak orang biasa sahaja. Bapa dia sudah meninggal-- dia ada kebun lah macam itu lah-- orang-- bukan orang senanglah.” Bapa kata, “Tiada apalah, doa yang baik sahaja.” Kan *auntie* sudah susah hati sudah. Memang *auntie* susah hati. Selepas itu-- lepas bertunang lah juga -- *auntie* memang tidak – selepas itu, sudah bertunang seminggu, Tan Sri MK Land [MK Land Holdings Berhad] kan, Puan Sri datang dia hadir minang [meminang] *auntie* untuk anak saudara dia dekat US [United States]

**SNS: Wah.**

RAR: Selepas itu, *auntie* cakap -- sebelum itu pun ada, keluar itu -- *auntie* tidak mahu. Selepas itu, cakap, “Baru bertunang kak [kakak] Wan, baru seminggu--” -----

RAR: Selepas itu, bapa kata, “Tak boleh, kita orang biasa sahaja. Dia orang kaya, kan MK Land orang kaya, kan? Tak apalah.” Kata -- kalau tidak suka

selepas itu, esok, apa -- tidak mengapa lah, hendak buat macam mana, kan? Terus sahajalah. Terus sahajalah kahwin. Tidak kenal pun, memang tidak kenal. (gelak)

**SNJ: Okey. Itu jadi -- berkenaan dengan suami *auntie* lah, kan?**

RAR: Mm-mm. (mengangguk)

**SNJ: Okey, kalau dari segi- minat dalam seramik ini kan, adakah keluarga *auntie* semua memang minat daripada- awal?**

RAR: Dia orang tidak tahu pun-- dulu orang tidak tahu seramik ini—dia orang hanya tahu labu sayong sahaja.

**SNS: Betul.**

**SNJ: A'ah.**

RAR: Kita cakap -- tanah liat. Seramik ini *in English* [dalam Bahasa Inggeris] kan? Haa itulah. Sebab itu tukar ke seramik. Dia orang tidak tahu -- semua- - ini. Selepas itu pula, masa *auntie* sudah buat -- *auntie* pergi ke Jepun.

*Auntie* buat dekat itu (menunjukkan anugerah yang terletak di kedai) *auntie* dapat dua puluh ribu [RM 20,000] dari Belia Sukan. *Auntie* ada duit, *auntie* pergi belajar dekat Jepun buat anak patung semua. Selepas itu, *auntie* tengoklah apa yang dia orang buat. Jadi, *auntie* balik, *auntie* rekalah semua. Jadi, *auntie* sentiasa tengok, *auntie* suka. Jadi, bila pergi ke luar negara sahaja, *auntie* reka. Balik, *auntie* akan buat benda-benda baru. Tiada lah macam-- bila *auntie* pergi dengan Kraftangan [agensi Kraftangan Malaysia] semua, pergi ke luar negeri, dia orang pergi *shopping* [membeli-belah], beli baju, beli -- *auntie* tidak macam itu -- beg. *Auntie* tidak beli beg. *To tell you the truth* [Untuk memberitahu kamu kebenaran], *auntie* tidak pernah beli beg mahal beratus-ratus. *Auntie* beli- paling mahal pun lima puluh ringgit [RM 50], kasut pun bagi *auntie* benda itu membazir. Bagi *auntie*, kalau kita beli yang mahal-mahal, selepas itu esok-- kita beli yang baru, sudah--terbuang. Selepas itu, apa-- salahnya kita beli murah, dia rosak, kita beli yang lain. Bagi *to me* [bagi saya], tetapi *I like* [saya suka] rumah elok, rumah besar, dan ada kereta. Orang kereta semua kereta yang selesa sebab kita hendak bergerak. Tetapi-- macam beg *handbag* [beg tangan] yang *auntie* bawa itu, baru lapan belas ringgit sahaja. *Auntie* memang tidak suka benda-benda --

#### SNS: (mencelah) *Low profile*. [bersederhana]

RAR: A'ah (bersetuju). Sebab apa bagi kita—*simple* [biasa] sahajalah. Buat apa kita buang duit beli mahal-mahal macam itu, baju dua tiga ratus, membazir. Jadi, kita pakai sekali, selepas itu -- macam itu. Baik kita beli yang biasa sahaja. Tak payah [Tidak perlu]. Jadi, anak-anak ini *auntie* tidak pernah ajar benda mahal, *auntie* tidak pernah ajar emas [memakai barang kemas], tidak pernah pun. Dia orang apa pun tiada, *auntie* yang tak pernah ajar.

**SNS:** Jadi, dekat sini minat seramik itu memang timbul dari *auntie* sendiri- dari-pergi- jelajah negeri-negeri *auntie* dapat idea dari situ untuk buat sendiri.

**SNJ:** Okey jadi-- macam anak-anak, kan tak tahu kan? Asalnya berkenaan dengan seramik. Jadi macam mana *auntie* pupuk minat—

RAR: Dia orang dari kecil sudah duduk tengok dah. Macam itulah. Tetapi bila dia orang sudah tamat pengajian semua, dia orang -- tidak *involve* [sertai] langsung. Dia orang hanya datang macam itu sebab sudah ada pekerja. Sebab dulu dekat sini dua puluh lima orang. Dekat KL-- dekat Kedah lima puluh tujuh [orang]. Ada orang ramai. Jadi benda ini dia orang, tiada apa. Tetapi tidak-- *auntie* tidak mahu ceritalah *auntie* kena-- (gangguan bunyi mikrofon) *fraud* [penipuan] dengan gomen [*government* bermaksud kerajaan] kan? Jadi, *auntie* sudah menang kes. Jadi-- *auntie*-- inilah -- *auntie*-- dugaan kuat. *Auntie* kena-- anaya dengan kerajaan. Tetapi, *auntie* sudah menang dah. Jadi, baru balik minggu lepas. Jadi, dia orang akan bayar pampasan banyaklah. Termasuk mahkamah-- turun mahkamah sudah lima tahun sudah (mengeluh kecil). Sudah menang tiga tahun tidak dapat-dapat, baru dapat dalam bulan ini. Insya-Allah. Alhamdulillah.

**SNJ:** *A-untie* hendak ceritakan ke?

RAR: Tidak usahlah yang itu-- masuk ini *auntie* cerita dengan kamu orang.

**SNJ: Oh okey. Jadi-- kami teruskan dengan-- apa antara penglibatan *a-untie* dalam bidang seramik ini kepada masyarakat?**

RAR: Pertama, masyarakat kita bagi peluang pekerjaan kepada orang lah. Yang kedua, *a-untie* banyak beri apa-- apa tu? Mm-mm ceramah, dekat usahawan-- dekat *student* [pelajar]. Selepas itu, banyak-- apa ini *train* [melatih] ibu tunggal. Ada sekali, melatih ibu tunggal lima puluh orang, dua bulan. Melatih budak universiti-- lima puluh orang. Ada apa yang-- koridor itu – lima puluh orang macam itu lah, melatih. Ada yang berjaya, sudah jadi usahawan tetapi diorang tidak boleh -- ada yang dalam bidang seramik, ada yang bidang lain-lain lah. Macam komputer [bidang komputer] apa semua lah. Sebab kita bagi ceramah. Sebab de-kat kilang sana, besar benda ini -- bilik tempat ceramah kan untuk budak-budak apa semua. Jadi, kita bagi peluang pekerjaan, kita bagi apa ini—motivasi, ceramah lah semua, macam itu (gangguan bunyi mesin).

**SNJ: Jadi-- pencapaian yang *auntie* pernah dapat-- sepanjang menceburinilah--**

RAR: Itulah, se-mbilan di Malaysia, dua di lu-ar negara.

**SNJ: A-pakah pencapaian tersebut?**

RAR: Pertama, Anugerah Belia Negara. Yang kedua, Anugerah apa ini Enterprising Women of Player. Ketiga, Anugerah Aura MARA. Selepas itu,

keempat, a-pa ini Kraftangan Terbaik Satu Malaysia. Selepas itu, a-pa ini tokoh-- apa ini-- Tokoh Wanita. Selepas itu-- Hari Kraftangan Kebangsaan. Selepas itu dapat sepuluh ribu [RM 10,000]. Selepas itu, a-pa ini Adiguru. Selepas itu, Geniva-- yang itu (menunjuk ke arah gambar) yang Geniva luar negara itu, kan. Geniva-- selepas itu, Chicago. Selepas itu, (gangguan bunyi mikrofon) Tokoh-- Kraf Negaralah-- semua. [Antara anugerah tersebut ialah Anugerah Belia Negara dalam kategori Usahawan, Anugerah Usahawan Wanita Harapan, Anugerah Usahawan MARA (AURA), Anugerah Kraftangan Terbaik 1 Malaysia, Anugerah Tokoh Wanita Kedah, Anugerah Usahawan Hari Kraf Kebangsaan, Pengiktirafan Adiguru Kraf Seramik, Anugerah Kategori Emas di Geneva, Anugerah Go Global Award di Chicago dan Tokoh Kraf Negara Seramik 2020]

**SNJ: Yang berkenaan adiguru itu—tahun bila, ye?**

RAR: Adiguru, tahun lepas [tahun 2019].

**SNS: Tahun lepas dapat *title* [*tajuk*]--**

RAR: A'ah. Selepas itu, tahun ini [tahun 2020] dapat Tokoh Adiguru.

**SNJ: A-da -- lagi ke anugerah lain yang puan-- pernah dapat?**

RAR: Tiada lah, sebelas-- itulah. Itu kira terbanyaklah dalam usahawan. Usahawan selalu dapat tiga, lima sahaja [tiga hingga lima anugerah] saya dapat paling banyak lah.

**SNJ: Okey, bagaimana-- *auntie* boleh dinobatkan sebagai Tokoh Kraf Negara?**

RAR: Ha itu kena tengok dalam buku [Buku Anugerah Tokoh Kraf Negara 2020, dihasilkan oleh Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia] itulah. Dia orang yang – ciri-ciri itu dia orang kena tengoklah. Macam kita-- bukan *inherit* [mewarisi] dari bapa kita. Macam kalau bapa kita sudah buat batik, sudah buat songket. Selepas itu, kita yang naik-- macam anak itu kan, dia orang mewarisi, tak bolehlah. Sebab kita yang, pengasas. Kita pengasas, selepas itu-- selama tiga puluh tahun kita bertahan-- *auntie* bertahan. Selepas itu, dengan dari bengkel kecil, selepas itu rumah, selepas itu lot kedai lot, selepas itu ada kilang. Ha kita bertahan dengan tidak ada pertolongan dari kerajaan. Dengan kena lagi dengan kerajaan -- (gangguan bunyi mikrofon)

**SNJ: Jadi, *auntie* ada sebutkan-- telah-- berkecimpung ini dalam masa tiga puluh tahun. Jadi, tahun bila ye?**

RAR: Sembilan belas lapan puluh lapan [tahun 1988].

**SNJ: Okey, puan memegang gelaran sebagai Adiguru-- apa itu Kraf Seramik, kan? Jadi, boleh puan ceritakan-- pengalaman puan.**

**SNS: Pengalaman.**

**SNJ: A'ah.**

**SNS: Sepanjang--**

RAR: Tidak-- adiguru dia baru. Jadi, sekarang ini-- kita -- dia orang baru duduk *sign agreement* [menandatangani perjanjian] nanti dia orang akan panggil lah kena pergi mengajar ke, kena pergi bagi ceramah ke-- macam itulah. Tetapi, dia bagilah elaun-- setiap bulan, lima ratus [RM 500] selama lima tahun. Jadi, selama lima tahun inilah kita kena-- ini ---

**SNS: Tadi *auntie* ada cerita tentang *award* [anugerah] yang *auntie* ada dapat. Ha kemudian ada yang dari luar negara.**

RAR: Mm-mm (mengangguk)

**SNS: Boleh *auntie* ceritakan pengalaman *auntie* sewaktu di luar negara, detik-detik --**

RAR: Masa-- di luar negara itu, masa dekat Geniva itu kita tidak tahu akan kata dapat. Jadi, dia orang telefon suruh pergi-- dia orang bayarlah semua-- tambang semua dekat hotel apa semua-- itulah. Selepas itu, tidak tahu yang kita boleh menang masa itu. Jadi, dia orang *interview* [temu bual] lah semua. Mula-mula, hari pertama itu temu bual semua, selepas itu auntie masuk TV [televisyen] semua. Sebab *auntie* boleh cakap Spanish [bahasa Sepanyol] itu. Dia orang cakap Spanish itu dia orang *happy* [seronok] lah. Jadi, bila malam hendak apa itu-- sudah anugerah itu-- tiba-tiba dia panggil, ya Allah, macam terkejutlah, kan? Ha, tetapi-- sampai-- sebab *the only Muslim* [hanya seorang beragama Islam], perempuan pula itu. Bila hendak naik itu, dia orang suruh naik atas-- tetapi suami ikutlah. Alhamdulillah lah, *happy*. Sebab masa itu, sudah masuk-- keluar dalam majalah-- dekat Europe-- dua majalah muka depan, macam itulah. Satu, yang ini (menunjukkan gambar) selepas itu, ada satu lagi gambar Obama [Barack Hussein Obama II ialah bekas Presiden Amerika Syarikat yang ke-. Beliau merupakan orang Amerika Afrika pertama dipilih menjadi Presiden Amerika Syarikat], muka depan. Selepas itu, masuk-- dua puluh empat *country* [negara] *auntie*-- ini -- ada gambar itu--

**SNS:** *Auntie* ada sebut tentang *auntie* mahir bahasa Sepanyol, dari mana *auntie* belajar—

RAR: Dari Universiti Malaya.

**SNS:** Universiti?

RAR: A'ah (mengangguk) ambil bahasa.

**SNS: Bahasa.**

RAR: Macam dia orang *auntie* suruh ambil Mandarin [bahasa Mandarin]. Sebab itu ambil Mandarin.

**SNS: Oh.**

**SNJ: Jadi-- *auntie* berbahasa Sepanyol itu bersama keluarga ke? Atau--**

RAR: Tidak, tiada. Masa--

**SNS: Hanya untuk berurusan.**

RAR: A'ah (mengangguk), masa di sini memang tidaklah. Bila sudah pergi duduk kilang ke sana kan, dia orang mula-- berbahasa ini, kita kena sentiasa bercakaplah. Sekarang sudah tidak bercakap, jadi sudah lupalah. Bila kita sudah selalu -- kita duduk ingat balik, macam itulah. Dia kena selalu praktik.

**SNJ: Baik, berbalik kepada—berkenaan adiguru tadi, berapa ramai yang *auntie* telah mengajar?**

RAR: Oh, tidak. Dia bukan mengajar, a-diguru ini dia kena bagi ceramah, macam itulah. Yang bila time [waktu] dia orang panggil, kita kena bersedialah. Bila dia orang ada-- macam ini sebab COVID [COVID-19, penyakit Coronavirus] ini, jadi yang -- tidak boleh. Kan tidak boleh berhimpun. Ha itulah masalah dia sekarang ini. Sebab adalah hari itu pun hendak buat tetapi, tidak boleh.

**SNS: *Auntie* tidak ambil lah?**

RAR: Tidak, dia orang-- tundalah. Mula-mula, okey. Selepas itu, bukan setakat sepuluhlah, dua puluhlah. [tidak boleh berhimpun beramai-ramai, kurang dari sepuluh orang sahaja jika kes meningkat] Jadi, susahlah, tidak boleh.

**SNJ: Okey-- apa itu-- adakah seni kraf seramik ini-- telah pun *popular* [terkenal] waktu zaman-- *auntie*?**

RAR: Tidak, di Malaysia tidak-- dia orang tidak tahu langsung benda ini. Yang tahu Cinalah. Tetapi, Cina dia buat di Cina, tetapi dia buat cara Cinalah. Macam *clay tan* [tanah liat] hwang, huat semua itu. Tetapi, yang-- kiranya-- bukan hendak cakap besarlah, *auntie* lah pengasas yang sekarang *auntie* -- *can be very proud* [boleh menjadi sangat bangga] lah yang buat bunga batu ini, hanya sekarang ini-- England sudah tutup, sudah lama dah. Yang buat bunga batu ini, betul-betul di Cina, Itali, dan di Malaysia. Malaysia, Sweet Touch lah. Sampai sekarang, Italy [sic, Cina] pun tengah teruk,

COVID apa semua. Ha, sekarang ini antara Italy dengan kita sahajalah. Memang-- tidak boleh hendak nafilah. Memang kita sahaja duduk buat benda ini. Dan kualiti kita memang sama-- cantik. Kalau-- itulah memang boleh hidup lah benda [seramik] ini. Tetapi sebab dia *handmade* [buatan tangan] kan? Mana hendak -- inilah-- buat-- sampai anak sudah dilatih biar boleh buat. Jadi, senang kita boleh melatih orang lah. Selepas ini, kita melatih lagilah yang mana yang lama-lama pun, kita panggil, dia orang buat [apabila pesanan terlalu banyak, pekerja senang untuk dipanggil agar dapat menyiapkan dari rumah] semua dekat rumah.

**SNJ: Jadi, kiranya *auntie*-- turunkanlah kemahiran ini untuk anak-anak untuk teruskan—**

RAR: A'ah, betul.

**SNJ: Jadi-- apakah-- seramik pada pandangan *auntie*?**

RAR: Tidak, dia seramik *is business* [ialah perniagaan]. Perniagaan ini macam-macam. Perniagaan kosmetik, orang buat kosmetik. Selepas itu, orang buat-- kalau kraf-- orang buat batik, batik. Duduk buat kayu, kayu. Jadi-- seramik ini dia besar. Dia macam—kalau Cina kita pergi dekat Cina, dia orang tidak buat macam ini. Dia orang buat kalau dia buat pinggan mangkuk, dia buat pinggan mangkuk sahaja. Kalau dia buat *mug* [kole], dia buat *mug* macam-macam jenis *mug*. *Mug straight* [kole bulat], *mug* bulat, *mug*- sahaja. Tetapi, bila orang Cina sendiri datang ke sendiri (mengetuk meja), dia terkejut. Sebab *auntie* buat macam-macam--

**SNS: Bentuk.**

RAR: Sebab ha susah macam itu, kan. Tetapi, bila dia tengok *auntie* boleh buat lima -- dia orang memang pening, cakap. Selepas itu, dia ada tiga puluh dua ribu pengusaha-- seluruh di negara Cina-- bahagian seramik. Tiada seorang pun *boss* [majikan] dia, *owner* [pemilik] dia perempuan. Semua lelaki. Dia orang terkejut. Sebab, perempuan kan hendak jaga anak lagi, suami lagi. Selepas itu, nanti-- *auntie* boleh buat. Sebab itu dia orang macam kagum lah. Jadi, sekarang ini, ramai lah Cina-- hendak JV [*joint venture*] dengan *auntie*, di Kedah nanti-- hendak *joint venture* [usaha sama]. Tetapi, hendak kena belajar dulu supaya tidak kena tipu, kan? Nantilah--

**SNS: Betul.**

RAR: Dia orang Arab [bahasa Arab] pun boleh. Anak lelaki suruh belajar Arab. Sebab itu, *auntie* selalu pesan dekat anak-anak yang generasi esok [akan datang] suruh dia orang belajar bahasa. Bahasa ini bagus.

**SNJ: Jadi-- a-pakah fungsi seramik sebenarnya?**

RAR: Tidak, seramik ini *as business* [sebagai perniagaan]. Dia bukan fungsi apa-apalah. Macam kita buat *photographer* [jurugambar], kita buat perniagaan, kan. Kita buat—apa ini iklan apa semua itu, itu perniagaan-- fungsi dia adalah untuk perniagaan lah. Jadi, seramik ini *is* [ialah] perusahaan, pembuatan barang seramiklah. Ini—perniagaan (gelak) bukan fungsi.

**SNJ: Maksudnya, dia boleh jadi sebagai hiasan, boleh kegunaan harian—**

RAR: Dia macam-macam. Ikut, *depend* [bergantung] lah. Macam, tanah liat, dia buat untuk-- apa ini, tandas. Kan seramik, buat tandas. Kalau kita buat *tiles* [jubin] *auntie* pun boleh buat *tiles*, kita buat jubin, kan? Sebab hendak buat, mesin kita semua boleh. Jadi, seramik ini, macam-macamlah. Kalau dia buat-- dia hanya buka, kilang jubin, seramik juga. Dia jual pinggan mangkuk, dia jual pinggan mangkuk. Macam itulah. Kalau *auntie*, *auntie* buat macam-macam sebab kita hendak pergi Kraftangan, kita kena ada banyak *variety* [pelbagai jenis kraftangan] lah sikit. Jadi, macam itulah.

**SNS: Baik. Ha—**

RAR: Lagi satu, sebab kita *wedding* [kenduri kahwin] orang Melayu bila kahwin bagi bunga telur.

**SNS: Betul.**

RAR: Jadi, *auntie* duduk tengok – *auntie create* [buat] lah bunga telur. Itu yang *start* [mula] itu. Jadi, *something different* [sesuatu kelainan] lah.

**SNS: Baik, bagaimana cara-- penjagaan seramik-- dari hasil yang *auntie* telah ciptakan-- penjagaan---**

RAR: Penjagaan, maksud?

**SNS: Maksud- untuk –**

**SNJ: Kan macam seramik kan, orang kata macam –**

**SNS: Kalau lama-lama –**

**SNJ: Susah lah hendak kena jaga, kan?**

**SNS: Nanti jadi habuk – so untuk itu, bergantung –**

RAR: Kalau habuk, lap sahaja lah. Tiada masalah (gelak) lah, itu sahaja.

**SNJ: Mm-mm, okey. Jadi-- dari segi-- apa itu buat lukisan ke corak ke-- dari mana auntie dapatkan idea?**

RAR: Tidak tahu lah, kita dah memang kita minat kan. Kita sentiasa buat lah, kita fikir mana tahu budak-budak ini perlu, dia orang ramai-- jadi, *auntie* cakap hari sabtu—*auntie* suruh dia orang buat apa-apa benda la. Nanti, *auntie* tunjuklah sedikit. Jadi, bila benda itu cantik, macam—seorang atuk [datuk] dia nama dia Rubiah. Jadi, kita bagi nama “Ruby’s Box” [kotak milik Ruby]. Selepas itu, nama seorang itu Sharifah. Jadi, dia buat cantik, *auntie* bagi nama “Sweet Cherry” [ceri yang manis]. Jadi, macam itulah, kita suruh— kita bagilah dekat dia orang insentif, kan. Apa-apa. Kita buat lah macam ini – kita tengah buat bunga baru. Dia buat. Selepas itu, *auntie* cakap, “Tidak boleh, nanti bila *spray* [sembur] dia buat itu -- nanti aib--” Ha sebab itu dia ubah, buatlah. Sudah okey, sudah terima.

**SNJ: Jadi-- macam-- okey, auntie cakap tadi yang-- bunga kan? Ada tak jenis-jenis—lain lagi? Pelbagai jenis—**

RAR: Tidak, sebab bunga kita banyak jenis. Kita—selain pada rose, kita ada carnation, kita ada poppy, kita ada-- bunga kita sendiri, bunga itu memang orang lain tidak buat, kita buat sendiri. Kita panggil bunga Sweet Touch, ST. Kita ubah-- macam itulah. Banyak, banyak jenis. Kita ada violet, kita ada macam-macam sebenarnya. Orang pening, tengok. Bila orang datang, semua, “Alah [Alahai], macam-macam yang cantik.”

**SNS: Baik, kalau *auntie* masih ingatlah, produk pertama yang *auntie* cipta dari—  
sepanjang-- *auntie* masih simpan. Ada lagi ke?**

RAR: Ada, tetapi sudah ada dekat muzium di kraftangan. Dia orang ambil semua  
bagi dekat – sudah jadi tokoh, jadi dia orang ambil semuanya—dia orang  
ada—

**SNJ: A-pa –**

RAR: Muzium dekat atas itu, semua *auntie* punya penuh satu itu – dekat tingkat  
– muzium dekat Kraftangan Malaysia.

**SNS: Oh.**

RAR: Dekat muzium.

**SNJ: Jadi, apakah-- produk tersebut? Maksud macam-- cawan ke—**

RAR: Tidak, b-ungalah. Semua kita asal dari bunga.

**SNS: Oh, bunga.**

RAR: Mm-mm (mengiyakan)

**SNJ: Jadi-- secara menyeluruh lah, macam bagaimana penerimaan rakyat Malaysia?**

RAR: Alhamdulillah, sampai tiga puluh tahun kita masih *survive* [bertahan].

Bunga kita sampai sekarang orang duduk gila-gila [suka sangat] lagi duduk cari. Sampai kita orang tak dan [tidak menyempat] sudah. (gelak) Sebab banyak benda, kan? Bunga ini lambat sedikit, kan? Jadi, itu sahaja lah, tiada apa lah. Sebab kalau kita-- sambutan, kalau tiada sambutan, kita tidak-- berkembanglah. Jadi, kita tidak boleh lah pergi ke luar negara. Sudah pergi ke luar negara-- kita pun sudah ada dekat dewan--, kita sudah ada dekat Dubai, kita sudah ada dekat Frankfurt [Jerman] kita sudah ada *agent* [ejen]. Ha itu sahajalah. Sebab COVID sekarang, jadi tidak-- itulah. Sekarang kita hendak kena buat dua kontena ke Indonesia sebab COVID, berhentilah pula. Macam itulah.

**SNJ: Jadi, ada tak peruntukan daripada kerajaan ke mana-mana agensi-- untuk-membangunkan--**

RAR: Tiada. Tidak mahu cakap. *Auntie*, dengan kerajaan ini tidak mahu cakap. Tidak ada tolong apa. Kraftangan yang banyak membantu.

**SNJ: Kraftangan.**

RAR: Mm-mm (bersetuju).

-----

**SNJ: Okey, jadi apakah perbezaan antara seramik dengan tembikar?**

RAR: Tembikar lain, seramik tanah liat. Tembikar dia besi, kan? Tembikar, lain. Tembikar bukan – inilah.

**SNS: Labu sayong?**

RAR: Labu sayong, sama. Teteapi dia bukan – tanah dia-- tidak putih. Dia warna coklat itu. Selepas itu, dia kebanyakan dia tidak pakai *glaze* [gerlis]. Dia--*raw* [mentah], kan. Haa, tapi kalau macam-- pinggan mangkuk kita tidak boleh lah. Sebab kita hendak basuh, kan? Dia kalau pakai gerlis, senang hendak basuh, kan? Macam itu lah.

**SNS: Betul.**

**SNJ: Jadi, a-pakah keunikan seramik berbanding dengan—labu sayong?**

RAR: Tidak-- tidak boleh cakap – labu sayong pun seramik. Dia bukan tak seramik, dia seramik. Tetapi, dia—*more to* [lebih kepada]-- apa ini dia tidak bubuh [letak] kilat sahaja. Dia tidak letak, gerlis-- ha macam itu. Tetapi, itulah lagi-- maksudnya kalau dia [labu sayong] hendak buat pinggan mangkuk, susah lah.

**SNS: Betul, sebab dia boleh –**

RAR: Sebab itu kalau macam India pun, dia buat seramik, dia buat mangkuk tetapi dia *still* [masih] letak gerlis *colour* [warna] macam itu, kan? Sebab nanti kita hendak basuh, tanah dia meresap.

**SNS: Betul.**

RAR: A'ah (mengangguk). Jadi, labu sayong-- pun kita boleh lagi ini-- apa ini-- pergi--. Tetapi, tidak tahu lah kenapa dia orang hendak *maintain* [menjaga] macam itu. Hendak menjaga kan, macam—

**SNS: Tradisional.**

RAR: Tradisional, kan. Ha dia orang buatlah lampu tidur. Jadi, *auntie* duduk bincang juga kalau semua-- seorang buat lampu tidur, semua-- HKK [Hari Kraftangan Kebangsaan] buat lampu tidur. Kalau pergi, dekat HKK macam pameran, semua yang sama. Jadi, kita kena buat benda yang lain-lain – *auntie* duduk, inilah --. Dia orang suka lah kalau *auntie* buat *exhibition* [pameran]. Dia orang suka tengok-tengok, dapat idea lah. *Auntie* tidak kisah lah. Dia orang hendak *copy* [menyalin] pun tidak mengapa. Tidak kisah.

**SNJ: Jadi, *auntie* pernah ada pengalaman lah berkenaan dengan orang ambil idea?**

RAR: Ha, banyak. Memang. Kadang-kadang, kita tengok sendiri memang benda kita, diam sahajalah (gelak). Itu sahajalah.

**SNJ: Okey, jadi—**

RAR: Tidak kisah lah. Tidak-- risaulah. Kita jangan takut pasal orang hendak *copy* ke apa benda-- macam itu sudah adat. Kalau orang buat-- beg apa ini-- yang jenama pun orang *copy*-- apa Thailand *copy*. Biar sahajalah. Kita *maintain* [menjaga] sahajalah. Itulah.

**SNJ: Jadi, kalau macam bunga-bunga ke atau corak yang apa-- *auntie* hasilkan itu kan, ada tak motif di sebalik corak tersebut. Makna ke?**

RAR: Tiada. Kita tiada apa kecuali macam bunga-bunga ini ikut lah kadang *customer* [pelanggan] anak lekaki dia hendak biru, anak perempuan dia hendak *pink* [merah jambu]. Macam itu-- atas pelanggan lah. Kita ikut sahaja.

**SNJ: Jadi, apakah bahan-bahan yang digunakan, untuk menghasilkan seramik?**

RAR: Kita guna, tanah liat dia. Selepas itu, kita guna gerlis. Selepas itu, kita guna-- apa ini warna untuk apa-- *colour pigment* [pigmen warna] dia panggil, untuk *spray* [sembur]. Warna itu, semua warna lah. Merah, kuning – warna. Keempat kita guna *gold lining* [lapisan emas], *ceramic liquid gold* [cecair emas seramik]. Seramik ini *ten percent* [sepuluh peratus] memang emas betul. Dia mahal.

**SNS: Baik, bagaimana cara *auntie* membuat pemilihan bahan-bahan?**

RAR: Macam seramik ini, dia banyak tanah. Dia ada macam – labu sayong kita panggil terakota lah, macam itu, *clay* [tanah liat]. Macam *Bone China* [sejenis porselin yang terdiri daripada abu tulang, bahan feldspathic, dan kaolin.] memang dekat England, dekat Cina memang *Bone China* itu

cantiklah. Tetapi, sebab dia ada *bone* [tulang], dia ada tiga puluh *percent* [tiga puluh peratus] *bone* [*Bone China* telah ditakrifkan sebagai "gudang dengan badan lutsinar" yang mengandungi sekurang-kurangnya 30% fosfat yang diperoleh daripada tulang haiwan dan fosfat kalsium yang dikira]. Jadi, sebab-- ada *bone*, kita orang Islam, memang *auntie* tidak buat. Jadi, *auntie* buat porselin dengan *weiden wares* [untuk kegunaan harian yang mempunyai corak tersendiri seperti pinggan yang bercorak bunga unik]. Jadi, kita kena tengok situasi kitalah sebab kita orang Islam. Walaupun, ada *bone*, tetapi-- kita letak gerlis-- sebab kita takut nanti orang bising kan, ada *bone*. Jadi, *auntie* cari yang selamatlah. Itu sahajalah.

**SNS: Dari-- mana bahan-bahan itu yang *auntie*-- dapatkan?**

RAR: Sekarang, kita orang ambil dari – kita ada *supplier* [pembekal]. Tetapi, sekarang ini tidak tahu, sejak dua tahun ini, memang pembekal semua sudah tutup. Tidak tahu kenapa. Selepas itu, kita ambil direct dari – UK lah. Bunga-- apa ini dari UK. Sebab kita tidak boleh *print* [cetak], *copy* [menyalin]. Nanti kena saman. Yang mana kita buat bunga raya, bunga orkid, kita buat sendirilah. Macam itu (sambil menunjukkan hasilnya) jadi, emas kita beli UK. Tanah kita beli dekat pembekal dekat sini lah, dekat Malaysia.

**SNS: Baik-- apakah langkah-langkah yang – untuk membuat seramik ini, pada pandangan puan?**

RAR: Langkah-langkah apa?

**SNJ: Proses lah kiranya.**

**SNS: Proses sebelum, semasa dan selepas.**

RAR: Proses dia-- mula-mula kena bancuh tanah. Kalau kita ada *mold* [acuan], kita tuang ke acuan. Selepas itu, budak-budak akan potong, cuci, semua--bakarlah. Kalau untuk buat bunga, dia tidak perlu pakai acuan. Kita kena uli lah. Kita kena bancuh tanah pun tidak boleh. Dan buatlah bentuk. Itu sahajalah.

**SNS: Berapa lama masa yang diambil untuk membancuh?**

RAR: Sekejap sahaja. Mesin semua ada (gelak). Bancuh sahajalah. Tuang tanah, bubuh [letak] air, letak semua, bancuh sahajalah. Selepas itu, bagi dia mendap, siap. Selepas itu, tuang lah.

**SNJ: Biasanya-- proses hendak bancuh itu – puan buat sendiri atau pun pekerja?**

RAR: Dia orang kita sudah ajar, selepas itu dia orang buatlah.

**SNJ: Jadi, pada awalnya, puanlah yang—**

RAR: A'ah. Memang semua dari *A to Z* [dari A sampai habis atau dari awal hingga ke akhirnya] memang *auntie* yang buat. Jadi, *auntie* sudah ajar dia oranglah macam mana hendak *pyring* [cara memotong seramik menggunakan pisau tertentu]. Sekarang, hendak bakar berapa suhu, berapa jam, semua dia orang tahu. Jadi, sekarang anak tahu semualah sebab sudah ajar dia— sebab nanti esok boleh ajar – budak-budak macam itulah— macam dekat Kedah, *auntie* tinggal sahaja dia orang sudah tahu dah semua. Kita sudah ajar. Tetapi, dia orang pun bagus. Bila orang datang tanya, Cina tanya, “Hei, macam mana bancuh?” “Kita orang tidak tahu, *boss* [majikan] yang bancuh” (gelak)

**SNJ: Berapa lama nak-- mengajar itu? Proses mengajar-- pekerja.**

RAR: Tidak juga. Tidak tahu sebab *auntie* dari asal buat ini memang *auntie* banyak buat dengan dia orang. Macam-- *auntie* gerlis—

**SNS: Buat bersama-sama.**

RAR: Sebab bagi *auntie* yang jadi *boss* [majikan] itu, hanya-- apa ini macam *you* [kamu] kerja *training* [latihan] boleh lah jadi majikan ke apa. Sebab ini *manufacturing* [pembuatan] *you* [kamu] kena tahu. Jadi, macam *auntie*--

bancuh tanah, tahu. Buat bunga, tahu. Gerlis, tahu. Bakar semua, tahu. Jadi, macam bila pekerja baru datang, *auntie* tengoklah dia buat bunga-- berapa banyak. *Auntie* tengok satu hari dapat berapa. *Auntie* tengok dia kalau *auntie* tengok sikit, lembab [lambat] kan? Tak nak marah. *Auntie* pun duduk dengan dia, sama-sama lah duduk buat dengan dia. Tetapi, sekejap lagi pelanggan datang, *auntie* layan apa semua. Sekejap lagi, *auntie* duduk balik. Balik-balik bilang, dia dapat berapa. Kalau *auntie* dapat tiga puluh, selepas itu *auntie* katalah, "Kenapa kakak buat ini, boleh?" Ha, macam itulah. Jadi, dia esok akan buat lah. Selepas itu, kita macam, kita hendak susun dalam-- pembakar besar. Masa kedai ini, ada pembakar besar *auntie* sudah bagi dekat usahawan lain lah kan. Jadi, *auntie* suruh dia sudah ajar-- suruh dia buat. Dia buat dari pagi sampai petang tidak boleh *on* [hidup] lagi. Jadi, *auntie* diam sahajalah. Esok, ha *auntie* cakap, "Tak payah. Hari ini, *auntie* buat." Jadi, *auntie* buat dua jam, sudah jalan. Dia macam malu lah sendiri, ha macam itu. *Auntie* tidak pernah m-alu kan dia orang apa semua. Kalau macam dia orang buat bunga, dia *start*-- [mula] tu, dia dah-- mula-mula memang tidak cantik, *auntie* diam sahaja. Suruh buat lagi. Selepas itu, bila dia rasa macam sudah cantiklah. *Auntie* kata, "Mana yang cantik? Mana yang cantik, meh [mari] hendak bakar." Jadi, *auntie* pun bakar lah. Simpan satu. Selepas itu, duduk buat-- lagi -- selepas itu, bila dia sudah buat bunga lagi cantik, *auntie* tunjuk bunga yang ini -- mula-mula dia buat, "Eh tidak cantiklah." Ha jadi, kalau kita cakap nanti kan dia kecil hati. Jadi, dia tahu sendiri lah.

**SNJ: Mm-mm. Okey, tadi—**

RAR: Mungkin sebab *auntie* banyak guna psikologi.

**SNS: Psikologi.**

RAR: *Auntie* tidak pernah marah dia orang [pekerja], *auntie* tidak pernah-- ini – memang tidak pernah ini. Sebab itu dia orang boleh bertahan sampai tiga puluh tahun.

**SNS: Oh.**

RAR: Bila dia orang susah semua, *auntie* tolong. Ha macam bila *birthday* [hari jadi], kita bagi hadiah. Kita-- bawa pergi jalan. Selepas itu, tiap-tiap hari Jumaat, kita buat makan. Hari ini, anak sahaja buat kek. Tidak sempat hari ini. (gelak)

**SNJ: Okey-- tadi-- *auntie* cakap berkenaan dengan pembakar itu, kan?**

RAR: Mm-mm (mengangguk).

**SNJ: Selain pembakar, ada tak alatan lain yang digunakan dalam proses hendak buat seramik ini.**

RAR: Dia pembakar dengan itu sahajalah, bancuh-- dia. Yang lain, tiada. Pembakar dia mahal, macam yang dekat sini itu-- *auntie* beli *secondhand* [terpakai] pun dua ratus empat puluh enam ribu [RM 246,000] yang panjang itu, kan? Yang dekat Kedah, berjuta lah. Dekat Kedah, mesin *auntie* empat *point* [titik] dua juta [RM 4.2 juta] (gangguan mesin sedang diselenggara di bahagian belakang)

**SNJ: Dekat Kedah itu, kiranya cawangan lain lah?**

RAR: Tidak, sebab inilah *factory* [kilang].

**SNJ: Oh, kilang.**

RAR: Ha dekat sini susah hendak ada kilang. Dia kena jauh jugalah, kan? Mana hendak ada.

**SNS: Jadi, dekat sini puan- *auntie* macam inilah—**

RAR: Di sini, banyak *handmade* [buatan tangan].

**SNS: Buatan tangan.**

RAR: Mana yang buat-- bunga-bunga telur, kosong, yang tiada bunga semua – Kedah lah.

SNS: Oh.

RAR: Sebab sana luas. Macam bunga, tidak melatih lah dia orang dekat sana [Kedah]. Sebab dia orang banyak ini – sebab *space* [ruang] – ini, kan. Sini, kalau hendak buat sekali lima ribu, penuh lah. Dengan bunga lagi. Takut bahaya, kan? Jadi, sana buat sahajalah. Bila sudah siap, dia-- orang bakar sekali – gerlis ke apa, di sinilah. *Finishing* [Penamat]. Itu sahajalah.

SNS: Oh, kilang di sana. Kilang besar.

SNJ: Okey-- jadi, apa *auntie* ada-- apa itu tempat kedai di sini, di KL. Dan satu lagi, di Kedah.

RAR: A'ah.

SNJ: Ada tak pantang larang semasa hendak hasilkan-- seramik?

RAR: Tidak ada, tiada pantang larang. (gelak)

**SNJ: Tidak ada.**

**SNS: Ini buat ikut kreativiti masing-masing –**

RAR: Sebab *auntie* buat semua macam *auntie* punya gerlis semua selamat. Sebab itu dia mahal. *Auntie* tidak ada lag, tidak ada racun semua. *Auntie* beli semua yang macam – Cina, dia orang tidak peduli – bila kita ada lag ke apa dalam itu. Macam gerlis, dia murah. Macam kalau kita beli gerlis satu gelen, dua ratus lebih. Kalau yang murah, baru berapa puluh ringgit. Macam itulah. Tetapi *auntie* tak nak, sebab nanti bahaya, kan? Jadi, kita beli, kita buat semua selamat. Sebab, kita kena ingat orang Melayu ini (mengetuk meja), kalau dia beli dekat Cina, dia buat benda tidak baik, dia diam. Kalau dia beli dekat orang Melayu, dia datang, dia bising – *auntie* pernah kena. Buat *brooch* [kerongsang]. Dia sudah pakai lama dah. Sekali, dia basuh masuk dalam *washing machine* [mesin basuh], dia punya – ini tanggal. “Lah, *I* punya tertanggal--” [Alahai, saya punya tertanggal] Mm-mm, *auntie* bagi sahaja, *free* [percuma] macam itu. Kalau Cina, dia pergi kedai, dia cakap, “Kalau *you* [kamu] mahu, *you* [kamu] ambil lah. *You*, tak mahu, sudah.” Tak apa. Cuba kita cakap, “Kalau puan hendak, ambil. Kalau tak nak, sudah.” Sombong. Ha, sebab itu kena ingat – bukan hendak kata – *auntie* pun orang Melayu. Kita tahu, orang Melayu pun suka hendak jatuhkan orang Melayu. Bukan hendak buruk lah. Yang baik, baik lah. Tetapi orang kita sendiri macam itu. Kita kalau orang bangsa asing buat dekat kita, kita diam sahaja. Kalau kita, ha – sebab itu cakap ke anak-anak, “Cakap elok-elok. Sat [Sekejap] lagi, dia kata kita sompong lah – apa. Kalau bahasa, cakap elok-elok.” Itulah. *Auntie* sudah kena dah. *Auntie* masa mula-mula buka itu, orang besar-besar datang. Sebab m-enteri, Tan Sri Dato’, dia tunjuk dengan kaki sahaja ini, “Ini, kalau *I* [saya] beli barang *you* [kamu] ini, *I* balik – ke apa, pecah ke apa, kan?” Jadi, kita, “Tiada, tidak pecah.

Sebab kita bakar.” Macam dia *look down* [pandang rendah] lah sebab kita baru, kan? Jadi, kena ingatlah-- kita kena – masyarakat kita lah, kadang-kadang orang kita pun, kita bermiaga sesama sendiri pun, dia orang dengki lah apa – itu *normal* [biasa]. Tetapi, tidak usah [perlu] peduli. Kita tidak perlu kacau orang sahaja.

**SNS: Betul.**

RAR: Mm-mm, itu sahaja. Macam-macam sat [sekejap] lagi dia kata-- macam duduk buat itik [seramik berbentuk itik], “*You* buat itik tidak boleh tau” Dia cakap, “Ini binatang—hendak bermiaga --” Jadi, *auntie* cakap, “Saya sudah jumpa ustaz. Ustaz cakap, “Mana ada itik mata lentik.” *Auntie* macam – itik kan – mana ada itik pakai baju bunga-bunga. Mana ada itik kalau *you* sudah tebuk tengah-tengah itu letak telur [sebagai contoh cenderahati semasa kenduri kahwin, bunga telur], mana boleh hidup. Ha itu – selepas itu ada juga orang *complain* [mengadu], “*You* buat ini, apa-- *bell* [loceng] Kristian apa semua”. *Auntie* cakap, “*I* sudah Tanya ustaz, dia cakap kita jangan buat *bell* yang bunyi “tong tong” yang itu.” Ini tiada. Ini bercirikan bunga-bunga. Apa —tidak ada kena mengena dengan *Christianity* [agama Kristian] jadi, *auntie* sudah tanya sudah semua itu.

**SNS: Ustaz-- *auntie* tanya memang ada *specific* [khas] ustaz untuk –**

RAR: Tidaklah, semua ustaz *auntie* tanya sahajalah. Kita pun sudah tahu logik. Kita bukan *copy* – macam itu.

**SNS: Betul.**

RAR: (gelak) Ini seni.

**SNS: Mm-mm. (ersetuju)**

**SNJ: Okey, berbalik kepada proses *glazing* [teknik gerlis] itu tadi, kan?**

RAR: Mm-mm. (mengangguk)

**SNJ: Ha boleh *auntie* terangkan secara terperinci, macam mana hendak—**

RAR: Gerlis itu kita beli, kita bancuh lah. Bagi cair, bagi apa-- kita celup sahajalah. Kadang-kadang kita sapu dengan *brush* [berus] Selepas itu, sudah dia kering, kita bakar lah. Itu sahaja. Tidak ada susah apa pun.

**SNJ: Ada-- macam-- apa itu cecair khas ke? Yang perlu--**

RAR: Semua ada. Tanah pun semua kita ada. Itu rahsia *auntie* sendirilah sebab *auntie* yang buat masa kita pergi belajar pun dia tidak tunjuk. Tetapi kita

belajarlah, kita ada buku. Kita tengok. *Auntie* buat lah, formula itu kita sendiri.

**SNS: Oh.**

**SNJ: Glazing tu sepenuhnya menggunakan tangan ataupun?**

RAR: Tanganlah, semua tangan.

**SNJ: Tidak menggunakan mesinlah?**

RAR: Ha tidak ada. Ada, dekat Kedah ada lah guna mesin, bancuh semua. Dekat sini kita celup sahaja. Sebab dia sikit, kan? Dekat sana, besar.

**SNJ: Jadi-- proses-- tu semua dibuat di mana?**

RAR: Tidak, yang sini, buat sini lah. Di Kedah, Kedah lah. Semua asing-asing lah.

**SNJ: Maksudnya dalam kedai jugalah?**

RAR: Mm-mm, buat dalam kedai inilah.

**SNS: Cuma untuk kalau ada pelanggan yang tempah banyak, puan akan--**

RAR: Buat di sana lah.

**SNS: Buat di sana.**

**SNJ: Di kilang, di Kedah?**

RAR: Ha tengoklah, kilang di Kedah. Tetapi kalau macam susah, buat di sinilah.

Sebab dekat sini memang-- dia orang memang-- *very* [sangat] inilah-- sudah lama, kan? Tiga puluh tahun. Dia orang memang pandailah. Jadi, kat Kedah, dia apa-apa yang tu-- kalau dia orang buat tidak cantik, nanti dia orang akan buat *video* [rakaman], tunjuk. Jadi, untuk suruh dia orang betulkan baliklah. Macam itulah.

**SNJ: Jadi, daripada proses-- mula-mula yang tadi, bancuh dulu. Selepas itu, adakah-- terus ke pembakaran?**

RAR: Tidak. Bila bancuh, hendak kena tuang dulu. Selepas itu, hendak kena cuci, hendak kena potong, hendak kena semua, baru-- kena bersih baru boleh bakar.

**SNJ:** Jadi adalah *step-step* [cara-cara] tertentu. Jadi, bagaimana proses membakar itu pula?

**SNS:** Boleh *auntie* ceritakan?

RAR: Susun sahajalah. Susun sahajalah dalam itu-- ikutlah kalau-- bakar tanah lain *temperature* [suhu], bakar gerlis lain suhu, bakar emas, lain suhu. Kena susunlah, ikutlah.

**SNJ:** Apakah suhu tertentu yang diperlukan?

RAR: Bila macam bakar tanah, tinggilah. Seribu [1000 °C] lebih. Kalau bakar gerlis, rendah sikit. Bakar warna, rendah sikit. Itu sahajalah.

**SNJ:** Jadi, puan ada menyatakan tentang apa itu-- tempat pembakaran, kan? Yang di KL dan juga di Kedah. Adakah-- apakah saiz sama? Di Kedah dan-

-

RAR: Mana boleh. Kedah kalau sini-- *auntie* dah ada enam, terpaksa bagi dekat orang sebab tidak muat sudah. Sebab mana hendak letak? Panas nanti budak-budak ini ha *auntie* rasa *auntie* letak dekat luar, kan. Dekat Kedah memang besar sebab kita orang punya untuk eksport. Kita punya *aim* [matlamat] kalau kilang besar kita mesti kena ada *something* [sesuatu] yang untuk eksport. Kalau kita buat kecil-kecil, kita tidak boleh *survive* [bertahan] nanti hendak bayar orang. Jadi, dekat Kedah itu, dia seratus panjang ini, tujuh puluh kaki. Yang dekat Kedah, panjang seratus empat puluh kaki, boleh bakar sekali sepuluh ribu [10,000]. Jadi, kita kena kumpul sepuluh ribu [bahan seramik], bakar. Masuk, macam itulah, jadi, kena besar. Jadi-- sini kalau hendak ini-- mana hendak letak? Tengok ini, sini pun sudah sempit gila [sangat] ini. Ini pun sampai duduk fikir hendak buat dua tingkat ini. Tetapi, sebab apa ini-- kalau buat dua tingkat, hendak kena ubah itulah duduk pening duduk fikir ini.

**SNJ: Jadi, yang-- tempat pembakar yang tujuh puluh kaki tu-- berapa lama eh?  
Masa diambil?**

RAR: Yang itu dekat sebelah itu, tujuh puluh kakilah itu (sambil menunjukkan mesin di kedai).

**SNJ: Berapa lama, masa—**

RAR: Bakar pagi pukul-- sembilan, kalau ada orang hendak ambil hari ini dapatlah. Yang-- warna sudah emas, bakar pukul sembilan. Dia orang

datang, susun. Pukul sembilan, sepuluh, sebelas, dua belas--, pukul satu sudah keluar. Macam itulah. Tetapi kena banyaklah. Tidak boleh sikit-sikit. Kita rugilah. Kita katalah-- siap macam ini-- bakar sekalilah ini-- semua dengan sudah siap-siap, bakar sekalilah. Ha macam minggu depan, ha banyaklah sebab emas baru sampai. Emas kita habis, hari Isnin sampai. Jadi, banyaklah hendak kena siapkan. Dalam apa tu -- banyak ribulah hendak kena siap.

**SNJ: A-da tidak, teknik-teknik yang digunakan untuk membentuk seramik?**

RAR: Ada lah, macam bunga semua itu-- ada lah cara dia. Kalau tidak, macam mana hendak jadi sama sahaja kalau tiada teknik.

**SNS: Dihasilkan oleh orang yang sama ke-- atau?**

RAR: Kalau orang lain pun, dia akan sama. Sebab teknik dia, benda yang sama. *Auntie* sudah ajar dah.

**SNJ: Ada tidak nama-nama teknik itu?**

RAR: Eh, tiada. Dia tidak ada nama teknik ini. Kita buat sahajalah bentuk itu -- banyak hendak beri nama, jenuh.

**SNS: Guna picitan.**

RAR: A'ah.

**SNJ: Okey, kalau berkenaan dengan perwanaan itu, macam mana?**

RAR: Kita *spray* [teknik semburan]. Itu, anak yang nombor-- dua itulah dia yang pandai *spray*. Budak lain pun pandai *spray*, tetapi sekarang dia *spray*. Jadi, esok [akan datang] dialah yang akan *train* [melatih] orang. *At least* [sekurang-kurangnya] sesiapa pandai nanti, bila ada orang baru, dialah yang akan ajar.

**SNS: Ada-- puan-- *a-untie* ada guna *brush* [berus]?**

RAR: *Spray*. Tidak, guna *spray*, *hand* [tangan]—*gun* [pistol]. *Spray gun* [pistol sembur].

**SNS: Oh. Untuk perincian-- warna---**

RAR: Tidak ada, *spray* sahajalah. Kena pandai bancuh warna itu, bagi cantik, *spray* lah. Selepas itu, letak emas pun guna tanganlah.

**SNS: Oh, emas dengan tangan.**

RAR: Emas kita tidak boleh *spray*.

**SNJ: Emas itu pun-- cara hendak lukis ke?**

RAR: Dia kena bancuh elok-elok, ada ubat dia supaya cair. Tidak tebal supaya tidak cair, macam itulah. Kalau terlalu cair, dia akan jadi retak-retak, kalau terlalu tebal dia pecah-pecah. Itulah, kena ada lah warna dia.

**SNJ: Okey, jadi-- antara banyak-banyak teknik itu, ada tidak teknik yang paling sukar?**

RAR: Yang paling sukar hendak buat bungalah. Sebab bukan semua orang boleh buat. Itu kemahiran, kan? Bukan semua orang minat, kan? Macam itulah.

**SNS: Kalau *auntie* boleh buat berapa lama untuk teknik-- bunga?**

RAR: Itulah, sudah lama tidak buat. Rasanya sudah dua puluh tahun sudah tidak buat. Semua diorang buat, *auntie* sudah tidak-- ambil tahu sudah. Tambahan tambah yang sepuluh tahun ini, lima-- tiga-- tahun anak ambil-alih, *auntie* sudah tidak ambil tahu langsung sudah. Sekarang *auntie* punya telefon pun sudah tiada orang *call* [memanggil] sudah, semua telefon dia orang. *Auntie* hanya-- yang untuk Kedah sahaja. Tetapi itu semua untuk pembekal yang luar negara sahaja.

**SNS: *Auntie* kira memantau sahajalah?**

RAR: Ha, *advise* [menasihati] dia orang sahajalah.

**SNJ: Jadi, siapa yang-- kalau di Kuala Lumpur, siapa yang menguruskan?**

RAR: Syifa lah.

**SNS: Memang 100% Syifa sudah ambil-alih?**

RAR: A'ah.

**SNS: Oh.**

RAR: Syifa dan Syaza lah.

**SNJ: Anak-anak *auntie* lah.**

RAR: Nama-- pun sudah tukar nama dia orang sudah.

**SNJ: Kira kalau--**

**SNS: Di--**

RAR: Di Kedah, nantilah balik ini -- menang ini -- hendak tukar nama anak lelaki.

**SNJ: Yang Syifa itu anak ke berapa?**

RAR: Anak nombor satu, adik dia yang Syaza, nombor dua-- yang perempuan itu.

**SNJ: Syaza di KL juga lah?**

RAR: Dia orang berdua dekat sini. Syifa pandai-- apa ini-- *sale* [jualan], buat *online* [secara atas talian] semua. Syaza boleh -- Syifa pandai *book* [tempah]

semua ini, apa-- dia *tiles* [jubin] semua boleh, emas. Syaza boleh buat bunga, boleh *spray*. Selepas itu, bakar semua dia orang boleh.

**SNJ: Jadi, Syifa apa ini-- kiranya dia menguruskan secara atas talian itu, kiranya guna *platform* [rangkaian] apa sahaja, ye? Untuk promosi itu--**

RAR: Semua dia, semua dia. Tidak tahu lah, dia, *Instagram* lah, *website* [laman web] lah, *auntie* tidak tahu lah. Semua dia.

**SNS: Teknologi terkini.**

RAR: A'ah.

**SNJ: Jadi, yang di Kedah pula itu anak nombor berapa ye? Yang uruskan--**

RAR: Nombor empat. Sebab dia baru tamat pengajian tahun lepas, jadi sekarang duduk melatih dialah. Tetapi dia sudah tahu sudah, mesin-mesin dekat sana semua dia sudah tahu sudah. Sebab dia besar. Jadi kena-- sana kena buat benda-- orang kuat sikitlah (gelak). Dekat sini [merujuk kepada Syifa dan Syaza] tuan dia kecil, kan? Tetapi adik dia, kali ini balik. Sudah habis *exam* [peperiksaan] semalam dia *pass* [lulus] dapat lapan puluh lapan, baguslah dia *account* (bidang perakaunan, ACCA). Jadi, lagi enam bulan, jadi- dia sudah jadi akauntan nanti, dia boleh tolonglah. Tetapi dia pergi kerjalah

dengan orang, tetapi dia hendak buat akaun semua, dia ada lah. Adik yang kecil.

**SNS: Puan, *a-untie* mula melatih Syifa-- Syaza-- berapa lama? Untuk--**

RAR: Baru sahaja. Sebab dia orang baru tamat pengajian.

**SNJ: Tahun ini-- atau?**

RAR: Tidak-- sudah tiga tahun sudah Syifa kerja. Dia tamat pengajian tahun berapa-- rasa dua kosong-- “Syifa! Syifa tamat pengajian tahun berapa?” (anak tokoh menjawab, “Dua ribu enam belas” [tahun 2016])

RAR: Ha, dua ribu enam belas [tahun 2016]. Jadi, mula dua ribu enam belas lah.

**SNS: Oh, dia habis belajar-- terus-- itu--**

RAR: A’ah, selepas habis belajar dia orang dapat kerja sudah. Syifa, dapat kerja dekat Etiqa, Syaza dekat AmBank. Berhenti lah. Kerja pun bagus, tetapi majikan dia orang tidak bagi berhenti. Selepas itu, dia orang cakap, dia orang hendak kerja dengan emak. Dia orang semua terkejut. “Kenapa hendak kerja dengan emak?” Selepas itu, bila dia orang tunduk, ha pergilah. Bila sudah berhenti kan, dia orang bagi hadiah.

**SNJ: Jadi atas kehendak mereka sendirilah untuk--**

RAR: Tidak, *auntie* bincanglah dengan dia orang, kata, “Sayanglah”, sebab *auntie* boleh lagi, *auntie* kuat. Tetapi katalah kalau *auntie* meninggal ke siapa ini -- sebab kilang ini sudah tidak ada bayar, sudah habis bayar. Semua mesin sudah tiada-- hanya hendak ini – sahaja, kan? Selepas itu, dia orang kata, “Boleh”.

**SNJ: Jadi yang-- menguruskan di Kedah itu, berapa lama?**

**SNS: Baru atau?**

RAR: Kedah sudah tiga belas tahun kilang itu. Ada *supervisor* [penyelia], semua ada dekat sana.

**SNJ: Oh, penyelia itu terdiri daripada keluarga *auntie*?**

RAR: Tidak, tidak. Semua pekerja. Orang luar lah.

**SNJ: Berapa ramai ye pekerja di sana?**

RAR: Dekat sana selalunya lima puluh. Selepas itu, sekarang sebab kita ada masalah yang kerajaan buat dekat kita. Jadi, kita berhentikan dia orang. Tetapi kita panggil bila ada kerja sahaja. Kita-- nama ada tiga ratus orang [300 orang] untuk minta kerja, kan? Jadi, yang mana ada itu kita panggil lah. Itu sekarang ini sebab COVID, kita berhenti lah. Jadi, sekarang ada lima orang sahaja yang itu -- sebab untuk ini -- tetapi bila kerja banyak dia orang akan datang lah. Kita bayar gaji hari lah yang ini.

**SNS: Kalau di sini? Berapa pekerja? Kerja tetap.**

RAR: Sini kita -- biasa kerja tetap kita lima belas. Dulu sini dua puluh lima, Kedah lima puluh. Bayar gaji yang tiga puluh -- sebulan.

**SNJ: Jadi, operasi setiap hari ke?**

RAR: Setiap hari, sembilan hingga pukul lima. Hari sabtu *half day* [setengah hari]. Macam hari ahad, cuti lah. Hari cuti am, cutilah.

**SNS:** Untuk yang anak lelaki *auntie* yang *handle* [uruskan] dekat Kedah tu, dia pun memang minat juga ke ataupun *auntie slowly* [perlahan-lahan] pupuk dia.

RAR: Tidak, *auntie* tanyalah dia kata, “Tak apalah mama, tolonglah dulu. Tak apa.”

**SNS:** Dia pun sudah habis belajar, kan?

RAR: Sudah. Dia tamat pengajian tahun lepas ke baru lagi -- macam itu.

**SNS:** Jadi, dia terus uruskan untuk Kedah. Kemudian macam mana *auntie* pantau untuk kerja mereka dekat sini, dengan Kedah? Untuk Kedah, *auntie* kerap ke pergi ke sana?

RAR: Setiap minggu kita orang balik. Ini baru sahaja balik, hari Isnin hari itu.

**SNJ:** Jadi, kiranya memang keraplah. (bunyi mesin)

RAR: Dulu *auntie* duduk sana. Selepas sahaja buka dua ribu lapan belas [tahun 2008], *auntie* tinggal rumah dekat sini, *auntie* bawa dia orang semua. Dia

orang masa itu -- Syifa baru *form four* [tingkatan empat] selepas itu tingkatan -- baru darjah, tingkatan empat, tingkatan dua – apa ini darjah enam, darjah lima, darjah empat. Dia orang kecil-kecil lagi pindah-- *auntie* beli rumah di Kedah, sebab hendak jaga, hendak buka baru, kan?

**SNS: Yang di sini?**

RAR: Dekat sini ada, dia orang ni sudah tiga puluh, sudah dua puluh tahun sudah. Semua sudah—dia orang laj jaga. Jadi, sudah jaga sana-- selepas itu, lepas tahun dua ribu lima belas [tahun 2015], semua masuk universiti, semua rumah sunyi dekat sini. Tiada orang, selepas itu *maid* [pembantu rumah] pun sudah kata, “Sudah tiada apa hendak buat.” Jadi, pembantu rumah hendak balik, hantar. Selepas itu, *auntie* pindahlah balik sini, selepas itu, sana pun sudah pandai, tinggal lah.

**SNS: Oh. *Auntie* pernah tinggal sana lah untuk masa mula-mula hendak bangunkan--**

RAR: Kena lah. Sebab mesin pun susah kan, dia orang tidak mengerti.

**SNS: Mula-mula-- *auntie* cari pekerja masa mula-mula bangunkan itu-- macam mana?**

RAR: Apa ini-- kita ada rumah *guard* [pengawal] kan, kita tulislah kata hendak pekerja, dia orang datanglah situ. Kita latih lah mana yang minat, minat lah. Mana yang kita latih yang buat tidak jadi, kita tidak boleh lah. Macam itu sahajalah.

**SNJ: Jadi, sebenarnya bila waktu mula-mula -- seramik ini dijadikan sebagai perniagaan?**

RAR: Itulah, lepas sudah *auntie* balik itu, sudah dia orang sudah -- semua kata, "Cantik cantik", *auntie* buka, *auntie* buka selepas itu dapat tempahan dari Sudirman, dari orang-orang. Jadi *auntie* terus sahajalah buka *company* [syarikat].

**SNJ: Balik daripada UK itu, tahun bila eh?**

RAR: Itu lah tahun sembilan belas lapan puluh lapan [tahun 1988] itulah, tahun sembilan belas lapan puluh sembilan [tahun 1989] itu sudah ada syarikatlah.

**SNJ: Jadi waktu itu, *auntie* sendiri ke yang uruskan?**

RAR: Yelah, siapa hendak buat? Emak bapa kita tidak tahu, semua tidak tahu apa benda yang *auntie* hendak buat, dia orang pun tidak tahu.

**SNS: Semua dari duit *auntie* sendirilah-- atau?**

RAR: Ayahlah. Bapa.

**SNJ: Jadi, berapa modal yang-- dikeluarkan yang mula-mula sekali?**

RAR: Tidak ingat, sebab *auntie* ingat, *auntie* balik -- *auntie* buat, *auntie* memang sudah ada duit, apa ini-- kerja semua. Jadi, kita buat sendiri, tak ada pekerja. Waktu itu, ada duit sedikit, selepas itu, bapa bagi duit buat bengkel. Buat bengkel mula tujuh ribu [RM 7,000]. Selepas itu-- jual kereta. Buat bengkel lagi besar, empat belas ribu [RM 14,000]. Selepas itu, apa ini buat-buat, orang minta lah deposit -- selepas itu, beli lah. Minta deposit, beli barang-barang, macam itu sahajalah. Selepas itu, bila sudah dapat untung sedikit, beli lah pembakar lagi. Dapat lagi sedikit, beli pembakar lagi. Selepas itu, besarkan bengkel lagi. Macam itu lah. Jadi, rumah *auntie* yang *auntie* buat itu, dari belum kahwin itu-- sekarang sudah nilai *two million* [RM 2,000,000], besar. Alhamdulillah.

**SNJ: Jadi, *auntie* cakap -- banyak kali-- beli tempat pembakar itu kan-- sudah berapa banyak agak-agak?**

RAR: Oh, banyak sudah yang rosak. *But* [Tetapi] dia-- kita duduk buat macam-- jadi-- sejak ada pembakar yang panjang-panjang ini, dia selamatlah-- sebab kita dulu bila tempah banyak, sampai bila dia panas—bahang-- itu, kita terpaksa pakai kipas kan-- sampai -- terbang ini semua. Tanyalah dia orang buka kipas, selepas itu bakar balik mungkin tidak *stop*-- [berhenti]. Kalau pembakar itu boleh cakap, “Alahai, matilah aku”. Selepas itu, sebab kita hendak beli, mahal, kan? Satu dua puluh ribu, tiga puluh ribu, kan? Jadi, Alhamdulillah lah, jadi, *auntie* boleh banyak lah. Hari itu yang besar-besar ini lah-- yang enam biji bagi dekat usahawan dekat Perak. Sebab sudah tidak muat dekat sini.

**SNS: Bagi usahawan?**

**SNJ: Ha siapa?**

RAR: A’ah, yang seramik ini *auntie* buatlah-- bagi dekat dia orang.

**SNJ: Jadi, macam mana *auntie* pasarkan produk-produk seramik ini?**

RAR: Kita-- masa mula-mula dulu sebab kita -- apa ini dari m-ulut ke mulut lah. Yang kedua pula, *auntie* dulu selalu masuk Majalah Anjung Seri, setiap bulan. Yang *auntie* selalu keluar televisyen -- dulu *auntie* selalu keluar televisyen dan selalu keluar surat khabar. Masa itu, korang [kalian] tidak lahir lagi lah. Memang *auntie* dulu-- tahun-- macam sekarang ini -- orang sudah -- macam-macam, kan? Usahawan ada macam-macam-- orang buat kosmetik, orang buat semua -- kan, dia orang *famous* [terkenal] kan. *Auntie* dulu, *auntie* kiranya yang dari universiti, kata *auntie* punya pensyarah masa

*auntie* dapat anugerah itu -- dia tengok, dia kata dalam dua ribu [2,000 pelajar] yang orang tamat pengajian, dia kata, "You seorang sahaja yang buat perniagaan. Orang lain semua kerja dengan kerajaan." Masa *auntie* hendak dapat anugerah belia, dia orang hendak datang *interview* [temu bual], *auntie* tidak tahu hendak kata-- Penolong Pengarah Kementerian tu kawan sama *batch* [kumpulan]. Dia pun-- dia tengok nama *auntie*-- macam, "Isk, rasa macam kenal." Dia masuk-masuk, dia tengok, "Mm-mm, hang [kamu] ka [ke]?" Dia tidak percaya.

**SNJ: Masa dekat sekolah ke? Atau--**

RAR: Masa dekat universiti. *Auntie* pun tidak pernah kenal. Sekali *auntie* dapat yang HKK, sepuluh ribu *auntie* selepas -- *auntie* dapat anugerah itu, selepas itu, *auntie* punya Dekan datang, peluk. "Tahniah.", dia kata – Rokiah -- Rohana. Dia kata, "I selalu ikut perkembangan *you* masuk televisyen masuk itu". *Auntie* selalu masuk -- memang banyak. Kalau dekat Kedah itu, penuh keratan itu semua dari-- apa ini—mengandung. Dari tiada anak, semua penuh. Memang banyak. Memang dulu, memang inilah -- kalau macam zaman sekarang, kalau *auntie* keluar, memang terkenal. Sebab keluar dekat *website* [laman web], kalau dulu-dulu tak ada. *Auntie* memang selalu keluar-- ha itu -- Che Ta itu, ha-- Che Ta, sebab selalu keluar surat khabar semua itu. Dulu banyak.

**SNJ: Jadi, kalau macam harga pasaran itu kan, berbanding dahulu dengan yang sekarang-- ada beza ke?**

RAR: Sekarang, mahal sikit lah. Sebab harga naik kan, macam kita sekarang kan paun satu *point* [titik] lima [£1.5] kan? Kalau dulu kan, berapa sahaja, kan? Macam *you all* [kamu semua] tengok ini, (menunjuk ke arah keratan akhbar) ha ini surat khabar, ini surat khabar. Ha ini, surat khabar. Tahun bila, ha itu? (sambil menyelak buku yang tersimpan kenangan lama)

**SNS: Ini, 2006. (sambil menunjuk ke arah tahun tersebut)**

RAR: Ha, dua ribu lima [tahun 2005] -- rasa. Ha masa inilah muka -- *uncle* [pak cik, merujuk kepada suami tokoh] datang tengok ini, sembilan belas lapan puluh sembilan [tahun 1989]. Masuk besar – ini, Strait Times [The Straits Times, jenama surat khabar], orang putih. Ha, *uncle* tengok inilah. Ha ini *auntie* buat ini ha-- bukan ada pekerja ramai lagi ini. Ini ha-- ini. (sambil menujukkan ke dalam gambar di dalam buku)

**SNJ: Buat sendiri semua ini?**

RAR: Itu lah, *auntie* tidak tidur, dua jam sahaja sehari tidur. Macam ini ha -- (selak buku) tidak kahwin lagi. Ha ini -- tidak kahwin lagi. Ha ini -- sudah dapat anak kedua. Ha ini -- dapat pergi ke Jepun. Masa itu tidak pergi Mekkah lagi -- tidak pakai tudung. (gelak)

**SNJ: Di- Jepun?**

RAR: Di Jepun, ha ini -- yang ini dapat HKK. Ha ini, majalah. (selak buku) Ini dekat Brunei. Ini dekat Dubai. Ini dekat Jerman.

**SNJ: Apa momen-momen atau pengalaman *auntie* yang tidak dapat dilupakan sepanjang berada di luar negara itu?**

RAR: Semua okey sahajalah. Tetapi yang -- gelak -- pergi New York sahajalah. Pergi New York, hari raya dekat sana. Hari raya pertama, kita orang semua pakai baju kurung. Selepas itu, semua orang putih tengok *auntie*. Anak-anak semua tinggal lah. Sebab *auntie* raya dekat sana, selepas itu puasa pula. Naik kapal terbang berapa jam, tidak buka-buka puasa. Macam orang Arab, buka sahaja, kita ikut kan -- Itu sahajalah, tidak ada apa.

**SNJ: Kiranya modal untuk bangunkan – apa ini, Sweet Touch Ceramic ni memang *auntie* semua sendiri lah? Atau--**

RAR: Sendiri, sampai lah lima belas tahun -- *auntie* tidak pernah pinjam *loan* [pinjaman]. *After* [Selepas] lima belas tahun, *auntie* terpaksa pinjam *loan* hendak beli pembakar itulah. Pembakar itu dua ratus empat puluh enam ribu [RM 246,000]. Jadi, *auntie* jual BMW, *auntie* sudah habis bayar. Memang *auntie* dari mula pakai BMW sebab selalu pergi -- Singapura lah beli

barang, kan? Sebab *auntie* memang suka. Selepas itu, seratus ribu [RM 100,000]. Selepas itu, bapa bagi empat puluh enam ribu [RM 46,000], pinjam *loan* pertama kali. Beli itulah – tahun dua ribu satu [tahun 2001]. Tahun dua ribu dua [tahun 2002], habis bayar, okey lah.

**SNJ: Sebenarnya siapa *target market* [pasar sasaran] Sweet Touch Ceramic ini?**

RAR: Tidak, *auntie* dulu *auntie* memang *target* [sasaran] untuk orang yang macam -- bunga untuk sesiapa yang minat bunga lah. Yang kedua, bunga telur, bunga telur selalu orang-- dulu orang -- memang Dato'-- lah. Dia orang buat kenduri lima ratus [500 cenderahati seramik] ke seribu [1,000 seramik] ke apa kan dekat hotel. Jadi, kita Sweet Touch dekat bawah -- kalau malam ini ada *function* [majlis], esok itu mesti lima- enam orang telefon. Tiga orang akan lekat -- kalau seorang seribu, [1,000], sudah kira itu lah. Macam itu lah.

**SNS: Mereka itu dari kaum Melayu atau ada juga Cina- India?**

RAR: Tiada, masa dulu semua Dato'—dia orang buat dekat hotel, semua. Dia orang-orang kaya lah. MK Land, empat-empat anak dia buat [urusan cenderahati perkahwinan dan sebagainya] dekat *auntie*. Selepas itu, yang majikan-- apa itu KFC itu semua, dia orang buat dekat *auntie*, (bunyi barang terjatuh) anak dia suruh buat, kadang dia orang suruh pergi rumah kenduri kalau dekat Johor dia orang bagi hotel lah, semua lah. Dia orang memang baik lah. *Auntie* pun *service* [servis] okey dengan dia orang. *Auntie* macam

tidak berkira sudah. Macam hantar pun, *auntie* tidak *charge* [kira] semua lah. Kadang minta tolong balut, *auntie* balut semua lah.

**SNJ: Jadi, antara pelanggan-pelanggan daripada-- seramik yang *auntie* hasilkan-- ada tidak-- pelanggan yang macam ternama ke- ataupun--**

RAR: Ada. Raja-raja semua buat dekat kita. Kita buat untuk keputeraan -- Hari Keputeraan yang banyak sekali, Kedah *auntie* buat. Kedua, Azlan Shah [Raja Azlan Shah, Raja Muda Perak], selepas itu, Johor. Ha itu lah memang banyak lah datang dekat istana negara, muzium semua barang Sweet Touch banyak. Anak, dia orang tidak tahu, dia orang pergi kan, mula dekat Kedah. Dia orang kena datang-- buat lawatan. "Tengok, banyaknya mama punya", dia kata.

**SNJ: Jadi, berapa banyak kuantiti yang pernah di tempah, yang paling banyak lah kiranya?**

**SNS: Yang puan ingat.**

RAR: Banyak, macam-- di Kedah itu Sultan yang bayar, jadi, dia orang beli macam lima puluh ribu [RM 50,000]. *Auntie donate* [derma] lah lima ribu [RM 5,000] ke sepuluh ribu [RM 10,000] ke ikut dialisis. Selalu *auntie* derma balik macam itulah, kalau macam -- bunga telur ini, kalau satu orang

lima ribu [RM 5,000], kalau sepuluh orang sudah lima puluh ribu [RM 50,000]. Satu bulan seribu [RM 1,000] macam itu la. Ikutlah. Ha macam bulan -- tahun ini-- kita rugi empat puluh empat ribu [RM 44,000].

**SNJ: Sebab COVID eh?**

RAR: Sebab dia orang-- macam-- seorang ini dia tempah tiga ribu. Jadi, dia sudah bayar tiga ribu [RM 3,000]. Lagi enam belas ribu [RM 16,000] tidak boleh sebab tiga ribu orang. Jadi, dia ambil setakat tiga ribu itu sahaja lah. Yang seorang lagi, dia tempah seribu. Sebab COVID, dia boleh seratus orang. Jadi, ambil setakat dia bayar deposit. Ha macam itu lah. Selepas itu, yang baru ini, Puan Seri ini -- dia tempah tiga ribu untuk bulan ini. Selepas itu, dia tunda pula, bulan lima. Macam itulah, dia jadi dia orang ambil setakat dia orang sudah capai deposit sahaja. Bukan dia orang tidak mahu, tetapi sebab tidak boleh buat seribu, tidak boleh buat macam itu.

**SNS: Itu bagi pelanggan di Malaysia, kalau pelanggan di luar negara?**

RAR: Kita tidak boleh lah. Sekarang ini, kita orang kena berhenti lah. Itu sudah berapa kontena itu tidak boleh hantar. Sebab ini – selepas itu, dia orang [pekerja] ini pandai -- bila kita kena COVID, dia orang buat lah ayat Quran, dia orang buat hadiah, benda lain. Sekarang kita orang buat bunga lah. Sebab bunga untuk gubahan macam itu sahajalah. Jadi, kalau kita buat bunga telur, kita berhenti lah sekejap. Maksudnya, kita buat yang ni (tunjuk bunga roti) memang orang punya lah. Tetapi dia orang hendak ambil juga

lah, walaupun sebab tiada nama. Ada yang memang ada nama, ada *date* [tarikh], buang sahajalah. Itu, sahajalah.

**SNS: Kalau yang pelanggan dari luar negara, sebelum COVID, yang masa tengah ini-- dari negara mana yang --**

RAR: Kebanyakannya, yang kita pergi-- ini lah, Arab, macam Dubai.

**SNS: Pelanggan dari sana-- tempah.**

**SNJ: Ada tidak yang macam datang sendiri ke Malaysia?**

RAR: Ada. Ada. Arab datang, dari Uzbagistan pun datang, kita dapat *offer* [tawaran] dari Uzbagistan, Russia, dia hendak suruh buka dekat sana.

**SNS: Buka apa?**

RAR: Buka seramik lah dekat sana, untuk *joint venture* [usaha sama] dengan dia orang. Untuk ajar ibu-ibu tunggal, hnendak bagi bunga dan hendak bayar *auntie* dua ratus ribu [RM 200,000] dengan hendak bagi rumah semua -- tetapi masa itu dia orang kecil. Jadi, *auntie* tidak pergi lah. Dia orang

hendak periksa pun, *auntie* masa dekat Italy itu, dia orang periksa SPM [Sijil Pelajaran Malaysia, diambil oleh semua pelajar tingkatan lima] yang anak nombor empat, tiga itu -- *auntie* pagi-pagi sudah telefon, “Okey, mama sudah buat solat--“. *Auntie*, semua dia orang hendak-- periksa, semua buat solat hajat-- semua, kan. Baca Yaasin [Surah Yaasin, surah ke tiga puluh enam dalam Al-Quran] -- semua doa dekat dia orang sampai orang sini kata “Alahai, apa ini *you* [kamu]—” Mestilah, apa ini-- dia orang baik semua anak-anak. Alhamdulillah. *Auntie* tidak ada susah langsung hendak jaga diaorang. Walaupun anak lima.

**SNJ: Jadi kalau yang macam pelanggan daripada luar negara kan, kalau yang-- apa komen-komen daripada mereka?**

RAR: Tiada-- mereka suka. Kalau [orang] Arab dia suka-- sebab satu kita perempuan, kita Islam lah suka. Lagi satu Kraftangan [Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia] ini baik, macam kalau kita pergi luar negeri, selepas itu kita buat *exhibition* [pameran], selepas itu macam-- bila mereka ada Hari Kraf Kebangsaan, mereka akan pang-- tanya kita siapa yang *potential buyer* [pembeli berpotensi] kita. Jadi mereka akan bayarkan tambang, mereka datang. Jadi mereka datang lah tengok kilang kita semua.

**SNJ: Jadi semasa *exhibition* itu, pernah ada juga lah macam orang daripada luar tengok *exhibition* itu?**

RAR: Di Kraftangan dia bawa kemahiran- barang semua. Kita tidak bayar apa. Itu semua mereka yang *spon-sor* [taja] tiket. Tinggal kita bayar duit hotel sahaja. Yang lain semua kita-- makan dengan hotel sahaja kita [bayar] sendiri. Jadi, barang-barang kita kita bawa lah. Dia kata kena bawa berapa- kotak. Kalau tiga puluh kotak, tiga puluh kotak lah. Ikut-- mereka. Selepas itu *booth* [ruang] semua mereka *set* [sediakan]. Macam ini lah mereka sediakan *booth* semua itu. Tengok, cantik, bukan? (ambil menyelak helaian majalah dan menunjukkan gambar ruang pameran)---- Hah ini di- ini mereka lah yang sediakan *booth* semua. Jadi, kita bawa ini barang kita. Kita bawa.

**SNJ: Ini yang di luar negara itu kah?**

RAR: Ini yang di Jerman lah. Semua lah. Dubai [United Arab Emirates] pun macam itu. Dia sediakan *booth* macam ini selepas itu kita jual lah. Kita jual, duit dapat lah pada kita. Selepas itu kalau tidak habis [barang pameran yang dijual], kita bawa balik lah macam itu. Jadi, semua mereka sediakan semua ini. Tengok, tengok. Barang *auntie*, bawa lah. (menunjuk ke arah gambar di dalam majalah)

**SNJ: Berapa lama ya *exhibition*?**

RAR: Selalu nya seminggu lah. Tetapi *auntie* selalu pergi semua habis. Kalau di Arab, memang semua orang Arab ini-- tetapi macam seperti pergi ke Milan [Itali] itu, hari pertama sudah semua habis jadi tidak boleh am-- Kraftangan kata “Jangan. Jangan, nanti kosong”. Jadi, tulis ‘*Sold*’ [terjual] dia suruh ambil *last day* [hari terakhir]. Macam itu lah. *Auntie* alhamdulillah sebab *auntie* punya-- sebab *more* [lebih] macam *English* [Ingeris] jadi mereka suka lah sebab kua-liti. Ah ini lah sewaktu mereka *interview* [menemu bual]

*auntie* tidak kata mereka menemu bual apa, rupa-rupanya hendak dapat yang itu (menunjuk ke arah gambar sewaktu tokoh menerima anugerah).

**SNJ: Jadi, apa sahaja ya antara barang-barang yang dipamerkan sewaktu itu?**

RAR: Tidak-- *auntie*-- ikut lah. Kalau kita pergi Jerman, mereka suka biru. *Auntie* akan buat semua *tea set* [set teh] apa-apa semua jenis warna biru atau putih. Macam itu lah. Kita tengok lah. Macam Dubai, *auntie* buat ayat al-Quran, ayat Kursi, kita buat lah bunga-bunga. Perempuan-perempuan kan. Arab ini mereka suka *gold* [emas] sikit, yang terang. Kita buat lah. Kita perlu-- sebelum-- *auntie survey* [tinjau] lah juga. Selepas itu apabila *auntie* sudah pergi pertama kali itu, *auntie* akan naik ke tempat-tempat *exhibition* lain, tengok. Selepas itu *auntie* akan pergi ke kedai-kedai. *Auntie* bukan macam mereka. Mereka akan pergi *shopping* [membeli-belah], tidak, *auntie* pergi ke kedai-kedai tengok apa yang kedai itu jual kan? Kita tengok macam itu.

**SNS: Dari segi harga, bagaimana *auntie* tentukan untuk--**

RAR: Kita *convert* [tukar] lah *to* [kepada] USD [US Dollar] semua. Kalau dia kata USD, USD lah. Paun, Paun lah. Kita tukar lah.

**SNJ: Adakah *auntie* tengok dari segi kesenian dia kah? Macam untuk tentukan itu [harga].**

RAR: Tidak ada. Kita buat macam kita punya harga [Ringgit Malaysia], kita tukar lah kepada kita punya harga. Selepas itu kita *mark up* [naikkan] sedikit

sebab untuk *transport* [pengangkutan] semua. Sebab apa? Kalau China, harga China murah, dia lain. Sebab kita ada *gold* ada apa. Kita tidak risau lah. Macam *auntie*, [produk] bunga *auntie* tidak risau sebab tiada orang buat, tiada *competition* [saingan], hanya Itali sahaja.

**SNJ: Okey itu kalau pelanggan atau pembeli daripada luar. Kalau-- ada kah juga daripada kawasan ini?**

RAR: Maksudnya?

**SNJ: Kawasan-kawasan perumahan di sini ataupun-- maksudnya, macam mana [bagaimana] pembeli itu? Dari kalangan siapa? Penduduk--**

RAR: *Auntie* memang [sasar] *high-end* [mewah] lah. Memang orang besar-besar lah. Dari dulu memang orang besar-besar lah yang memang orang yang sudah [mempunyai gelaran] Dato', Tan Sri, selepas itu yang sudah pencer. Mereka kan sudah ada duit semua itu kan? Yang sekarang ini sahaja yang anak-anak mereka baru kerja ini kan. Yang dahulu memang tiada masalah. Kalau orang yang senang ini mereka tiada cerewet apa, tetapi yang pertengahan ini, macam-macam. Hendak murah lah, hendak apa lah. Macam itu lah. Yang dulu-dulu tiada apa [masalah] sebab mereka tahu benda ini. Selepas itu susah hendak buat.

**SNS: Betul.**

RAR: Selepas itu yang ini, yang pertengahan ini lah yang generasi ini “Ala, mahal lah”. Macam kita buat tempat cincin enam puluh lima ringgit [RM 65]. Dia beli cincin seribu [RM 1000] dua ribu [RM 2000] tidak apa, nak beli-- tak kan. (sinis) Macam itu lah. Tetapi *auntie* cakap pada Syifa, “Cakap elok-elok sahaja. Kalau mahal, tidak mengapa lah. Tidak perlu ambil. Ambil yang murah”. Macam itu lah. Kalau dia datang, dia kata mahal apa, ha tunjuk dia hendak bajet dia berapa. Kalau dia hendak yang tiga ringgit [RM 3], tunjuk yang tiga ringgit. Macam itu. Kalau yang tidak kisah, tidak kisah. Pelanggan ini macam-macam. Itu sahaja lah. Tidak ada apa.

**SNJ: Jadi, pernah tidak macam pembeli daripada sekolah-sekolah kah?**

RAR: Ada. Cikgu-cikgu ada. Cikgu, tetapi dia banyak ambil untuk bila mereka-- cikgu dia *retire* [pencen] kan? Selepas itu ada juga cikgu yang mereka minat macam *tea set, jug set* [set kendi] jenis set itu, dia mahal. Jadi, mereka buat main kutu macam itu lah. Mereka-- kata lah *jug set* itu dua ratus [RM 200], jadi mereka *collect* [kutip] setiap seorang lima puluh [RM 50]. Bulan ini, orang ini dapat. Macam itu lah. Jadi, okey lah. Selepas itu mereka tambah pula. Selepas beli *jug set*, beli tempat basuh tangan. Jadi, mereka kumpul lah macam itu. Itu lah dia.

**SNJ: Jadi, kalau bercakap fasal pelanggan ini mesti ada pelanggan tetap, bukan?**

RAR: Ada, ada. Orang yang sudah biasa dengan kita, dia akan datang. Mana yang sudah pernah kahwinkan anak, dia akan-- selepas itu dia akan *recommend* [mengesyorkan] kawan-kawan dia, saudara-saudara dia lah.

**SNS: Untuk datang sini [*Sweet Touch Ceramic, Kuala Lumpur*].**

**SNJ: Jadi, dari situ juga lah macam kiranya secara tidak langsung mempromosikan lagi.**

RAR: A'ah. Sebab itu kita perlu *service* [layan] elok, kita perlu cakap bahasa elok. Itu lah cakap dengan Syifa kalau-- kadang Syifa tidak boleh tahan sebab dia muda, kan?

**SNS: Betul.**

RAR: Itu kita cakap, sabar sahaja. Selepas itu, "Ala, mama, tidak tahan lah. Mama tolong *handle* [uruskan]". Kalau dia tidak boleh, tidak boleh lah. Macam *auntie* pun dahulu muda juga, tetapi sebab *auntie* banyak guna psikologi. *Auntie* jenis sabar sahaja, diam sahaja. *Auntie very simple* [sangat sederhana] lah. Tidak kisah pun.

**SNJ: Jadi, bagaimana hendakkekalkan pelanggan itu untuk terus memilih produk daripada *auntie* ini?**

RAR: Kita tidak perlu kekal. Kita buat sahaja lah apa yang kita terbaik. Selepas itu kita *create* [buat] benda-benda baru nanti orang lain datang. Tiada-- tidak perlu hendak kekal apa. Pelanggan baru pun tidak mengapa.

**SNJ: Kiranya macam *something* [sesuatu] yang menarik itu kiranya *design* [reka bentuk] itu sendiri lah buatkan orang selalu datang?**

RAR: A'ah. Kita sendiri lah perlu pandai. Ini sekarang mereka tengah [sedang] hendak *promote* [promosi], *auntie* biar sahaja lah. Di rumah sudah jadi studio. Mereka beli semua alat-alat, penuh, buat studio, tangkap gambar.

**SNS: Kalau apa-- *auntie* pernah ini kah-- buat macam *sale* [jualan] atau apa benda untuk kalau-- ataupun tiada?**

RAR: Ada. Macam kita dulu lah kita selalu buat juga kan, buat khemah apa semua, tetapi sekarang susah lah. Kan sebab mereka [merujuk kepada kedai di sebelah, iaitu kedai kereta] buat apa ini-- kereta kan. Dulu tiada, ini baru punya. Ini baru tahun lepas, ini pun-- dahulu *auntie* dua lot, yang ini buka jadi, *rival* [pesaing] kan, tetapi tidak mengapa lah. Tetapi sekarang kita selalu ada pameran, kan? Sekarang sebab COVID [COVID-19, penyakit Coronavirus] tidak pergi lah dapat pameran, kan. Banyak sahaja lah *offer* [tawaran] pameran di *mall* [pusat membeli-belah] lah semua tetapi tidak pergi lah sebab orang tidak datang, kan. Itu sahaja lah. Lagi, ada apa?

**SNJ: Berkenaan dengan seramik ini kan macam-- *auntie* kan kiranya yang pertama, bukan? Yang memulakan. Jadi, ada atau tidak perasaan macam hendak teruskan untuk adik-beradik lain ataupun--**

RAR: Tiada. Adik-beradik dua orang sahaja. A-dik pun anak-anak dia semua berjaya. Anak dia buka apa ini-- di Taiwan lah apa semua. Anak dia semua berjaya. Dia anak dia dua orang, seorang akauntan, seorang buka *business* di Taiwan, yang seorang lagi akauntan, seorang lagi hafaz al-Quran, baru sepuluh ta-- baru sepuluh tahun sudah hafaz berapa juzuk sudah, ikut Tok [datuk] dia. Itu lah. Dia pun senang, tiada masalah. Tiada apa, tidak ada apa lah hendak ikut.

**SNJ: Jadi, selepas ini kan rasanya kan sudah pernah ke-- macam pasarkan [produk] ke Dubai ke yang lain itu kan. Ada lagi tidak rasa macam hendak [pasarkan] ke negara lain pula? Negara luar yang lain.**

RAR: Yang ada pun sudah ada dua puluh satu negara, semua negara yang sama, hen-dak negara yang lain macam mana? (gelak kecil) Dubai, Arab, semua daripada negara itu yang duk [asyik] beli, kan? Itu lah. Tidak ada apa lah. Jerman, Itali, semua itu yang memang-- itu lah pasarannya. Kalau kita nak jual ke China buat apa? China pun hantar kat mereka. *Egypt* [Mesir], yang itu lah. Tidak ada apa. Ini tengah-- *Egypt* dengan Turki kut tengah asyik *contact* [berhubung] Syifa.

**SNS: Untuk apa?**

RAR: Mahu barang lah. Hendak pasar. Selepas itu ada negeri [sic, negara] Iraq lah. Iraq-- sebab sekarang COVID, mereka sekarang masalah--

**SNS: Susah sikit.**

RAR: A'ah. Kedai tidak boleh buka. Selepas itu kalau buka pun, orang tidak ramai datang. Itu sahaja lah masalah. Tengok *next year* [tahun hadapan, merujuk kepada tahun 2021] lah. Selepas itu orang yang Iraq pun datang, anak orang kaya. Bukan main lagi. mereka seronok panggil *auntie* ‘mama’.

**SNJ: Okey, boleh tidak *auntie* ceritakan lah macam cabaran-cabaran dalam hendak menjayakan ini lah--**

(mencelah)

**SNS: Sewaktu di luar negara dan di sini.**

RAR: Di luar negara tiada masalah.

**SNS: Tiada.**

RAR: Di luar negara mereka bagus sahaja.

**SNS: Selalu tolong.**

RAR: Kalau kita *supply* [bekalkan], memang mereka seronok sahaja lah. Yang di Malaysia ini, orang yang dengki, dengan cabaran itu. Dengan orang *copy* [meniru] sahaja lah. Yang lain tiada apa. Itu sahaja lah.

**SNS: Auntie memang tidak ada buat apa lah dengan orang yang meniru? Macam certain [sesetengah] orang akan saman.**

RAR: Dulu *auntie* buat, sekali-- tidak, kita paten pun mereka *copy*, mereka ubah sikit. Tidak boleh buat apa. Banyak lah mereka *copy*, tetapi *auntie* tak kisah lah, biar sahaja lah. Sebab orang kita juga, malas-- itu lah.

**SNJ: Kan waktu mula-mula *auntie* belajar sendiri itu kan, ada tak cabaran dia?  
Apa yang *auntie* rasa?**

RAR: Tiada. *Auntie* tidak ada apa cabaran, *auntie* buat sahaja. *Auntie* tidak peduli orang. Sampai bapa pun hairan, tidak peduli orang. *Auntie* buat sahaja, *auntie* tidak peduli orang langsung, *auntie* tidak campur [dengan] orang, *auntie* duduk buat sahaja. Apa *auntie* hendak buat, *auntie* buat sahaja. Selepas itu *auntie* hanya *deal* [berurus] dengan *customer* [pelanggan] dengan *dealer* [peniaga] sahaja. *Auntie* punya kawan baik semua Cina. Bidang ini tidak ramai-- tiada Melayu kan masa itu kan, semua Cina, yang baik dengan *auntie* sampai sekarang, sampai yang seorang itu dari *auntie start* [mula]-- dia buat *painting* [lukisan] dan sampai dia anggap *auntie* adik dia. Yang seorang lagi itu pun anggap *auntie* macam mama dia, semua. Kalau *auntie* susah, *auntie* minta tolong mereka. Kalau *auntie* tidak cukup duit, *auntie* minta *anytime* [bila-bila masa] mereka boleh bagi [beri]. Selepas itu *auntie* pulang lah balik. Macam kita nak *rolling* [bergulir] sebelum dapat *payment* [bayaran], “Vincent, boleh tolong akak tidak?” “Berapa?” “Dua” Ha dia *bank in* [pembayaran melalui bank] selepas itu-- macam itu lah. Semua Cina.

**SNJ: Okey sahaja lah?**

RAR: Mm-mm. Sebab *auntie* baik dengan mereka.

**SNJ: Kalau macam dengan *dealer* pernah kah [ada] *problem* [masalah]?**

RAR: Ada lah juga. Kadang mereka ini bayar lambat, macam itu lah. Itu lah *auntie* sekarang *auntie* rasa seronok sebab kawan baik *auntie* semua Cina.

**SNJ: Jadi, katakana lah yang macam di Kedah itu kan, hendak uruskan, hendak pantau itu atau macam pekerja-pekerja atau ada kah yang-- maksudnya macam--**

**SNS: Dari kalangan Cina kah? Ataupun--**

RAR: Tidak ada. *Auntie* semua ambil [pekerja] orang Melayu, orang kita.

**SNS: Oh. Bagaimana--**

RAR: Nanti selepas sudah nanti kalau *auntie* sudah dapat duit ini, *auntie* hendak JV [*Joint Venture*, bermaksud usaha sama] dengan China, ada lah program-

program besar lah kami punya rancangan. Besar lah. Mereka hendak kena bayar kepada *auntie* pun banyak.

**SNS: Oh.**

**SNJ: *Auntie* ada rancangan?**

RAR: *Auntie* hendak JV dengan China lah. China sekarang mereka masalah. Mereka tidak boleh eksport barang mereka banyak ke negara-- mereka kan tidak baik dengan US [Amerika Syarikat] sekarang, selepas itu dengan Arab itu semua mereka tidak boleh [pasarkan produk] banyak. Negara *Europe* [Eropah] semua tidak mahu, benda itu *flooded from* [dibanjiri dari] China. Mereka hendak macam dari Vietnam, India, Malaysia, mereka nak [mahu] dari negara lain. Jadi, mereka [China] tidak boleh banyak kontena, tetapi kalau mereka buat di Malaysia, buka kilang di Malaysia, mereka boleh hantar [ke luar negara]. Malaysia, semua negara di seluruh dunia dengan Malaysia okey. Jadi, mereka mahu buka kilang di sini lah jadi mereka nak *join* [sertai] dengan *auntie* lah.

**SNJ: Jadi, kalau macam barang-barang kalau yang daripada kilang yang di Kedah itu kan, bawa ke sini di KL, bagaimana ya? Dengan cara apa?**

RAR: Naik lori lah.

**SNS: Naik lori. Memang dengan *safety* [keselamatan] yang bagus lah.**

**SNJ: Okey kalau kita bercakap pula kalau semasa menjadi adiguru itu kan, ada kah cabaran dia?**

RAR: Tidak ada apa lah. *Auntie* tidak ada rasa cabaran apa lah. Datang lah apa-apa pun, *auntie handle* sahaja lah.

**SNJ: (gelak kecil)**

RAR: Bukan nak cakap besar, tidak ada apa, betul lah senang sahaja. (gelak)

**SNS: *Auntie* ada cakap kalau jadi adiguru *auntie* banyak bagi ceramah pada orang apa semua--**

RAR: Kena mengajar, a'ah.

**SNS: Ada tidak usahawan lain yang dalam bidang seramik yang *auntie* memang fokus pada dia, dia pun nak pengalaman--**

RAR: Tiada. Tidak, kalau ada, ada lah. Macam dahulu semasa *auntie* mula-mula buka pun *auntie* kena pergi ceramah di SIRIM [Institut Penyelidikan Standard dan Industri Malaysia] apa semua. *Auntie* apa topik pun tidak

mengapa lah *auntie* untuk wanita pun *auntie* sudah biasa lah. Tidak ada apa lah.

**SNS: Yang macam untuk *machine* [mesin] kan *auntie* ada cakap *auntie* ada bagi [kepada] usahawan lain, jadi mereka memang ada--**

RAR: Tidak, mereka memang hendak beli mahal, jadi *auntie* bagi sahaja lah. (gelak)

**SNJ: Jadi, ada tidak pengalaman yang menarik sewaktu menjadi--**

RAR: Entah lah, sudah terlalu banyak sudah, tidak ingat sudah. (gelak)

**SNS: Antara nya, antara nya.**

RAR: Entah lah, *auntie* pun tidak tahu. (gelak) Sudah terlalu banyak pergi lah, sampai kadang sudah tidak ingat ini bila, ini bila. (gelak)

**SNJ: Okey, jadi kiranya-- sekejap. Oh, sewaktu menerima apa itu gelaran sebagai adiguru ini, siapa yang memberi apa itu anugerah tersebut?**

RAR: Itu, menteri itu atas itu (menunjukkan ke arah gambar tokoh menerima anugerah Adiguru Kraf Seramik) Menteri dahulu, sekarang dia sudah tidak ini lah menteri apa entah nama dia. Mat Din-- entah. Yang pakai baju kurung *auntie* pakai itu lah. Muhammad Din ke apa. Sekarang dia sudah tidak jadi menteri sudah kan, dah PH [Parti Harapan] kalah kan?

**SNJ: Jadi ada tidak--**

RAR: Yang masa tokoh [Anugerah Tokoh Kraf Negara 2020] itu patutnya Mahathir [Tun Dr. Mahathir bin Mohamad] tetapi Mahathir sudah-- masa itu Mahathir sudah *resign* [meletakkan jawatan]. Jadi, ke-- itu lah S/U [setiausaha] atau apa tidak tahu lah. Yang itu pengarah Kraftangan yang hujung sekali pengarah Kraftangan.

**SNJ: Yang *auntie* cakap kenal waktu satu *batch* [kumpulan] itu kah?**

RAR: Tidak lah. Dia-- sebab *auntie* dahulu tidak tahu fasal kraftangan, dia tengok *auntie*----- surat khabar, jadi itu yang dia *invite* [jemput] itu, dua kosong lapan [tahun 2008]. Itu yang *start* [mula] pergi luar negara itu dengan Kraftangan.

**SNJ: Bagaimana mereka *approach* [dekatil]--**

**SNS: Auntie?**

RAR: Tidak, masa itu asyik selalu keluar majalah, keluar TV [televisyen] selepas itu mereka tahu lah alamat, mereka datang lah. Itu-- tetapi sebelum itu *auntie* tidak-- sebelum kenal Kraftangan, *auntie* dengan Kementerian Usahawan-- Pembangunan Usahawan [Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi] pergi dengan Dato' Hasyim *auntie* pergi Romania, pergi Jepun, pergi merata. Sebelum itu pun *auntie* pergi dengan Kementerian Usahawan. Jadi, *auntie* buat [mendapatkan anugerah] Belia dan Sukan itu mereka kenal, masa itu. Masa *auntie* pergi-- masa Tan Sri Annuar Musa [sic, Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar Musa] jadi Menteri, Kementerian Luar Ban-- [Kementerian Pembangunan Luar Bandar] apa ini-- selepas itu masa mereka hendak pergi Itali semua hendak pergi ke Switzerland pun mereka hendak cari jurucakap seramik, mereka hendak tengok kilang, jadi *auntie* lah mereka bawa. Jadi, *auntie* lah bagi jurucakap bahagian seramik. Selepas itu dia bawa *lecturer* [pensyarah] yang bahagian [bidang] kayu ke bahagian apa yang hendak lah. Macam *auntie* bahagian seramik, memang mereka bawa lah. *Auntie* pergi lah dengan Menteri. Selepas itu pergi dengan Menteri memang *first class* [kelas pertama] lah. Naik [kapal terbang] *first class*, semua.

### **SNS: Layanan semua.**

RAR: Masa itu mengandung anak yang nombor-- itu lah yang lelaki itu. Aduh. Pergi jadi jurucakap kilang, kilang buat haa ini lah *tiles* [jubin] semua itu lah, yang itu.

### **SNJ: *Tiles*-- di mana itu?**

RAR: Itu di Itali. Tetapi, *auntie* pergi China setahun sembilan kali, berapa tahun asyik pergi, sebab *auntie* nak tengok, nak beli *machine* kan, nak ini-- semua lah. *Auntie* selalu pergi tengok, selepas itu pergi *exhibition* di China semua, kan.

**SNJ: Tahun bila ya agak-agak waktu itu?**

RAR: Huh, banyak lah *auntie* tidak ingat. Sekejap----

**SNJ: Jadi, kalau yang sewaktu di UK itu kan, *auntie* pernah menjadi apa itu--**

**SNS: Dapat award [anugerah] *Best Student*.**

**SNJ: Kiranya waktu itu *auntie*--**

RAR: Ha ini (mengeluarkan sebuah majalah). Kita dahulu kita ada ejen. Ini ejen kita, aktif lah. (menunjukkan ke arah gambar ejen *Sweet Touch Ceramic* di dalam majalah). Ini ejen, ini semua ejen.

**SNS: Oh.**

RAR: Ini keluar setiap bulan. Berapa tahun itu apa-- ini dalam [majalah] Anjung Seri. Ini ejen kita.

**SNJ: Itu yang di dalam Malaysia kah?**

RAR: A'ah ini Malaysia. (menyelak helaian majalah) Ha di-- ini-- di Kraftangan ada lah gambar *auntie* semua ini dalam-- di Kraftangan. Di muzium. Ha ini pekerja di Kedah ini.

**SNS: Yang sampai sekarang masih ada?**

RAR: Tidak-- ada, ada. Yang mana itu-- dalam buku lah-----

**SNJ: Tahun bila ya yang buka di Kedah itu?**

RAR: Dua kosong-----

**SNJ: Dua kosong lapan [sic, 2008].**

RAR: Mm-mm. (diam)

**SNJ: Jadi, yang waktu *auntie* jadi *Best Student* yang di UK itu kira *auntie* orang apa-- macam kira orang Malaysia pertama lah yang di sana?**

RAR: Mm-mm.

**SNJ: Lagi-lagi dalam bidang seramik.**

RAR: Kalau di Kedah, *auntie* akan buatkan *map* [peta] (ambil mengeluarkan sehelai peta infografik), *auntie* bayar lah sendiri----- (bunyi angin kerana mikrofon dialihkan) Ha ini *Sweet Touch* (menunjukkan ke arah peta infografik).

**SNS: Oh.**

RAR: Kita iklan lah.

**SNJ: Kiranya kan, *auntie* memang terdorong daripada diri *auntie* sendiri lah, minat semua itu.**

RAR: Mm-mm. Ha ini yang ikut Kraftangan ini, tahun ini.

**SNJ: Oh, pameran.**

**SNS: Antarabangsa.**

**SNJ: Jadi, kiranya *auntie start* daripada dua ribu sembilan [tahun 2009] lah?**

RAR: Tidak, sebelum-- ini dengan Kraftangan. Sebelum itu dengan Kementerian Usa-- MEDAC [*Ministry of Entrepreneur Development and Cooperatives*] Kementerian Usahawan. Itu pergi dengan lain lah, pergi Romania, pergi Jepun, pergi Indonesia, itu lain lah.

**SNJ: Oh, kiranya mereka lah yang menganjurkan dan *auntie*--**

RAR: A'ah, yang bawa. Sebab mereka kalau hendak pergi luar negara, kita kena ada kilang lah. Maknanya kita kapasiti-- sebab nanti bila orang *order* [tempah] banyak, nanti kan satu Kraftangan malu lah kan.

**SNS: Betul.**

RAR: Tidak boleh. Selepas itu tengok, kalau macam dua kosong sebelas [tahun 2011], satu, dua, tiga, empat. Daripada sepuluh, satu dua tiga empat, jadi *auntie* tinggal lah anak-anak sebelum pergi. Macam itu lah. Tinggal lah mereka.

**SNS: Jadi, ini *auntie join* pameran bersama--**

RAR: Kraf [Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia] lah.

**SNS: Kraftangan.**

RAR: Tetapi ini *auntie* pergi seorang sahaja, *auntie* tidak bawa staff semua. *Auntie* nanti macam kalau Jerman, *auntie* akan upah *student* [pelajar], bayar kepada mereka lah. Mereka la yang jaga *booth* dengan *auntie*. Itu lah.

**SNS: Oh. Faham.**

**SNJ: Jadi, waktu kalau *auntie* keluar [sertai pameran] itu kan, anak-anak siapa yang jaga waktu itu?**

RAR: *Maid* [pembantu rumah] sahaja lah, dengan suami.

**SNJ: *Maid* sahaja dengan suami.**

**SNS: Jadi, kalau kita tengok di sini, sebelum-sebelum ini *auntie* kata *auntie* memang ada tetapi--**

RAR: Dengan-- (menunjuk ke arah belakang)

**SNS: Dengan yang itu [merujuk kepada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi] kan?**

RAR: A'ah. Ini dak-- ini kita tulis untuk Kraf sahaja lah.

**SNS: Oh.**

RAR: Sebelum ini *auntie* dari dua kos-- dari itu lah, dari ti-dak dapat-- keluar dari dapat anak-- dari Syifa lah kot pergi. Masa pergi dengan Tan Sri Anuar Musa pun duk [sedang] mengandung anak nombor empat itu. (bunyi angin dari mikrofon yang ditindih dan dialihkan) Masa ini tahun bila? Masa ini (menyelak helaian buku) masa di Kedah, kan. Ha ini [gambar] pekerja. Nampak ini?

**SNS: Mm-mm.**

RAR: Di Kedah itu mereka sedang buat-- ha ini, pembakar dia besar ini (menyelak helaian buku). Ini, kayu bakar banyak sangat. Ini, nampak.

**SNJ: Ini kira pembakar ada satu itu sahaja lah yang seratus empat puluh [140] kaki itu sahaja lah?**

RAR: Tidak. Dua.

**SNJ: Ada dua?**

RAR: Apa ini, ha sekejap. (menyelak helaian buku) Ha ini masa ini di Romania.  
Masa ini Annuar Musa apa ini----- Ini lama sudah ini.

**SNJ: Waktu pameran di Romania itu lah?**

RAR: A'ah.

**SNS: Itu lah *auntie* kami hendak dengar sikit cerita *auntie* waktu UK, di UK, perjalanan itu.**

RAR: Macam mana, UK itu *auntie* pun--

**SNS: Okey lepas habis belajar.**

RAR: Bukan, benda itu sebab banyak kan? Sebab kita baru, macam-macam hendak kena [sedia] kan? Jadi, suntuk, kan. Ha itu lah, belajar teori dengar sahaja lah. *Auntie* tidak pernah duk tahu kan? Belajar sahaja lah. Begitu sahaja lah. Selepas itu bila sudah mereka suruh buat, buat sahaja, ikut sahaja, diam sahaja sebab *auntie* sahaja yang dari Asia, kan? Yang lain semua dari sana. Itu sahaja, tidak ada apa. *Auntie* ikut sahaja, *auntie* diam sahaja. *Auntie* memang pendiam sebab-- *auntie start* bercakap pun----- *auntie* diam sahaja, tidak banyak cakap. (bergumam) *Auntie* memang pendiam, tidak banyak cakap. *Auntie* banyak kerja.

**SNJ: Kiranya waktu yang pertama kali pergi ke UK itu, berapa lama? Duduk di sana untuk belajar itu.**

RAR: *Auntie* duduk di sana dekat dua tahun lebih lah.

**SNS & SNJ: Dua tahun lebih.**

RAR: Makna, mula sebut enam bulan, tambah, jadi se-- ini, jadi setahun. Selepas itu *auntie* buat *apprentice* lagi, setahun setengah, selepas itu *auntie* tidak pergi melawat lagi, pergi New York [New York State] lagi, tambah lah.

**SNS: Yang tambah itu dari?**

RAR: Tidak, bila *apprentice* tidak perlu bayar sudah. Tetapi *auntie* ada duit, kerja, kerja *auntie* buat part time kan.

**SNJ: Apa yang menyebabkan ditambah itu? Tempoh [tempoh pengajian].**

RAR: Tidak, bila sebab kita belajar di Brunel University ini dia teori, selepas itu kita hendak tahu juga praktikal. Jadi, kita minta lah sambung.

**SNS: Minta dari?**

RAR: Dari MARA, tetapi sebab dia [MARA] kata enam bulan, tetapi bila kita kata dapat *Best Student*, mereka sambung lah lagi enam bulan. Itu *free* lah, maknanya *scholarship*. Selepas itu bila hendak pergi *apprentice* tidak perlu bayar sudah, sebab kita kerja dengan kilang tetapi tiada gaji. Tetapi auntie ada duit duk buat part time hari Sabtu Ahad duk kerja laundrette semua kan. Sana kan tinggi kan dia punya [kos], kalau masa itu tiga po-- tiga kot. Kalau seratus aaa apa ini-- seratus dia [100 pound] sudah sudah tiga ratus kita [RM 300] kan. Tetapi *aun--* kita kan jimat. *Auntie* masak sendiri semua kan. Itu sahaja lah.

**SNJ: Waktu di sana?**

RAR: A'ah. Selepas itu kita *student*, kad [pelajar] kan ada kan. Itu sahaja lah.

**SNJ: Jadi, *auntie* memang duduk [tinggal] di mana waktu itu? (bunyi motor)**

**SNS: Tempat tinggal.**

**SNJ: Macam *hostel* kah disediakan?**

RAR: Masa di Brunel University memang duduk di *hostel* MARA lah. Itu *free* lah.

**SNS: Itu enam bulan pertama?**

RAR: Sambil itu *auntie* belajar Diploma in Floristry. *Auntie* belajar duduk di [asrama] MARA itu juga lah. Selepas itu bila pergi Stoke-on-Trent [Staffordshire, England] duduk dengan cikgu itu lah. Jadi, MARA bayar lah. Duduk [di] rumah itu.

**SNJ: Cikgu?**

RAR: Cikgu yang itu lah, rumah dia lah, duduk rumah dia lah.

**SNJ: Oh.**

RAR: Sebab *auntie* orang luar. Orang lain, *student* lain datang lah, *auntie* duduk sewa rumah dia lah tetapi MARA bayar lah. Selepas itu bila pergi *apprentice* di Stoke-on-Trent, ada *student* dia buat PhD [Doktor Falsafah], jadi *auntie* tumpang bayar lah sewa bilik dengan dia lah kan. Rumah itu *auntie* bayar bilik sahaja lah.

**SNJ: Kiranya menyewa juga lah.**

RAR: Menyewa lah.

**SNS: Yang *auntie* kata *auntie* duduk dengan cikgu itu, cikgu?**

RAR: Yang praktikal.

**SNS: Praktikal.**

RAR: A'ah, di Essex.

**SNJ: Oh, waktu yang belajar praktikal pula lah.**

RAR: Duduk rumah dia lah, bayar lah.

**SNJ: Yang cikgu praktikal itu, orang? Orang sana lah?**

RAR: Orang putih. A'ah orang sana lah.

**SNJ: Jadi, kalau dari segi perniagaan ini kan, bagaiman *auntie* dapat semangat dan keyakinan untuk teruskan?**

RAR: Tidak, auntie punya semangat ini sebab auntie tidak suka orang duk bodoх-bodoхkan orang Melayu. *Auntie* cukup tidak suka orang cakap orang Melayu malas, *auntie* memang tak minat itu lah. Bagi *auntie*, *auntie* dari anak dara sampai duk buat kerja rajin, jadi, bila orang kata orang Melayu-- bukan semua. Yang malas itu, malas lah. Cina pun ada yang malas, kan? Jadi *auntie* hendak tunjukkan-- *auntie* sekarang hendak tunjukkan yang orang kita pun boleh berjaya. Itu sahaja lah. Sebab itu bila *auntie* kena *fraud*, *auntie* kena semua itu, orang buat nak bagi *auntie* jatuh, *auntie* kuatkan semangat sebab *auntie* tidak mahu macam itu. *Auntie* nak bagi-- kalau kita ada masalah pun kita hadapi. Semua ini kuasa Tuhan. Allah uji kita, Allah sayangkan kita. Kalau Allah tidak uji kita, Allah tidak sayangkan kita. Jadi, kita kena kuat. Itu sahaja lah. Tetapi, kita dalam agama kita kena sembahyang jangan tinggal, selepas itu-- semua lah. Tetapi, *auntie* pula, semasa dari muda kita tidak sena-- tidak susah dan tidak kaya. Maknanya sederhana. Bapa *auntie* askar, mak buat jual kuih, buat jual nasi semua. Kita sederhana, senang sahaja. Tetapi walaupun *auntie*-- mak *auntie* itu-- Tok Wan, arwah Tok Wan memang orang kaya di Kedah lah, dia banyak padi, tetapi keluarga kami biasa. Selepas itu bila *auntie* duduk rumah biasa sahaja lah kan, bukan rumah besar macam itu. Jadi, bila *auntie* sekolah di Bukit Bintang, orang yang sekolah di Bukit Bintang itu semua orang kaya-kaya tau. Orang Melayu boleh dibilang sahaja kan. Jadi, yang datang semua Mercedes, BMW, *auntie* duk tengok sahaja. Masa itu bapa pakai motor, *auntie group* [kumpulan] ini, *group* ini sahaja. Bila dia hantar, *auntie* suruh letak jauh, *auntie* malu. Macam itu lah. Selepas itu bila duduk di asrama, ada seorang-- dua orang itu anak orang kaya. Tiap-tiap minggu dia balik, belajar piano semua kan. Dia anak ketua polis, anak boss la semua. Jadi, *auntie* tengok sahaja mereka. Selepas itu, apa ini-- *auntie*, bila *auntie* sudah ini-- usaha lah. Selepas itu, bila bapa pun [bernasib] baik semua, selepas itu bila kami ada rezeki ada rumah besar sudah apa benda semua, selepas itu dapat lagi rumah di sini. Selepas itu bila *auntie* sudah *start* buka *business* ini, pertama sekali *auntie* beli yang mak terkejut, *auntie* beli piano. Habis itu fasal apa orang ini, takkan lah nanti orang kata-- sebab dahulu mereka budak yang kaya-kaya balik main piano kan? Masa di asrama. Jadi, *auntie* beli *auntie* main lah. Selepas itu bila dapat anak, Syifa lah pandai, dengan

mereka [anak yang lain] kan. Jadi, mak pun terkejut. Selepas itu, *auntie* duk tengok semua orang masa buka sekolah dulu mereka pakai BM [BMW]. Jadi, first sekali *auntie* dap-- masa tahun (berfikir) sembilan puluh dua, sembilan puluh empat, aaa ada anak ketiga *auntie* beli BMW duit sendiri, itu lah sampai habis bayar.

**SNS: Seronoknya.**

(ada pelanggan masuk ke kedai dan tokoh melayaninya sebentar)

RAR: Jadi, *auntie* sendiri yang buat. Selepas itu bila dap-- pakai kasut (bercakap kepada pelanggan). Ha itu dulu staff. Kadang-kadang pun mereka datang. Dia kerja dengan *auntie*. (bunyi motor) Ha selepas itu, bila *auntie* sudah buat *business*, buat kat rumah, masa itu tidak-- buat di rumah, *auntie* ada *showroom* ada semua. Sekarang ini, rumah itu sudah jadi rumah elok lah.

**SNJ: Di mana?**

RAR: Ini, Keramat ini.

**SNJ: Di sini lah.**

RAR: Selepas itu rumah itu selalu masuk TV lah, masuk majalah lah. Mereka buat *shooting* [penggambaran] lah. Cantik lah.

**SNJ: Oh.**

RAR: *Auntie* memang minat lah macam itu. *Auntie* [pakai] baju-baju murah sahaja. Baju ini [merujuk kepada baju yang dipakai tokoh ketika itu] baru dua tiga puluh ringgit [RM 20 hingga RM 30] macam itu lah. Rasa macam itu. *Auntie* tidak-- (geleng kepala).

**SNJ: Jadi, kiranya kan yang seramik-seramik ini pun *auntie* ada buat di rumah juga lah?**

RAR: Di rumah [ada] banyak. Rumah jadi sampai kraftangan itu jadi muzium.

**SNJ: (gelak)**

RAR: *Auntie* pula bila buat makan, *auntie* memang suka buat makan, selepas itu kita guna sangat pula kan, macam kita *display* [tunjuk] semua barang kita mas-- jadi, orang datang, “Eh” haa selepas itu mereka beli lah. Macam itu lah.

**SNJ: Oh, maksudnya ada juga yang beli *on the spot* [segera] di situ juga kah?**

RAR: Tidak lah. Mereka tengok, esok mereka datang, mereka *order* lah.

**SNJ: Oh.**

**SNS: Yang tadi *auntie* ada cerita yang *auntie* nak beli piano juga itu, memang *auntie* sendiri belajar?**

RAR: Tidak. *Auntie* tidak ada belajar, *auntie* tidak tahu. *Auntie* sengaja beli sebab bagi *auntie*, “oh, dahulu orang kaya anak dia balik--” Haa itu *auntie* lah, mak kata “Apa benda budak ini”. (gelak) Ada sampai sekarang.

**SNS: Jadi, sekarang anak-anak lah yang belajar--**

RAR: Masa mereka kecil, *auntie* tidak pernah rasa itu-- *auntie* hantar mereka ballet, piano semua. Syifa itu sampai buat ballet dengan Sharifah Aini, dapat duit, masa kecil-kecil kan. Syifa main ballet semua, pergi buat *show* [pertunjukan] semua. Syifa sekolah agama [memperoleh anugerah akademik] terbaik satu Selangor. Syifa [dan] Syaza sembilan A [9A].

**SNJ: Waktu tahun bila itu?**

RAR: Masa-- tidak ingat lah. Syaza apa ini-- SPM sembilan A satu [9A1, kini dikenali sebagai gred A+].

**SNS: Wah.**

RAR: Mereka semua bagus. Alhamdulillah.

**SNS: Dapat kalahkan--**

RAR: *Auntie* memang *train* [latih] mereka. *Auntie* sengaja psiko mereka (gelak). Alhamdulillah lah, terbaik mereka.

**SNJ: Saya tertanya juga lah sebenarnya kan, hendak buat seramik ini kan, dia boleh jadi macam suatu terapi juga kah?**

RAR: Tidak tahu lah. (gelak) Masa di Essex itu, dia memang ada untuk orang yang sakit mental, mereka hantar. Sebab apabila dia *throwing* [teknik lempar alin], kan kita pakai *machine* [mesin] yang kita hendak buat itu kan (membuat pergerakan teknik lempar alin), *throwing*. Jadi, bila mereka yang macam ada [penyakit] mental itu, bila dia marah, haa jadi dia haa (membuat pergerakan mencampak sesuatu ke atas meja)-- itu sahaja lah *auntie* tahu. Yang lain *auntie* tidak tahu lah.

**SNS: Boleh juga lah buat untuk ini [terapi].**

RAR: Itu lah.

**SNJ: Auntie pernah tidak rasa macam itu? Kalau buat--**

RAR: Tiada.

**SNS: Kalau stress [tekanan] [disebabkan] *something* kah?**

RAR: Tiada. *Auntie* senang sahaja. *Auntie* punya formula, kalau *auntie stress*, *auntie* makan coklat.

**SNS: Oh.**

RAR: Kalau kita umur tua ini, kita-- kalau tidak ada [penyakit] darah tinggi, kencing manis, tidak apa. *Auntie* kalau *auntie stress*, *auntie* sentiasa ada coklat. Anak-anak pun tahu. *Auntie* macam apa ini-- [beli] *Cadbury* atau apa, selepas itu kan *auntie* letak sahaja lah. Kalau *auntie stress*, *auntie* makan lah coklat satu--

**SNS: Sampai sekarang?**

RAR: Sampai sekarang.

**SNS: Cara *auntie release stress* [melepaskan tekanan].**

RAR: Selain daripada mengaji, baca al-Quran semua.

**SNS: Mm-mm.**

RAR: *Auntie* boleh khatam al-Quran dua minggu sekali, dua minggu sekali, alhamdulillah. Pagi-pagi sebelum keluar baca [surah] Yasin. Yasin tujuh Mubin, doa. Setiap sampai Mubin, doa apa yang kita hendak. Macam itu lah. Kalau anak-anak periksa sahaja, malam itu buat solat hajat, esok baca Yasin. Buatlah semua. Itu lah.

**SNJ: Memang selalu lah *spend* [luangkan masa] dengan anak-anak.**

RAR: Haa *auntie* memang dari dahulu-- *auntie* masa mereka kecil-kecil, sampai orang duk hairan, *customer* nak jumpa ke, *supplier* nak jumpa, *auntie* cakap “selepas pukul dua [2 PM]”, sebab *auntie* akan hantar mereka pergi sekolah semua. Selama--

**SNJ: Dua petang.**

RAR: Selama (berfikir) enam tahun. Berapa tahun-- enam tahun *auntie* buat semua nya. Dari pagi, hantar [ke sekolah]. Mula sekolah tadika, yang ini pergi sekolah agama, yang ini sekolah kebangsaan kan. *Auntie* yang buat semua. *Auntie* tidak upah. Selepas itu, bila mereka sudah [sekolah] menengah, baru *auntie* upah *driver* [pemandu]. Macam itu lah. Jadi bila *auntie* pergi hantar mereka, bila waktu senang sahaja, waktu itu pergi lah minum, makan-makan sama-sama. *Auntie* memang sentiasa dengan mereka.

**SNS: Mm-mm.**

RAR: Selepas itu macam hari Sabtu, bawa pergi jalan-jalan, macam itu lah.

**SNJ:** Waktu ini pun waktu yang apa itu-- *auntie still* [masih], masih membangunkan lagi lah kan?

**RAR:** Apa dia?

**SNJ:** *Sweet Touch Ceramic* ini.

**RAR:** A'ah. Ini sekarang ini-- malam ini anak yang kecil dah habis periksa semalam. Jadi, dia dapat lah hari ini hendak pergi *dinner* [makan malam] lah. Itu lah. Hendak bawa pergi makan lah, sebab baru kumpul balik. Itu lah.

**SNS:** Pada waktu itu kan, macam kalau waktu pagi, *settle* [urus] kan urusan anak-anak. Selepas itu, kalau *business* ini *auntie* buka memang petang atau bagaimana?

**RAR:** Tidak-- pagi lah. Staff ada lah. Sudah *train* lah.

**SNS:** Oh. Mm-mm.

RAR: Kalau yang macam hendak penting itu, kita buat *appointment* [temu janji] lah.

SNS: *Appointment*.

RAR: Macam itu lah. Macam staff, mereka buat sahaja *order*. Kalau *customer* datang, dia ambil *order* sahaja. Macam itu. Yang mana hendak jumpa itu, selepas pukul dua, tidak boleh pagi. Selepas itu bila hendak ambil *report card* [kad laporan], dari pagi sampai petang lah. Kan lima orang anak, kan.

SNS: Umur dekat-dekat ya masing-masing?

RAR: Setahun satu.

SNS: Oh.

RAR: Sebab itu *auntie* sakit urat ini doktor kata, sebab *auntie* bersa-- ka-- anak yang kecil [bersalinkan] sudah [umur] tiga puluh sembilan [39 tahun]. *Auntie* kahwin lambat, so [jadi] jadi, dia *at least* [sekurang-kurangnya] dua tahun, kan. [Beza jarak] Syifa [dan] Syaza itu dua tahun, tetapi yang lelaki [beza jarak] setahun satu.

SNS: Oh.

RAR: Masa *auntie* hendak pergi Mekah [Arab Saudi], yang seorang [berumur] lapan bulan, yang seorang setahun, yang seorang duk pegang jubah, tidak mahu bagi pergi. (gelak)

**SNJ: Auntie waktu dapat anak pertama, waktu itu *auntie* umur berapa?**

RAR: Syi-- dahulu waktu *auntie* kahwin [umur] tiga puluh [30 tahun] (berfikir) tiga puluh satu [31 tahun] tiga puluh dua [32 tahun] kut macam itu.

**SNJ: Waktu anak pertama lah?**

RAR: (mengangguk) Syifa.

**SNJ: Jadi kan, *auntie* kan waktu mula-mula buka apa ini-- perniagaan ini kan, tidak-- sebenarnya bila *auntie* mula start bagi sepenuhnya kepada anak-anak?**

RAR: Tidak, anak-anak baru ini sahaja. Baru tahun-- sejak bila mereka keluar [habis pengajian] itu baru tukar nya [nama pemilik perniagaan], baru sangat.

**SNJ: Yang baru tiga tahun itu lah?**

RAR: (mengangguk) A'ah.

**SNJ: Oh. Jadi, apa perasaan *auntie* terhadap *business* ini yang *auntie* dapat?**

RAR: *Auntie* rasa--

**SNJ: So far [setakat ini].**

RAR: *Auntie* rasa bangga lah sebab apa ini--

**SNS: Perjalanan jauh.**

RAR: *Auntie* boleh *survive* [bertahan], kan. Sesetengah orang kan bukan senang hendak *survive*, and secondly [dan yang kedua], walaupun *auntie busy* [sibuk] selalu keluar negara, anak-anak semua berjaya, semua masuk U [universiti]. Yang ketiga, *auntie* kena *fraud* [tipu] teruk semua. *Auntie*-- tetapi *auntie* lawan dengan mahkamah semua dan Allah tolong. *Lawyer* [peguam] perlu bayar mahal pun, tetapi Allah bagi sahaja.

**SNS: Allah permudahkan.**

RAR: Jadi, *auntie* menang dan *auntie* bayar kepada *lawyer* itu dua ratus tujuh puluh lima ribu [RM 275,000]. Bayar kepada dia.

**SNJ: Ini baru-baru lagi kah?**

RAR: Tidak, benda ini sudah-- *auntie* kena *fraud* sudah sepuluh tahun, tetapi masuk mahkamah sudah lima tahun. *Auntie* sudah menang dari tahun dua kosong tujuh belas [tahun 2017]

---

**SNS: Biasa lah itu, biasanya kita perlu susah dahulu dan akhirnya--**

RAR: *Auntie* tidak pernah susah dahulu, tetapi kena *fraud* yang tidak--

**SNS: Kena menghadapi cabaran-cabaran yang kita tidak--**

RAR: Mereka yang buat. Jahat betul.

**SNJ: Jadi, *auntie* rasa--**

RAR: Kalau *auntie* tidak ada anak ramai macam ini, *auntie* dapat duit ini *auntie* tidak mahu duduk Malaysia lah, *auntie* sudah malas lah, *auntie* hendak pergi duduk di-----

SNS: Boleh nampak, kan dengan cerita *auntie* sudah *travel* [jelajah] banyak negara itu.

---

SNS: *Auntie* kan macam sudah lama dalam bidang seramik ini. *Auntie* ada rasa kah, ataupun sudah ada buat buku kah apa?

RAR: Orang yang buat. Banyak orang lain yang buatkan.

SNS: Orang yang buatkan.

RAR: Ada Datin itu dia memang penulis, dia lah yang buat semua. *Auntie* tidak ada buat lah, tetapi Syifa hendak buat nanti.

SNJ: Datin apa ya?

RAR: Fatini. Tak ingat lah dia. Dia memang duk buat. Tetapi nanti dia kata hendak bagi.

**SNJ: Dia kenalan *auntie* kah?**

RAR: A'ah.

**SNS: Dia buat buku, maksudnya untuk--**

RAR: Dia memang penulis. Tidak tahu, dia kata dia hendak buat.

**SNS: Di-a [tulis] tentang *auntie* lah, seramik? Oh.**

RAR: Ini Syifa hendak buat.

**SNS: Oh.**

**SNJ: Oh, anak *auntie* ada juga lah berhasrat untuk karya-- hasilkan karya.**

RAR: Mm-mm. (mengangguk) *Auntie* pun boleh buat sebab *auntie* pun selalu buat tesis, tetapi *auntie* malas sudah sekarang. Entah, sekarang umur enam puluh satu [61 tahun] *auntie* sudah-- (Tarik nafas)

**SNJ: Hendak rehat sahaja lah?**

RAR: Bukan. Tidak, rehat tidak mahu. Rehat kita rasa macam *boring* [membosankan]. Tiada. *Auntie* tidak tahu hendak buat apa. Sebab sekarang-- sebab tengah sakit ini, yang itu sahaja lah. *Auntie* makan pun tidak berapa lalu [berselera] sudah, tidak berapa [mahu] makan, kan. Tidak teringin apa sebab *auntie*-- bagi *auntie* sudah-- *auntie* hendak--

**SNS: Puas sudah dengan semua.**

RAR: Ha *auntie* hendak bagi mereka [anak-anak], hendak tengok mereka kahwin sahaja. Itu sahaja lah kan. Itu pun *auntie* tidak doa lagi kan, sebab COVID ini. Biar dulu. Macam itu lah. *Auntie* cakap pada mereka, *auntie* hendak mereka macam pergi melancong dan mereka pun-- Syifa pun sudah pergi Jerman. *Auntie* macam hendak mereka pergi *travel*. Bila *travel*, minda mereka ini-- *auntie* cakap kalau lelaki mereka tidak boleh tiada tiga kunci. Dia tidak [boleh] kahwin kalau tiada tiga kunci. Memang syarat dia. Kunci rumah, kunci kereta, kunci pejabat. Jadi, lelaki dia mesti ada rumah, mesti ada kereta, ada *office* [pejabat] ada kerja, baru boleh kahwin. *Auntie* tidak mahu bagi. Selepas itu *auntie* tidak bagi mereka ada *boyfriend* [teman lelaki] atau *girlfriend* [teman wanita], sebab apa? Kalau macam bu- anak lelaki, bila dia ada *girlfriend*, asyik kawan dengan *girlfriend*, minda dia akan hilang itu-- kalau perempuan itu okey, tidak apa. Kalau perempuan itu jenis kongkong, sudah susah. Jadi, *auntie* kata kawan dengan semua orang. Yang perempuan pun tidak boleh keluar-keluar dengan-- tidak bagi. *Auntie* hendak mereka pergi *travel*, pergi jalan dulu, [pergi] mana-mana kawan

dengan semua orang. Kalau-- banyak juga yang datang meminang. (geleng kepala) Tidak mahu. Memang tidak suka mereka kahwin muda, sebab kita tengok mak kita zaman dahulu. Anak dia yang sulung semua tidak pandai. Dia yang kecil-kecil itu-- sebab kita ini-- kalau kita umur kita dua puluh tahun [20 tahun], minda kita baru dua puluh tahun. Bila kita mengandung, anak kita ikut kita lah. Cuba kalau kita dah *matured* [matang] sedikit, kita sudah tua, kita bijak sikit, kita cerdik sikit, anak kita pun ikut kita dalam kandungan itu. Itu sahaja lah.

**SNS: Betul.**

RAR: *Auntie* memang macam itu. Macam mak kita, bila anak yang *last-last* [terakhir] baru cerdik sikit, kan. Mak kita baru boleh ini kan. Macam dahulu kahwin umur lapan belas [18 tahun], dia pun budak lagi kan. Bagaimana dia hendak ini? Ha. Macam itu, macam *auntie*. Bila *auntie* sudah kahwin lambat, jadi *auntie* pergi jumpa pakar semua, bagaimana. Jadi, mereka kata buat ini, selepas itu makan, dia kata kalau untuk otak, makan ini. *Auntie* makan semua. Selepas itu, bila dah ini, baca al-Quran, baca. Kita buat semua. Jadi kita ikut, kan. Macam dulu-dulu mak kita mana hendak ikut macam itu. Ha macam yang dia kata kacang [baik] untuk otak. Beli, makan susu. Makan sahaja. Selepas itu bila sudah dapat dua orang anak perempuan, mahu anak lelaki, pergi pula [ke pakar] lagi. Mereka kata hendak anak lelaki kena banyak makan daging. Hari-hari makan stik. Buat lah, macam itu lah. Kita kena belajar. Tidak boleh.

(ada pengunjung masuk ke kedai dan tokoh berbual bersamanya sebentar)

RAR: Sama juga, dia kerja [pekerja].

**SNJ: Okey, kalau lah kan perniagaan ini macam ada masalah ke, bagaimana hendak selesaikan itu?**

RAR: Itu lah, dia toksah [tidak perlu] saya kata, selesai mana yang boleh lah. Itu sahaja lah. Tidak perlu-- *auntie* sebenarnya lagi tidak suka macam benda yang belum berlaku kita sudah fikir. Macam Syifa dia memang takut sangat. Dia memang takut. *Auntie* tidak suka macam itu. Benda yang belum lagi [jadi], kita jangan fikir sangat, yang sudah lepas, sudah lepas. Jadi, kita cuba seboleh upaya, macam itu lah. Masalah memang tetap ada. Macam itu lah.

**SNJ: Jadi, ada tidak contoh-contoh masalah? Contoh macam kalau ada *something* yang rosak kah? Alatan.**

RAR: Kalau-- selalu kalau macam orang *order* itu, kita-- orang *order* seribu [barang], kita akan buat lebih. Memang kita akan buat lebih. Bila rosak ke apa, sudah ada ganti. Itu sahaja. Ka-lau macam terlambat *gold* kan kita kena bagitahu lah dia *early* [awal]. Tetapi selalunya kita bagi kepada *customer* paling *last* [lambat] *one week before the wedding* [seminggu sebelum hari perkahwinan]. Jadi, sebelum itu kita sudah siap sudah. Jadi kalau dia risau, kita bagi dahulu mana yang siap, dia bubuh lah dahulu *net* [jaring] ke dia hendak ikat. Jadi, kalau *last kit* [kit terakhir] itu lagi sedikit. Selalu kita kalau kenduri dia bulan tiga, jadi kita kata walaupun dia *order* sekarang bulan dua belas, kenduri dia bulan tiga, tetapi dia akan dapat [barang tempahan] seminggu sebelum.

**SNS: Mm-mm.**

RAR: Paling lambat. Tetapi kalau sudah siap cepat, dia ambil. Macam itu lah.

**SNJ: Jadi, kalau hendak tempah itu kena berapa hari?**

RAR: Selalu kami bagi contoh tiga bulan sebelum.

**SNJ & SNS: Tiga bulan sebelum.**

**SNJ: Jadi kalau-- pernah tidak macam alatan yang rosak?**

RAR: Haa pernah. Selalu rosak. Ini kalau kadang-kadang kita bakar *non-stop* [tanpa henti], kalau dia [peralatan] boleh bercakap ini, sekejap lagi dia-- ini tidak bakar, kalau mereka [pekerja] bakar, satgi [sekejap lagi] *off* [matikan] sahaja malam, panas-panas, bakar lagi. Macam itu lah. (berdehem)

**SNJ: Jadi kalau yang barang-barang pula kalau yang rosak itu, barang itu adakah dibuang atau bagaimana?**

RAR: Selalu kitab uang lah yang itu. Kalau yang boleh guna, macam yang tidak cantik sedikit, bagi lah pada staff, bagi sahaja lah pada orang. Macam itu.

SNS: Oh.

**SNJ: Jadi, bagaimana, apa strategi yang *auntie* gunakan untuk pasaran produk ini?**

RAR: Seka-- dahulu kita pakai *sticker* [pelekat] itu, mereka tengok bawah [ada] *Sweet Touch*, selepas itu yang lain itu sekarang *online* [atas talian] sahaja lah. Itu sahaja lah.

**SNJ: Jadi, *online*. *Online* itu pun siapa yang--**

RAR: Syifa semua buat.

SNJ: Semua Syifa lah.

RAR: A'ah, *auntie* tidak pandai *online*. Jadi sekarang ini biar dia buat semua. Dia duk bayar. Hari itu sepuluh ribu [RM 10, 000] buat *online*. Haa ini dia hendak bayar lagi ini dia hendak buat, tidak tahu lah bagaimana. Dia kata dia tengah hendak buat macam *Shoppee* [platform membeli-belah atas talian]. Hendak buat semua.

**SNJ: Bayar?**

RAR: Dia bayar lah. Untuk upah orang.

SNJ: Oh, upah orang.

RAR: Selepas itu Kraftangan pun buat sendiri macam *Shoppee* untuk bazaar kraf kan. Jadi, kita masuk lah. (berdehem) Selepas itu kita buat untuk dia, untuk dia sahaja lah. Macam itu untuk Kraftangan, tidak boleh jual lah kepada orang lain. Macam itu lah. (berdehem)

SNS: Jadi, untuk jangka masa panjang nanti, memang seramik *Sweet Touch* ini memang akan hasilkan-- yang sudah, yang sudah memang ada untuk *customer* atau nanti--

RAR: Tidak tentu lah--

SNS: Tentu.

RAR: Kita tidak tahu apa yang akan datang. Kita tidak tahu, kadang berubah, kadang tiba-tiba orang hendak benda ini lah. Kita tidak boleh hendak--

SNS: Jadi kita ikut tren--

RAR: Kalau kita tahu apa hendak jangka panjang, senang lah.

SNS: Mm-mm.

RAR: Kalau kita tahu apa hendak jadi, kita pun tidak kahwin dengan orang ini.

Kalau kata hendak kahwin itu. Kalau kita lebih nampak apa yang jadi, tidak boleh lah, macam hendak cakap jangka panjang. (tarik nafas dalam). Sebab kita mana hendak tahu semua orang-- COVID, tidak pernah siapa pun jangka akan jadi COVID sampai satu dunia. Jadi, kita tidak tahu. Haa jadi, hikmah dia pun banyak COVID ini. Apa-- macam orang [bekerja di] hotel semua yang dahulu sudah senang-senang, jadi mereka tidak pernah susah. Sekali Tuhan bagi [ujian] haa mereka kena lah. *Airlines* [syarikat penerbangan] semua tidak pernah ada masalah, ini-- itu Tuhan hendak tunjuk lah semua. Tiada apa lah.

**SNS: Jadi sepanjang COVID ini kalau *Sweet Touch* hendak *improve* [menambah baik] kan ini dengan *promote* [promosi]--?**

RAR: Sekarang ini kami [menjual] bunga telur tetap ada sampai-- ini kita buat sahaja. Selepas itu sekarang ini kami tengah duk *promote* benda-benda lain lah. Macam itu sahaja lah.

SNS: Hasilkan *something* untuk ini [promosi].

RAR: A'ah. Itu sahaja lah.

**SNJ: Jadi kalau pada pandangan *auntie* lah kan, bagaimana hendak-- bagaimana untuk masyarakat ini untuk kekalkan lagi bidang seramik ini? Sebab kan sebenarnya tidak ramai yang tahu sebenarnya fasal [seramik].**

RAR: Tidak ada [bukan]. Seramik ini ramai [berkecimpung], tetapi mereka dari China, kebanyakannya dari China, dari Turki, dari negara-negara luar kan? Tetapi yang di Malaysia ini mereka [orang] Cina lah, antara Cina sahaja lah, yang Malaysia tahu dari China lah. Tetapi macam *auntie*, *auntie more to English* [lebih kepada konsep Inggeris]. Macam itu lah. *Auntie* ubah konsep *more* [lebih] ikut England. Itu sahaja lah.

**SNJ: Hendak ikut ini lah, apa-- permintaan?**

RAR: Sebab bukan se-- macam semua orang, ada orang dia suka gelas, apa ini-- dia ada suka apa ini-- *Tupperware* [istilah sinonim untuk tempat penyimpanan makanan]. Jadi, ikut *customer* lah masing-masing, jadi kita tidak tahu apa yang dia suka. Jadi, rezeki masing-masing lah. Kita cuba yang terbaik lah. Kita cuba *promote*, kita apa. Kalau ada rezeki, ada lah. Tidak perlu hendak pening-pening sangat lah. Kalau macam ada *exhibition*,

pergi lah, macam itu lah. Tetapi kami tidak suka pergi *exhibition* sebab kita memang sudah ada-- (gelak). Macam itu lah.

**SNJ: Jadi, *auntie rasa masyarakat* yang sekarang lah kan, zaman sekarang ini, adakah mereka masih kenal lagi dengan macam seramik?**

RAR: Orang kaya-kaya, orang besar kenal, sebab mereka-- orang yang pergi *oversea* [luar negara] semua tahu. Berapa ramai orang pergi *oversea* semua tahu. Orang yang tidak pergi *oversea* yang tidak tahu. Maaf lah cakap, orang pergi *oversea* yang pernah duduk *oversea*, kebanyakan Syifa pun hairan, orang yang mana duduk London, yang mana semua, semua cakap dengan Syifa [produk seramik *Sweet Touch Ceramic*] memang cantik. Mereka-- Syifa cakap “senang sahaja, ma. Dia main bayar sahaja, tidak perlu hendak-- tidak pernah minta kurang [harga]”, yang tidak pernah pergi [luar negara] ini, hendak *free* [percuma] lah, (ketuk meja) hendak murah lah, macam-macam lah dia punya-- (diam).

**SNJ: Jadi ada tidak macam *auntie rasa* apa yang sesuai untuk bagi semua lapisan masyarakat tahu?**

RAR: Itu yang kami buat yang tiga ringgit [RM 3], yang murah. Selepas itu kita buat lah macam tempat cincin untuk orang biasa lah, sebab cincin kan takat enam puluh ringgit [RM 60], bawah seratus [RM 100] takkan tidak boleh beli, kan? Macam itu sahaja lah.

**SNS:** Kalau untuk lapisan masyarakat di sekolah, *student* [pelajar], macam *auntie* pernah kah buat *booth* di sekolah-sekolah hendak tunjukkan, perkenalkan seramik lagi?

RAR: Tiada, tidak boleh. Sekolah tidak boleh.

SNJ: Oh, tidak boleh.

RAR: Dia tidak bagi [membenarkan].

SNJ: Pernah tidak--

RAR: Yang itu selalunya yang sudah--

SNS: *Start* [mula]--

RAR: Yang *you all* [kamu semua] sudah di universiti semua.

**SNS: Oh, universiti baru.**

RAR: Yang di sekolah mereka tidak bagi.

**SNS: Jadi dari universiti lah baru *start* [mula]?**

RAR: A'ah.

SNS: Ada *booth* buat-- oh.

SNJ: Pernah kah macam kementerian atau agensi mana-mana kan macam *approach* [dekat] *auntie* untuk apa ini-- fasal seramik ini macam masukkan ke dalam silibus ke?

RAR: Ada.

SNS: Ada? Dari--

RAR: Kita pernah buat untuk universiti lah. Banyak yang universiti lah, USM [Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang] semua dulu lah. Selepas itu, apa ini, kementerian macam mereka beli lah untuk mereka lah. Itu lah. Macam GSN [Rangkaian Keselamatan Global] ke mereka hendak, mereka untuk staff, mereka beli, mereka jual lah. Macam itu lah. Ada lah, masing-masing ada. Macam sekolah selalu pengetua sebab sekolah dia ada bajet. Kerajaan ada bagi bajet untuk apa ini-- *doorgift* [cenderahati] kan. Jadi, pengetua sahaja lah yang beli.

SNJ: Oh, dari segi produk itu sendiri lah.

RAR: A'ah. Selepas itu polis-polis semua mereka *order* lah untuk bagi macam Lembaga Hasil Negeri [sic, Lembaga Hasil Dalam Negeri] ke kalau mereka hendak bagi hadiah kan macam bila ada apa-apa mesyuarat ke mereka memang akan buat lah. Kita *print* [cetak] lah siap-siap mereka punya itu [tempahan]. Selepas itu bila mereka hendak, mereka *call* [hubungi] sahaja. Macam kata “*I* [saya] hendak ini, ini”, macam itu lah. Memang kita sudah ada sudah pelanggan kita.

**SNJ: Ada tidak kalau macam untuk *auntie* punya produk ini kan, *Sweet Touch Ceramic* ini, ada tidak macam *trademark* [tanda dagangan]? Kalau orang tengok, oh ini *Sweet Touch* punya.**

RAR: Ada.

**SNJ: Apa tra--**

RAR: Itu lah kita punya logo itu lah. A'ah.

**SNJ: Logo.**

(diam sebentar)

**SNJ:** Jadi, kalau dari segi macam untuk orang yang-- (bunyi kertas) individu yang macam tiada pengetahuan ataupun kemahiran fasal seramik ini, agak-agak bagaimana hendak pupuk dia punya *skill* [kemahiran] itu?

RAR: Maksud dia?

**SNJ:** Kalau macam dari pandangan *auntie* lah, bagaimana? Adakah mereka perlu pergi mana-mana program kah?

RAR: Tidak, kenapa untuk pupuk dia? Buat apa?

**SNJ:** Maksudnya--

RAR: Dia tidak suruh kita, dia tidak suruh kita pupuk [kemahiran], buat apa kita hendak pupuk?

**SNS:** Untuk ini-- memperkenalkan.

**SNJ:** Maksudnya untuk meneruskan lah warisan kraftangan ini.

RAR: (diam sebentar) Kita tidak boleh pupuk. Macam kalau dia sendiri minat, dia kena datanglah. Kita teruskan kita punya legasi. Kita tidak perlu pupuk orang.

**SNJ: Kiranya kena minat juga lah.**

RAR: Kalau orang itu minat, dia sendiri lah kena usaha. Macam itu lah.

**SNS: Dia akan cari *auntie* ke apa.**

RAR: Sebab macam kita, kita teruskan, selepas itu kita hanya teruskan legasi, kita teruskan lagi, pelbagaikan lagi, jaga kualiti, jaga *service* [perkhidmatan]. Itu sahaja.

**SNS: Betul, sebab kalau kita tengok di sini--**

RAR: Buat apa kita hendak pergi cari orang untuk pupuk apa kan, kita cari dia, dia tidak minat buat apa? (gelak kecil)

**SNS: Betul, betul, sebab kalau tengok dari sini pun selalu golongan yang sudah berumur kan, yang macam akan *appreciate* [menghargai] benda macam ini.**

RAR: A'ah.

**SNS: Kalau budak-budak dia macam tengok-- haa kan?**

RAR: Memang. Macam orang yang rumah-rumah dah cantik, dia hen-dak, yang itu, yang suka beli bunga itu dia gubah cantik-cantik rumah dia. Selepas itu dia hendak hidang makan, dia beli *tea set, jug set*, semua lah untuk hias, untuk guna.

**SNS: Sebab kalau hendak beli dari luar negara, macam mesti macam mahal sedikit. Jadi dia akan cari--**

RAR: Selepas itu pecah lah, selepas itu kadang-kadang dari luar negara kita *order* lain, datang lain pun ada mereka cakap. Itu sahaja lah.

**SNJ: Jadi tadi *auntie* ada cakap fasal yang untuk menjaga kualiti. Jadi, bagaimana cara jaga, hendak pastikan kualiti itu sentiasa terjaga?**

RAR: Ya lah, kita tengok. Bila dia [barang seramik] keluar dari tempat pembakar, kita tengok *gold* dia bagaimana? Kalau *gold* dia tidak cantik, hendak *touch up* [cantikkan] jangan-- a-mbil, *touch up* balik. Kita buat lah. Kalau macam *glaze* dia tidak cukup kilat, kita ambil, kita boleh *touch up*, bakar balik. Macam itu lah. Tetapi rugi lah *time* [masa] sebab kena bakar, tetapi kena jaga lah. Tetapi kita akan pesan lah [kepada pekerja] jangan-- kita tengok lah punca dia apa. Oh, kita tahu, ini sebab *glaze* dia tebal sebab itu dia berbijji. (ambil menepuk telapak tangan untuk menunjukkan cara seakan-akan menepuk permukaan barang seramik). Jadi, jangan buat. Terang lah, kadang-kadang mereka terlupa hendak kacau, kan? Jadi, buat sekali, takkan dua tiga kali hendak jadi benda yang sama. Macam *gold* tiba-tiba pecah, katanya terlalu cair. Pekatkan sedikit. Macam itu lah. Jadi, tidak akan berubah lagi lah. Dia kena sentiasa pantau lah. Tetapi bila sudah keluar itu, mana yang tidak elok, letak tepi dahulu. Sebab itu kita selalu buat lebih. Ada juga benda yang *reject* [ditolak], tetapi kita akan buat lebih, dan kita tidak pernah buat kurang. Macam itu. Selepas itu bila kita sudah lebih, kita tinggal. Selepas itu bila *customer* datang, "Eh, kenapa ini *reject*? Ah", dia nak. Bagi mereka-- macam *auntie*, *auntie* memang *particular* [tertentu] lah. Macam mereka, mereka kata elok sahaja.

### SNS & SNJ: (gelak)

RAR: *Auntie* tidak, *auntie* memang jaga satu-satu. Kalau *auntie check* [periksa] sahaja, mereka mesti cakap-- pekerja semua takut. Kalau *auntie check*, takut. Mesti *auntie* akan nampak.

**SNS:** Jadi, *auntie* lah yang memang akan *check* sebelum hendak--

RAR: Tidak lah. Kalau *auntie* datang, *auntie check* lah. Kalau *auntie* tidak datang, mereka ini lah-- *auntie check* je, pegang, ha sudah. Mereka sudah risau.

**SNJ:** (tertawa)

**SNS:** Kalau contoh *auntie* ada di Kedah, jadi di sini [kedai di Kuala Lumpur] mereka akan *refer* [rujuk] siapa untuk *check*?

RAR: Tidak, ada lah di gambar haa.

**SNS:** Ada tunjuk gambar kepada *auntie* lah. Oh. *WhatsApp* ke apa.

**SNJ:** Macam tadi kan *auntie* cakap contoh kan lupa nak kacau [gerlis] ke, jadi kiranya cara kacauan ke ataupun-- itu pun memainkan peranan ke?

RAR: Main lah, sebab bila benda itu bila kita sudah-- *glaze* itu bila lama-lama dia mendap. Jadi, kita kena kacau dengan air.

**SNS: Sentiasa.**

RAR: A'ah. Macam itu lah.

**SNJ: Untuk apa? Untuk bahan untuk *glazing* itu lah kena kacau?**

RAR: A'ah kena kacau semua. Kadang-kadang kan dia [pekerja] bangun sekejap, dia terlupa kan? Macam itu lah sedikit.

**SNJ: Oh.**

RAR: Satu sahaja lah hendak *affect* [beri kesan]. Bukan lah banyak kan? Itu sahaja lah.

**SNJ: Jadi, kiranya hendak *glaze* itu pun ada juga kah kena berapa kali ke?**

RAR: Mereka tahu lah. Tetapi sudah su-sah lah sudah lama lah mereka sudah tahu lah.

**SNJ: Okey jadi macam yang sebelum ini kan banyak juga kan *auntie join* [sertai] pameran. Apa kesan-kesan daripada pameran itu yang *auntie* dapat rasa selepas *join*?**

RAR: *Join* itu kita tahu masa barang kita ada *demand* [permintaan] lah. Ada *market* [pasaran] lah. Makna kalau kita pergi orang tidak-- beli, kita rasa ah-- jadi kita tengok lah apa yang orang beli banyak dan esok kita buat lagi macam *auntie* pergi Hong Kong, pertama kali bawa [produk seramik] itik, semua habis. Rupanya mereka suka. Selepas itu mereka *order* lah. Mereka kata su-dah “*if you coming next year* [kalau tokoh datang tahun depan]”, mereka suruh-- jadi, mereka suruh kita buatlah. Macam kalau [di] Dubai sudah pergi [hari] pertama, mereka akan *order*. Jadi, *auntie* bawa lah itu. *Auntie* bawa yang *order* mereka, sudah tentu lah sudah laku.

**SNJ: Jadi ada macam apa itu-- satu ciri-ciri lah, satu negara ada minat?**

RAR: Memang lain-lain benda ada yang mereka suka.

**SNJ: Jadi, macam contoh kalau macam Dubai biasanya terkenal dengan corak apa? *Design* [reka bentuk] apa?**

RAR: Dubai semua pinggan, ayat al-Quran, bunga-bunga memang isteri-isteri mereka suka lah.

**SNJ: Negara lain pula?**

RAR: Macam Jerman suka *tea set, jug* set semua itu lah.

**SNS: Oh.**

RAR: Macam Itali dia *still* [masih] suka bunga, suka *brooch* [kerongsang], suka *fridge magnet* [magnet peti sejuk] (menunjukkan ke arah koleksi magnet peti sejuk di belakang tokoh) pokok bunga kecil-kecil itu.

**SNS: Jadi setiap negara ada masing-masing punya *high demand* [permintaan tinggi].**

**SNJ: Apa-- tarikan.**

**SNS: Tarikan.**

**SNJ: Minat dia itu kan. Jadi, kalau macam haiwan itu? Biasanya--**

RAR: Semua negara suka.

**SNJ: Macam itik itu.**

RAR: Itik apa ini-- Hong Kong yang paling suka. Selalu beli sembilan ratus [RM 900], lapan ratus [RM 800] duit kita kan. Kalau orang Poland dia suka arnab-arnab itu, kita buatlah, *auntie* buatlah. Kalau macam *Christmas gift* [hadiah Krismas] *auntie* buatlah *Santa Clause* [Bapa Krismas] kita buat untuk *mug* [kole], untuk pen, tempat pen semua kita buatlah.

**SNS: Bagaimana *auntie* boleh dapat idea hendak buat pen, hendak buat ini?**

*Auntie* memang tengah terfikir--

RAR: Kita tengok lah. Kadang kita tengok [Hari] Krismas, kan macam-macam barang Krismas, kita ubah lah ke--

**SNS: Seramik.**

RAR: Seramik. (mengambil barang seramik di belakang) Macam ini kan, *Santa*. Kita buatlah kecil besar (sambil meletakkan kole seramik berkonsepkan Krismas). Kita buatlah acuan. Selepas itu-- (mengambil barang seramik yang lain di belakang).

**SNJ: Dia ada saiz berbeza juga lah. (bunyi mikrofon terusik)**

**SNS: (mengambil kole seramik tersebut) Ringan sahaja.**

RAR: Ini pun untuk Krismas, kita bubuh lilin. (sambil meletakkan barang seramik yang lain di sebelah kole seramik tadi). Macam itu lah.

**SNS: Kalau idea-idea ini semua memang dari *auntie* lah?**

RAR: A'ah.

**SNS: Ke ada macam Syifa macam “Mama, bagaimana? Kita buat ini” kah?**

RAR: Tiada, tiada.

**SNS: Tiada? Oh.**

RAR: Tiada, ini memang dari *auntie* dahulu. Ini kita buat lah. (menunjukkan barang seramik) Ini untuk sabun ke untuk letak kad ke apa, kan.

**SNS: A'ah.**

RAR: Macam itu sahaja lah. (bunyi barang seramik berlaga)

(tokoh menunjukkan lagi koleksi kole seramik yang lain yang terdapat di belakang beliau)

RAR: Tetapi sini tidak banyak, yang banyak di Kedah.

**SNS: Kedah.**

RAR: Sebab [di Kedah] besar, luas kan.

**SNJ: Jadi kalau macam--**

RAR: Kita buatlah. Ini untuk luar negeri [sic, negara] lah. Malaysia tidak jual, kan.

**SNJ: Jadi, kalau Malaysia sendiri biasanya lebih *popular* [terkenal] dengan *design* bagaimana? Barang bagaimana?**

RAR: Malaysia dia ikut lah, mereka nak *doorgift* apa. Macam dahulu pernah buat untuk Shangri La, dia hendak sangat Krismas itu, *Santa*, buat sahaja lah.

Dia hendak seribu [kuantiti], seribu lah buat. Macam itu lah. Ikut mereka. Ikut-- tidak-- tentu mereka ini.

**SNJ: Tidak tentu.**

RAR: Macam ini kita tulis lah ‘*Merry Christmas*’ [Selamat Hari Natal] kan.  
(sambil menunjukkan barang seramik dengan reka bentuk arnab)

**SNS: A’ah.**

**SNJ: Kalau macam untuk tempahan itu kan, kiranya pernah tidak ada macam pelanggan yang dia hendak sepenuhnya dia punya idea? Ke memang--**

RAR: Ada. Dia hendak. Kita bagi lah contoh. Macam hari itu dia *order* kat Hong Kong, *ashtray* [tempat abu rokok], selepas itu kilang itu sudah tidak buat kan, jadi dia suruh *auntie* buat, dia bagi contoh kita buatlah. Buat warna hitam, ada *wording* [kata-kata] semua kita buatlah. Selepas itu, sebab dia [produk] baharu, jadi kita caj lah dia punya *mold* [acuan] semua kita kena caj sebab kita tidak jual, kita tidak boleh jual kepada orang lain, kan. Kalau macam kita boleh jual, kita boleh guna *mold* itu. Jadi untuk dia-- jadi kita bagi lah balik *mold* itu kepada dia. Itu sahaja lah. Dia bayar lah. Itu sahaja lah.

**SNJ: Kalau apa itu-- berkenaan dengan warna kan, bagaimana *auntie* apa itu-- (bunyi motor) Maksudnya pemilihan warna itu, macam kombinasi tertentu, ada kah?**

RAR: Tiada lah, kalau macam hari itu mereka hendak *ashtray*, dia hendak warna hitam, kita beli lah *glaze* warna hitam. Kita bancuh lah warna hitam. Macam itu lah. Kalau macam bunga, memang kita *spray* [sembur] sahaja lah *colour* [warna]. Itu sahaja lah. Ikut *customer* lah dia hendak apa. Kalau kita kata tidak boleh buat, kita cakap tidak boleh. Kita kata macam ini, macam ini. Kalau dia hendak merah, cakap “*I* tidak buat merah, *I* tiada merah.” Sebab kalau hendak beli, kena banyak. Itu lah bila dia sudah beli sedikit nanti, kita nak-- sayang lah benda itu kan.

**SNS: Betul.**

**SNJ: Minimum berapa biasanya kalau untuk sekali *order* itu?**

RAR: Tidak, berapa dia hendak *order* itu, satu pun boleh, tetapi *price* [harga] itu kena-- kadang macam mana apa yang kita buat kat [untuk] dia, boleh apa ini-- lepas kita punya kos, kan. Tidak kisah lah. Kalau dia hendak, kalau dia hendak satu, tetapi dia hendak mahal, dia kena bagi lah, sebab satu sahaja kan.

**SNS:** Mm-mm. Kalau banyak, kuantiti banyak mungkin harga lain. Murah sedikit lah.

RAR: Memang lah.

**SNS:** Kalau dari *customer* sendiri dia hendak macam ini, macam ini, *auntie* bagaimana-- *auntie* ambil satu hari untuk *try* [cuba] deko dahulu *design* selepas itu tunjuk pada dia atau bagaimana?

RAR: Tidak, bila dia hendak, kita kata kena bagi masa lah, seminggu kan, selepas itu kita buat, kita tunjuk gambar pada dia.

**SNS:** (mencelah) Oh, kalau dia setuju, *proceed* [teruskan].

RAR: Kalau dia kata okey, kita buatlah. Kalau tidak setuju, buat lagi, buatlah. Dia macam itu. Ini se-- tengah-- tunggu Puan Sri dia hendak-- cucu dia-- Januari-- dia hendak *cradle* [buaian], *auntie* ada kecil. Jadi sekarang dia tengah hendak buat besar. Jadi, *auntie* tengah suruh orang [buat] *mold* tengah besarkan lah. Tengah-- mungkin minggu ini siap lah. Jadi kita besarkan lah. Kita sudah tunjuk pada dia, dia kata okey jadi *auntie proceed* lah. Dia hendak untuk apa ini-- buai budak-budak itu kan, *cradle*, hendak bagi untuk cukur jambul, kan.

**SNJ:** *Auntie* ada cakap kan yang berkenaan dengan apa itu-- pelanggan ada datang juga daripada-- macam [kerabat] raja, permaisuri itu kan, ada tidak macam komen-komen daripada Baginda itu kah? Yang *auntie* masih ingat lah, bagaimana pandangan mereka?

RAR: Macam yang permaisuri itu dengan Syifa sendiri, mereka tidak tahu pun sebab dia [Tengku Permaisuri Norashikin] panggil-- dia sebut diri dia Kak Shikin. Mereka tidak kenal pun. Selepas itu, bila anak lelaki pergi, dia pergi ke itu-- dia tengok, istana. Selepas itu dia [anak lelaki tokoh] cakap, dia cakap dengan Kak Syiqin, selepas itu mereka kata, "Itu Tengku Permaisuri", dia tidak tahu. Selepas itu, [mereka] minta maaf, dia [Tengku Permaisuri] kata tidak mengapa.

**SNJ:** Permaisuri mana, ya?

RAR: Ini-- Sultan Selangor punya isteri, baik dia. Selepas itu dia minat, dia kata selepas ini dia tidak akan beli kat [daripada] orang lain. Jadi, dia *keep on order* [teruskan menempah] sahaja lah.

**SNJ:** Selalu lah.

RAR: Macam yang [kerabat diraja] di Kedah semua itu, memang orang dia yang datang, bukan dia yang datang, orang-- bagi pihak lah.

**SNS: Wakilkan.**

RAR: A'ah, wakilkan semua. Selepas itu masa-- dia sebab PKP [Perintah Kawalan Pergerakan], polis lah datang ambil.

**SNS: Wah. Sampai sekarang lah?**

RAR: (mengangguk)

**SNJ: Apa perasaan *auntie* waktu itu? Wak-tu pertama kali lah macam--**

**SNS: (mencelah) Dapat tahu.**

**SNJ: Kalau tahu Raja dan Permaisuri itu--**

RAR: Tidak rasa apa, sebab *auntie* dari dahulu memang--

**SNS: Sudah biasa. Macam sebelum ini pun macam *auntie* pernah-- Sudirman [YH Dato' Sudirman Haji Arshad, DSAP, JMN, AMN, AMP, merupakan penyanyi negara] [membeli].**

RAR: Apa-- adik Sultan Kedah yang arwah, pun hendak-- kakak atau adik-- hendak beri *auntie* [gelaran] Dato' pun *auntie* taknak [tidak mahu]. Mereka su-dah *no-minate* [mencalonkan] nama *auntie* sebagai Dato', *auntie* tidak mahu. Sudah dua kali sudah. Sabah pun-- tidak mahu Dato'. *Auntie* tidak mahu. Leceh dapat Dato'-- ini. Kena pakai elok lah apa lah, *auntie* hendak pakai seluar jeans.

**SNS & SNJ: (gelak kecil)**

RAR: Mereka banyak suruh dapatkan Dato', *auntie* tidak mahu. Dari dua kosong sepuluh [tahun 2010] lagi *auntie* tidak mahu.

**SNS: Memang banyak kali lah mereka *offer* [tawarkan]?**

RAR: (mengangguk)

**SNS: Sebab *auntie* memang sudah lama dalam bidang ini, memang sudah layak dapat tetapi *auntie still* [masih]-- (gelak)**

RAR: (geleng kepala)

**SNJ: Jadi, selepas ini memang *auntie* beri sepenuh keyakinan lah untuk anak-anak *auntie* sahaja yang--**

**SNS: (mencelah) *Handle [uruskan]*.**

**SNJ: Pegang.**

RAR: Tidak tahu lah kalau mereka boleh. Kalau *auntie* cakap, kalau mereka tidak boleh pun, Cina-cina semua hendak beli syarikat ini.

**SNS: Ya kah?**

RAR: (mengangguk) Mereka asyik tanya sahaja. Mereka macam-- kalau *auntie* sudah tidak mahu, sudah nampak benda [syarikat] ini boleh-- (diam).

**SNS: Boleh pergi jauh.**

RAR: (mengangguk kecil)

**SNJ: Jadi *auntie* okey lah kalau-- (terhenti)**

RAR: Kalau mereka boleh buat, tidak apa lah. Kalau mereka hendak JV pun bagus juga. Tidak mengapa lah. Kita boleh belajar dari mereka. Bagi *auntie*, kita sama-sama belajar. Kita bukan hendak ini-- (diam). *Auntie* tidak pernah hendak rasa, “Ala, nanti dia hendak ini--” tetapi kita jaga lah jangan bagi kena tipu. Itu sahaja lah. Tiada apa.

**SNJ: Apa-- yang macam pesanan atau nasihat yang *auntie* biasa beritahu pada anak-anak?**

RAR: Cakap dengan mereka, satu kena jaga lah bahasa semua, kena-- budi bahasa semua. Jadi, kalau tidak suka pun diam. Toksah [tidak perlu] banyak cakap. Selepas itu jangan ingat benda ini dapat pulangan [dalam] masa yang mudah, kan. Benda-benda apa kena ada usaha semua lah. Itu sahaja lah. Tiada apa. Selepas itu jangan ini lah-- Kalau boleh, tolong orang-orang susah semua lah, apa-apa lagi, sebab *auntie* memang dari dahulu-- mereka [sewaktu] kecil-kecil pun *auntie* selalu pergi ke kampung-kampung. Dari dahulu lagi *auntie* memang sudah buat, bagi kerusi roda lah apa semua. Bukan lah *auntie* hendak cakap-- Bila *auntie* tengok orang sudah buat-- *auntie* sudah buat sudah, lama sudah. Masa *auntie* dari sekolah lagi, masa sekolah *form six* [tingkatan enam], *auntie* duk mengajar budak-budak buta, brail kan semua. Masa [di] Sekolah St. John, kalau *auntie* masuk TV ke, mereka terus dengar, mereka kenal. Mereka cakap “Eh, itu Akak Rohana”. Ada sekali di UM, *auntie* sudah *final year* [tahun akhir], dia baru masuk. Itu *auntie* tengok dia, *auntie* kenal. Jadi, *auntie* pimpin dia, lelaki lah, “Hendak pergi mana ini?”. Selepas itu dia diam. Dia kata hendak pergi ini

lah-- dia baru dapat masuk. "Ha, jom kakak hantar." Selepas itu dia diam sahaja.

**SNJ: Ini yang dari *form six* itu lah?**

RAR: A'ah. Selepas itu, "Ini siapa ini? Kak Rohana, ya?" Mereka buta, mereka ingat. Itu dia kata, "Kakak dulu bacakan Geografi untuk saya." Macam itu lah. Ada sekali *auntie* masuk TV, ada se-- pekerja di sini, adik dia pun buta. Dia tengok TV, "Tengok di TV, hari ini Kak Ana masuk" macam itu. Ada seorang lagi, dia buta. *Auntie* masuk TV juga dengan masuk radio. Dia-- telefon, ada nombor, mereka bagi nombor, jadi dia cakap, "Boleh cakap dengan Puan Rohana?" selepas itu [*auntie*] cakap, "Ya". Dia cakap, "Kak Rohana, Kak Rohana dahulu Sekolah St. John, ya?" "Ah, betul" "Tadi Kak Rohana masuk TV. Saya dengar masuk radio, saya dengar." Mereka dengar suara, mereka cam. Selepas itu *auntie* masa sudah masuk U pun *auntie* tolong rumah orang tua-tua. Pergi mandikan, baca al-Quran, masak. *Auntie* memang sudah buat kerja kebajikan lah.

**SNS: Oh. Sukarelawan lah semua.**

RAR: Itu bila *auntie* sudah senang macam ini, masa sudah berjaya, *auntie* pergi lah-- macam bulan puasa, pergi rumah orang susah-susah pergi bagi hantar duit, bagi makanan semua. Selepas itu bila sudah pindah [ke] Kedah, bantu orang susah, bawa anak-anak. Mana baju-baju yang elok, kita bersihkan, bagi. Selepas itu, bagi lah. (bunyi seramik berlaga) Selepas itu ada satu

kawan *auntie* dia mus-- mualaf, dia Muslim Cina kahwin dengan India. Jadi, dia duk cari ada orang susah banyak ada di kampung dia, jadi dia buat cermin, *auntie* beli cermin daripada dia semua, *auntie donate* [derma]. Jadi, tiap-tiap tahun-- tiga tahun lah dia-- kami sediakan makanan, beras apa, dia lah pergi hantar. Macam itu lah.

**SNJ: Ini semua *auntie* waktu di UM itu kah?**

RAR: Tidak.

**SNS: Sepanjang perjalanan.**

RAR: Sepanjang [perjalanan] *auntie* lah dari muda sampai-- ini lah.

**SNS: *Auntie* memang sentiasa.**

**SNJ: Kiranya memang daripada *auntie form six*, *auntie* memang sudah--**

**SNS: *Start* buat tolong orang semua.**

RAR: (mengangguk) Buat kebajikan. Itu lah.

**SNS: Bagus lah.**

RAR: Macam pekerja, mereka macam-- bila mereka susah, *auntie* tolong. Macam mereka beli rumah, *auntie* bayarkan duit deposit. Mereka beli kereta pun *auntie* bayar. Selepas itu, macam yang seorang itu, anak dia masa masuk PTPTN [Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional] tidak dapat, *auntie* bayar duit apa ini--

**SNS: Belajar.**

RAR: Belajar. Ti-dak kisah. Memang macam itu. Kalau mereka apa ada, mereka tidak ada apa, mereka minta sahaja *auntie* bagi. Benda ini dunia, sekejap sahaja.

**SNS: Betul. Kalau saya pun jadi-- ada banyak duit macam itu, memang hendak tolong orang yang susah, kan, yang lagi perlu.**

RAR: Tetapi ada sesetengah orang, dia tidak. Dia dapat [duit], dia hendak dia sendiri. Hendak beli kasut lah beli apa. *Auntie* tidak pernah lah beli benda-benda mahal, membazir. (diam)

**SNJ: Jadi kalau waktu *auntie*-- semasa--**

RAR: Ini anak-anak *auntie* semua beli baju bundle. *Auntie* biar sahaja.

**SNS: Oh, ya kah?**

RAR: Mereka kata “Ma, murah.” “Pergi lah”. Biar.

**SNJ: Jadi kalau macam *auntie* di “U” itu, universiti, ada tidak pencapaian yang *auntie* pernah dapat?**

RAR: Tiada. Universiti kita-- dia biasa sahaja. Dia tiada-- macam Syifa dia dapat Anugerah Dekan semua, *auntie* masa itu tiada, kami tiada. Biasa sahaja, *pass* [lulus] sahaja lah, dapat *first class Honours* [Kepujian kelas pertama] macam itu sahaja lah kan. Macam dia [Syifa] dekan dua kali itu dia dapat pergi Australia, *exchange student* [pertukaran pelajar] enam bulan dia duduk [di] Australia. Selepas itu, balik dia sambung lagi. Selepas itu malam *auntie* suruh belajar kelas Mandarin, dua-dua orang adik-beradik. Malam lah, kelas malam. Selepas itu mereka terbaik, Universiti Malaya hantar pergi Beijing [Beijing, China].

**SNJ: Itu--**

**SNS: Dia pergi Beijing untuk apa?**

RAR: [belajar] Ba-- Man-- Bahasa [Mandarin] lagi lah.

**SNS: Lagi mendalam.**

RAR: (mengangguk)

**SNJ: Kiranya mereka-- macam Syifa itu [belajar] Mandarin waktu ambil [kursus] di universiti?**

RAR: A'ah. Kelas malam. Asing. *Auntie* suruh.

**SNS: Hebatnya.**

RAR: *Auntie* suruh. (tersengih)

**SNJ: Jadi, bagaimana dengan anak *auntie* yang lain? Ada macam bahasa lain juga kah?**

RAR: Yang lelaki yang kecil itu [belajar Bahasa] Arab.

**SNJ: Arab.**

RAR: Tetapi mereka pun duk belajar juga Mandarin itu. Biar sahaja.

**SNJ: Jadi boleh lah bertutur banyak-banyak bahasa.**

RAR: (mengangguk)

**SNS:** Lagi-lagi mereka kan dalam bidang hendak *business*-- ini.

SNJ: A'ah, betul.

**SNS:** Takut kena tipu, *at least [sekurnag-kurangnya]* kita faham bahasa itu.

RAR: *Auntie* semua suruh mana-mana kawan-kawan yang ada anak kecil, suruh mereka belajar.

**SNS:** Betul.

RAR: Belajar bahasa. Tidak rugi. Budak-budak belajar dari awal dia cepat dapat. Macam itu lah.

**SNJ:** Yang nak-- anak *auntie* paling *last [akhir]* itu, pernah tidak dia cakap-- macam dia tengok *auntie* buat ini [*seramik*], dia rasa in-- terinspirasi untuk teruskan [*perusahaan seramik*] atau buat sendiri?

RAR: Tiada lah. Mereka-- dia itu masa kecil-kecil dia sibuk hendak buat hotel. Masa dia kecil, dia selalu duk pergi rumah orang kaya-kaya, hantar barang, dia duk tanya "Ma, bagaimana dia kaya?" macam dia pergi rumah MK Land [syarikat pembangunan harta tanah di Malaysia], "Memang dia kaya, dia buat *business*" "Oh." Selepas itu dia duk teringat "Adik hendak buat lah, Ma." "Kenapa?" masa itu dia kecil, "sebab nanti tidak perlu ada rumah.

Duduk buat satu bilik untuk adik, adik sudah ada rumah sudah. Selepas itu anak adik sudah ada *swimming pool* [kolam renang] dah, hotel.” Dia buat macam itu. Betul juga. Dia-- masa dia tadika, dia sudah boleh baca. *Auntie* tidak tahu. Rupanya bila dia duk baca, dia duk ini semua. Sekali bila pergi hantar [ke] tadika, cikgu dia kata dia sudah boleh baca sampai dia boleh cakap *English* [Bahasa Inggeris] semua. Sampai cikgu hairan, suruh eja ayam “A-Y-A-M” (dengan nada laju) ini semua. Selepas itu cikgu kata tidak boleh hantar, kan. Orang suruh tulis A dia sudah reti dah. Rupanya--

### **SNJ: Waktu tadika?**

RAR: Mm-mm. Dia sudah belajar di rumah dia itu. Selepas itu dia kata “Adik buat sahaja lah. Ala, Ma. *Boring* [membosankan] lah A-B-C.” (gelak) Selepas itu hendak hantar *international* [antarabangsa], selepas itu tidak boleh lah sebab orang lain (tunjuk ke arah anak-anak *auntie*) tidak pergi, kan. Lelaki itu dia buat akaun itu. Sebenar-- selama tidak nya-- dia sudah dap-- sudah lepas sudah tetapi dia hendak kerja. Jadi, dia kerja hari itu pun sudah dapat tiga ribu [RM 3000], jadi kalau dia dapat ACCA [*Association of Chartered Certified Accountants*, atau Persatuan Akauntan Bertauliah] ini-- masa itu dia CIT [*Corporate Income Tax*, atau Cukai Pendapatan Korporat], ah CIT ini memang boleh dapat banyak, kan. Jadi, *auntie* sudah cakap “kalau *you* [kamu] dapat--” sebab semua yang kawan-kawan dia yang sama *office* [pejabat] itu, Cina pun suka dia, yang mana ada ACCA dapat gaji tujuh ribu [RM 7000]. Jadi *auntie* kata “Okey adik dapat tujuh ribu, seribu [RM 1000] (sambil turunkan satu jari) adik belilah barang apa adik hendak, selepas itu adik beli kereta (turunkan satu lagi jari). Selepas itu seribu ini tolong adik-beradik (turunkan satu lagi jari), seribu ini beli rumah (turunkan satu lagi jari). Yang tiga ini simpan, tiga ribu [RM 3000] ini simpan (sambil menunjukkan tiga jari). Selepas itu, sepuluh bulan

selepas itu barulah-- sudah ada rumah, sudah ada kereta, baru boleh kahwin.” “Eh, tidak mahu kahwin dahulu, Ma. Hendak ke luar negeri.” Ha okey. (gelak)

**SNS: Jadi macam mama dia sudah, hendak ini [ke luar negeri] dahulu, explore [menjelajah].**

RAR: Itu lah. Mm-mm. Itu sahaja lah. Tetapi *auntie* memang rapat lah dengan mereka, memang rapat.

**SNJ: Selalu lah bersama-sama.**

RAR: (mengangguk) Mereka-- masa mereka SPM [Sijil Pelajaran Malaysia], mereka tidak boleh kerja, mereka kena ikut *auntie*. Ikut sahaja kan, jadi pergi hantar barang ke apa ke dia ikut. Hendak pergi *meeting* [mesyuarat] semua mereka tunggu lah kan, jadi makan sama. Mereka kadang-kadang bila kawan-kawan tanya “Kau di mana?” “Aku tengah *breakfast* [bersarapan]. Kau di mana?” “Aku tengah *lunch* [makan tengah hari]” “Dengan siapa?” “Dengan *girlfriend* [teman wanita] aku lah.” “Dengan siapa?” “Mak aku.” (gelak)

**SNS: Maksudnya anak-anak *auntie* semua memang dari sekolah menengah yang sama. Bila sudah habis SPM itu baru ada yang ke sana ke sana?**

RAR: (mengangguk) Syaza [dan] Syifa mereka pergi haa apa-- haa (berfikir) matrikulasi, kan. Selepas itu baru pergi UM kan. Matrik [matrikulasi] pun [mendapat anugerah] *Best Student* [Pelajar Terbaik].

**SNJ: Kiranya antara semua-- oh, memang Syifa lah yang start--**

RAR: Nombor satu, (menganggung) yang sulung. Itu lah bila kakak dia dapat sembilan A, mereka dapat enam A kan, cikgu-cikgu cakap “Kakak kau dapat ini” “Dah dia ambil semua, kami tinggal sedikit lah.” (gelak) Lelaki,

**SNJ: Okey. Ada lagi kah?**

**SNS: Tiada lah sudah kut.**

**SNJ: Rasanya yang itu sahaja kut.**

RAR: Ini sudah ada sudah. Semua sudah cukup. (ambil mengemas kertas-kertas)  
(bunyi mikrofon teralih)

**SNJ: Jadi, especially [terutamanya] waktu tengah COVID ini, adakah sedikit sebanyak macam menjelaskan [perniagaan]?**

RAR: Memang menjelaskan banyak, tetapi sebab kita memang sudah ada *source* [sumber], kan. Kalau macam orang baru kesian lah. (bunyi mikrofon) Macam kraftangan lain, macam mereka buat batik. Macam batik kan dia selalu *exhibition* kan selalu kena ada. Selepas itu pula-- macam *auntie* sebab bila buat bunga telur ke buat apa semua, orang *order* ribu ratus kan. Macam batik tidak akan lah orang hendak beli baju batik sampai seribu macam itu, kan? Jadi, *affect* [memberi kesan] lah. Kesian pada mereka. (bunyi kertas) Sebab itu *auntie*-- sebab *auntie* ada benda lain lah kan. Macam-- ha ini macam di Ambiente [Pameran perdagangan barang pengguna antarabangsa di Frankfurt, Jerman] (ambil menunjukkan sekeping risalah) kita pergi, mereka buatlah macam ini [pameran]. Apa ini-- macam ini. Ini kayu (ambil menunjukkan ke arah gambar kraftangan kayu di dalam risalah tersebut). Yang pergi ini lah, yang pergi-- macam pergi dengan Kraftangan. Kayu, yang ini *Temeku Jug Pottery* [Tembikar kendi Temeku] tetapi dia buat benda macam ini, tidak macam *auntie*. Macam dia ini [buat] seramik juga, tapi dia guna untuk ini.

**SNS: Tulisan.**

RAR: Yang ini piuter, yang ini haa macam itu lah. Yang ini memang selalu-- pergi lah wajib lah ini. Macam ini dia piuter. Yang ini--

**SNJ: Pameran kah?**

RAR: A'ah ini pameran ini di Jerman. Frankfurt, Jerman.

**SNS: Jadi *auntie* punya pun masih ada sekali dalam *pamphlet* [risalah].**

RAR: A'ah, semua ada, semua ada lah. Jadi macam itu lah. Tiap-tiap kali mereka buat lah untuk kita. Selepas itu-- (mengeluarkan risalah lain) haa itu Ambiente itu tahun bila? Ini tahun dua kosong empat belas [tahun 2014], haa ini dua kosong tiga belas [tahun 2013] macam ini (sambil membuka risalah lain). *Auntie* punya macam itu lah. Tengok ini mereka buatlah ini. (sambil mengeluarkan sebuah buku) Selepas itu, mereka buatkan buku. Malaysia.

**SNS: Oh, memang *fully* [sepenuhnya] *auntie* punya cerita kah? Campur-campur?**

RAR: Tidak, tidak. Semua lah, semua.

**SNS: Oh, campur-campur.**

RAR: Macam ini kraf *oriental* [ketimuran], *metal craft* [kraf besi], selepas itu macam kita piu-- ini piuter, piuter sahaja. Seramik ini Temaku dia buat ini, selepas dia ini buat ini, lain lah kan. (selak ke halaman seterusnya) Selepas itu, dia ini buat *beads* [manik] sahaja. Dia ini buat ini. (bunyi mikrofon) Selepas itu Lavender dia buat ini, *auntie* buat ini. Macam itu lah. Macam

lain lah kan. Jadi mereka *promote* [mempromosi] lah (selak ke halaman seterusnya). Selepas itu gubahan khat, ini. Selepas itu *oriental* buat ini. Jadi kita pergi *exhibition* macam itu lah. Dia macam-macam lah. Memang mereka buat.

**SNS: Seronok lah *auntie*.**

**SNJ: Banyak sudah pengalaman.**

RAR: A'ah, banyak sangat. Sampai masa dapat [anugerah] Tokoh Kraf [Tokoh Kraf Negara 2020] dan Adiguru [Adiguru Kraf Seramik], Kraftangan kata “*First time* [pertama kali] lah kami pening. Hendak-- tidak tertulis-- banyak sangat [anugerah]. Selalu--” Masa mereka datang buat *shooting* [penggambaran], mereka *happy* [gembira] sangat. Mereka kata “Orang [dapat] anugerah tiga sahaja, paling-- selalu tokoh kami [dapat] tiga sahaja, ini sampai sebelas. Kami tidak tahu lah.” Sampai SIRIM kecil hati sebab dalam buku itu tiada gambar, tiada sebut SIRIM.

**SNJ: SIRIM.**

RAR: Tidak ada SIRIM. (gelak) Gelak betul. Sebab sudah terlalu banyak dia cakap

**SNS: Betul.**

RAR: Selepas itu *auntie* memang-- Itu mereka kata “Kalau tengok Kak Ana,” mereka kata “*simple* sahaja.” Tetapi me-reka terkejut bila tengok kilang, kan, mereka pergi kilang, “Kilang dia punya besar tetapi dia *simple*. Kita pergi luar negeri ber-shopping [membeli belah]. Macam malu nya dengan dia.” Baru mereka duk sebut. *Simple* sahaja.

**SNJ: Untuk apa ini-- kalau macam yang jadi-- yang dinobatkan sebagai Tokoh Negara ini kan, untuk berapa lama, ya tempoh?**

RAR: Dia selalu tiga empat tahun, susah-- sampai mereka dapat cari lah. Ini pun sudah lama ini tidak dapat yang mereka hendak betul-betul, kan.

**SNS: Oh, Adiguru dua ribu sembilan belas [tahun 2019], selepas itu terus ini [Tokoh Kraf Negara 2020], jadi tempoh [menjadi] Adiguru--**

RAR: Selalunya-- Selepas Adiguru lambat lah juga, tetapi sebab mereka tengok *auntie* sudah pergi kilang tengok.

**SNS: Macam-macam.**

RAR: Tidak boleh, sebab *auntie*-- mereka yang apa ini-- sa-- letak nama di Chicago [Amerika Syarikat] itu. Terus dapat. Itu mereka pelik itu. Mereka sudah hantar sebelum ini, tidak pernah dapat. Dapat *auntie*, dapat.

**SNS: Maksudnya dapat apa?**

